



## DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS

### PENGGAL KELIMA

### MESYUARAT PERTAMA

---

**Shah Alam, 21 Mac 2012 ( Rabu )**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim  
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Tuan Ng Suee Lim

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar

Y.B. Tuan Lee Kim Sin

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei

Y.B. Tuan Lau Weng San

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib

Y.B. Tuan Yap Lum Chin

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam

Y.B. Puan Lee Ying Ha

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Y.B. Puan Gan Pei Nei

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,  
DSSA., KMN., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,  
DSSA., AMS., AMN., PJK

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,  
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,  
DPMS., JSM., SSA

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,  
DPMS., ASA., PJK.

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,  
DSSA., AMS., PJK.

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,  
DPMS.,ASA.

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor  
DPMS., KMN., AMN., ASA.

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK.

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol  
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK.

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,  
DPMS., SSA., ASA.

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,  
SSAP., DIMP.

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,  
DMSM., JP., AMS.

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,  
DPSM., AMS.

Y.B. Tuan Yap Ee Wah

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,  
JMN., SMS., PJK.

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak  
SMS., PPN.

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,  
SMS., PJK.

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali  
DPMS., DIMP., SMS.

## **TIDAK HADIR**

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,  
KMN., SIS., ASDK.

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah

## **TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT  
**Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)**

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir  
**Ketua Penolong Setiausaha**

Encik Zawawi bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha**

Puan Siti Salbiah bt. Masri  
**Penolong Pegawai Tadbir**

Encik Md. Saref bin Salleh  
**Bentara**

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman  
Encik Redzuan bin Adam  
**Penolong Bentara**

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid  
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah  
**Pelapor Perbahasan**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Aturan Mesyuarat hari ketiga 21 Mac 2012 bagi Mesyuarat Kelima Bagi Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Ke-12 dimulakan dengan bacaan doa.

## **I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan sambungan.

## **II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang. Tidak hadir. Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya No. 3.

### **PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM (KOTA ALAM SHAH)**

#### **TAJUK : MASALAH BEKALAN AIR BERSIH**

3. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar, terdapat khabar angin mengatakan bahawa rakyat di negeri Selangor bakal menghadapi masalah bekalan air bersih dalam tempoh terdekat ini?
- b) Jika benar terjadinya situasi sebegini, apakah langkah-langkah proaktif yang bakal diambil oleh kerajaan negeri Selangor bagi mengatasi masalah bekalan air bersih tersebut kelak?
- c) Di manakah kawasan-kawasan di negeri Selangor yang dikenal pasti masih belum menikmati bekalan air bersih (100%) pada masa kini?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Soalan Dato' Speaker soalnya ialah mengenai masalah bekalan air bersih di Selangor. Adakah benar, terdapat khabar angin mengatakan bahawa rakyat di negeri Selangor bakal menghadapi masalah bekalan air bersih dalam tempoh terdekat? Satu perkara paling jelas berlaku dalam dua (2) minggu yang lepas ataupun dua (2) minggu lepas kita menghadapi satu keadaan di mana terdapat banjir dan juga kekurangan air. Itu menunjukkan satu perkara hal yang aneh. Satu, ialah air banjir. Dua, ialah tiada air dari paip.

Ini menunjukkan bahawa pengurusan air di Selangor adalah tidak dapat diuruskan dengan sebaik-baiknya itulah persoalan yang saya kemukakan untuk perbincangan di peringkat antarabangsa, di Mesir, di France bahawa Malaysia dan Selangor di bawah negeri *equatorial* yang mana terdapat dua ratus (200) hari hujan dan kita tidak boleh dapat menampung atau menyimpan air supaya ianya dapat digunakan. Ada dua (2) sebab yang berlaku.

Satu sebab, ialah penswastaan yang di lakukan oleh kerajaan negeri Selangor sebelum ini bersama ini bersama kerajaan persekutuan tidak mengambil kira keupayaan mereka yang mendapat konsesi air itu berkebolehan untuk pengurusan air. Jadi, kalau mereka tidak berkebolehan, inilah yang berlaku. Air bah, air banjir tetapi air tiada.

Kedua, kos yang dikendalikan selepas penswastaan adalah berlipat ganda dari apa yang dilakukan oleh Lembaga Urus Air Selangor sebelum penswastaan. Dan rakan-rakan kita boleh jadi dalam Sekinchan telah menyatakan bayaran gaji untuk Ketua Eksekutif SYABAS diukur dengan jumlah saat dia bernafas bukan pula diukur dengan gaji sebulan. Kalau gaji sebulan dibentangkan di dalam dewan ini sudah tentulah dewan ini rasa malu dan segan, melebihi RM600,000 sebulan. Jadi, rakan kita dari Sekinchan mengukur dia dalam bentuk seminit. Jadi, saya telah meminta, meminta kajian dibuat oleh pihak LUAS mengenai keupayaan-keupayaan negeri Selangor dalam usaha menentukan air terawat ini cukup. Yang sebenarnya, air terawat ini cukup jika loji pembersihan air ini dibuat dengan betul. Loji rawatan air. negeri Selangor mempunyai lebih dari 17 loji rawatan air. Loji rawatan air ini kalau dijaga dan dibersihkan ia akan mempunyai jumlah air yang cukup. Kedua, saya juga melihat rasionalnya, mengapa kita dalam keadaan air yang cukup terpaksa meminta negeri Pahang untuk menjualkan air kepada kita. Mengapa? Mengapa kita perlu membuat lubang di bawah gunung supaya ianya dapat disalurkan sampai ke Langat supaya dibuat loji pembersihan air yang jumlah pelaburannya melebihi RM8,000 juta. Kalau kita gunakan duit setengah daripada RM8,000 juta itu untuk membetulkan paip-paip kita yang ada, loji-loji pembersihan dan juga pembersihan sungai-sungai yang kita ada, perkara ini tidak merupakan satu masalah besar dalam usaha kekurangan air. Dan ini jelas kita tunjukkan dan saya ingin mengatakan bahawa kerajaan Malaysia membohongi rakyat Selangor. Kerajaan Malaysia sepatutnya memberikan peluang kepada rakyat Selangor supaya pengurusan air ini diberikan semula kepada kerajaan negeri. Ini sudah termaktub dalam (.....) ataupun undang-undang yang telah diluluskan pada tahun 2006. Dan kita telah dapat tunjukkan bahawa semua ini akan dapat menolong semula rakyat Selangor mendapat bekalan air yang sepatutnya dengan harga yang munasabah. Di forum air antarabangsa, saya juga telah menunjukkan di negeri Selangor telah memberi tawaran kepada konsesi-konsesi air dengan pulangan yang sangat munasabah. Pulangan yang munasabah ialah, pulangan sejumlah 12% daripada pulangan ekuiti yang dilaburkan oleh konsesi-konsesi tersebut. Dan saya ditanya semula oleh beberapa ahli forum, 12% dalam keadaan risiko yang sangat rendah. Sebab, kalau tidak berjaya, konsesi itu boleh pulangkan balik kepada kerajaan negeri ataupun kerajaan persekutuan. Dalam keadaan ini kenapa konsesi tersebut diberi pulangan 12%. Sepatutnya pulangan yang sebaiknya ialah tidak melebihi 5%

atau 6% sebab deposit kita dalam bank ialah paling banyak kita boleh dapat 3%. Jadi ditanya, ditanya kenapa begitu? Saya kata, itu telah tersebut dalam perjanjian yang ditandatangani oleh kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Dengan nilai tersebut, konsesi-konsesi yang kita tawarkan itu tidak menerimanya, tidak menerimanya di negeri Selangor dan yang dicadangkan ialah pulangan melebihi 75%. 75% ini dianggap satu rombakan bukan satu penswastaan, iaitu yang saya hendak dijelaskan di sini dan sebab itulah ramai di antara mereka mencadangkan supaya perkara ini dapat dibincangkan di peringkat antarabangsa supaya pihak antarabangsa memahami. Adakah tawaran yang dibuat di negeri Selangor itu tawaran yang munasabah? Tawaran yang adil. Tawaran yang boleh menolong rakyat negeri Selangor mendapat menguruskan air yang lebih baik. Perkara yang dikatakan oleh. Perkara yang ditanya? Adakah kita cukup air? Jawapannya ialah purata penggunaan air kita ialah 2005 sampai 2011 di antara 2.3 liter 2.3 sampai 2.8 dibandingkan dengan apa yang berlaku di Australia ialah ia melebihi 3. Jadi maknanya, kekhuitiran kita bahawa rakyat Selangor menggunakan rakyat Selangor menggunakan air yang banyak ataupun andaian kita dengan adanya air percuma 20 meter padu, rakyat Selangor menggunakan air dengan begitu mana? Jawapannya tidak. Rakyat Selangor tidak menambah penggunaan air. Sebenarnya kalau ia menambah penggunaan air sudah tentu ia menggunakan air lebih menggunakan 20 meter padu dan ianya perlu dibayar dengan harga yang lebih tinggi. Jadi, jawapan saya ialah kerajaan kita, masalah bekalan air, masalah perjanjian kita di dalam penswastaan. Dan masalah ini mesti diselesaikan kerana rakyat Selangor akan menerima akibat buruk hasil daripada penswastaan yang berlaku.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Adakah anggapan yang mengatakan Selangor mempunyai tasik dan kolam yang banyak tetapi tidak sesuai digunakan kerana mengandungi logam berat? Apakah ini adakah membazir sahaja, sebenarnya boleh dibersihkannya. Kedua, bagaimana pendirian kerajaan Selangor terhadap usaha yang dilakukan iaitu menebuk bukit membuat terowong air dari Pahang ke Hulu Langat yang terbengkalai itu? Apakah *stand* kita terhadap projek ini? Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat dari Bangi. Pertama semasa saya di forum perbincangan bukan sahaja menggunakan air dari takungan lombong tetapi perbincangan juga mengenai menggunakan air laut jadi itu dibuat oleh mereka-mereka yang tidak dalam keadaan yang sebaiknya macam ini. Jadi teknologinya untuk menggunakan air lombong jika kita itu perlu itu jawapannya kita masih lagi tidak perlu. Teknologi yang digunakan ialah dipanggil sebagai *reverse osmosis* ini ialah satu proses yang mana air itu dijadikan wap dan bilik itu disejukkan semula dan dia ditapis dengan menggunakan membran teknologi. Jadi bererti air, kita akan minum selepas proses tersebut ialah tidak mengandungi apa yang dipanggil besibesi atau metal yang ada di dalamnya. Tetapi itu kita tidak payah menggunakan

sebab yang patut kita jaga ialah bersihkan sungai-sungai supaya kita ada aliran-aliran air yang cukup. Teknologi ini jadi kalau kita nak bincangkan teknologi ini lebih hebat lagi ialah teknologi bagaimana sekarang beberapa negara di Timur Tengah sudah dapat mengeluarkan air melalui tapisan keluar air dari laut. Tetapi teknologi itu saya ingat tidak perlu untuk negeri Selangor dan Malaysia kerana kita cukup air jawapannya ialah pengurusan air. Soalan yang kedua Bangi tadi minta Langat 2 kita tidak halang kelakuan itu tetapi kita nyatakan kalau hendak kita lakukan sebagai sebahagian daripada penyusunan semula air negeri Selangor itu sebab kita buat Langat 2. Langat 2 pada bulan Januari 2008, jadi dari rakan-rakan dari Barisan Nasional sudah tahu Januari 2008 ada keputusan Kabinet yang menyatakan sebahagian daripada penyusunan semula air untuk Negeri Selangor termasuk pemilikan dalam program Langat 2. Itu dinyatakan pada bulan Januari 2008, pada bulan Mac 2008 kerajaan persekutuan sudah berubah keputusannya. Jadi pada kita kalau tidak penyusunan semula air ini dibuat berserta dengan Langat 2 maknanya Langat 2 tidak perlu untuk kita itu sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Terima kasih Tuan Speaker. Jadi Dusun Tua tadi mengamatilah apa jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar tentang bekalan air bersih ini. Beliau menyatakan bahawa sudah merujuk kepada peringkat Antarabangsa tetapi hari ini sidang Dewan sekalian kita bercerita tentang masalah rakyat di negeri Selangor ini. Kita tidak mahu rakyat menjadi sengsara disebabkan dolak-dalik kerajaan negeri mengenai projek Sungai Langat 2 ini. Di tempat saya di Kampung Sungai Tekali sudah lama sangat dah selalu tidak ada air. Jadi bekalan air di sana selalu terganggu dan malah banyak tempat lain pun saya tengok berlaku gangguan bekalan air ini. Jadi sebab itu saya merasakan kalau kerajaan negeri tidak berpuas hati dengan apa Kerajaan Pusat buat itu melalui projek Sungai Langat 2 pengaliran air dari Pahang hingga ke Selangor itu. Kita pun nak tahu juga apa Kerajaan buat dalam tempoh 4 tahun ini untuk mengatasi masalah ini. Jadi kita tidak mahu rakyat negeri ini menjadi mangsanya semata-mata kerana dolak-dalik kita lebih daripada kepentingan politik jadi kawasan Sungai Langat 2 ini kawasan saya.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya apa.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Jadi soalan saya Tuan Speaker. Adakah kerajaan negeri akan terus menangguhkan usaha kerajaan pusat ini untuk menyalurkan air daripada negeri Pahang ke negeri Selangor bagi menangani masalah ini. Kerajaan negeri suka atau tidak itu soalan kedua usaha kerajaan pusat sudah ada menyelesaikan masalah.

**TUAN SPEAKER:** Sekarang saya minta soalan sahaja. Yang Berhormat kalau nak berucap,ucap kemudian. Saya sudah berulang kali dan ini adalah penggal yang kelima dah yang terakhir untuk mana-mana ADUN sekali pun ada empat tahun pengalaman. Kalau Yang Berhormat teruskan dengan ucapan saya akan suruh Yang Berhormat duduk.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Saya terus dengan soalan Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKAR:** Ya.

**Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI:** Adakah kerajaan negeri berdolak-dalik dalam menyelesaikan isu Sungai Langat 2 kerana saya tidak mahu rakyat Selangor sengsara kerana isu ini? Terima kasih Tuan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker jawapannya siapa yang berdolak-dalik? Kerajaan negeri Selangor ataupun kerajaan persekutuan. Kedua kerajaan negeri Selangor melihat beberapa teknologi untuk supaya jika sebenarnya kerajaan persekutuan ingin meneruskan usaha penyusunan semula kerajaan negeri mestilah melihat punca-punca air di mana kita juga boleh keluarkan dengan syarat kita diberi balik apa yang dipanggil penyaluran air-air yang dipunyai oleh PUAS dahulu. Untuk pengetahuan Dewan kita dapat apabila penyusunan air ini berlaku paip-paip air ada sekarang dan diserahkan SYABAS bukan juga diserahkan kepada sesiapa tetapi masih lagi dalam pemilikan kerajaan negeri Selangor. Walau pun tidak apa yang dipanggil tidak direkodkan tetapi EXCO kita sekarang menjalankan audit dan merekodkan semua harta-harta negeri Selangor yang telah saya pernah nyatakan di dalam dewan ini melebihi sepuluh ribu juta ringgit. Jadi dengan itu kita boleh mencari punca-punca air yang ada kalau berlaku apa-apa kita boleh menggunakan saluran tersebut. Teknologi sekarang kita boleh mengeluarkan dalam masa enam bulan, teknologi sekarang tetapi yang melambatkan *test* yang berlaku bukan pembinaan pembersihan air ialah apa yang dipanggil pembinaan terowong yang dikorek di bawah gunung-gunung itu yang berlaku. Jadi saudara dan saya akan bekerja keras supaya kita dapat menentukan rakyat Selangor mendapat air bersih. Kedua loji-loji patutnya diuruskan oleh SYABAS dan juga Puncak Niaga perlu diperbaiki, kalau tidak boleh diperbaiki kerana tidak ada cukup duit serahkan kepada kerajaan negeri supaya dapat diperbetulkan. Itu jawapan kita.

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Soalan tambahan tidak boleh ke Speaker?

**TUAN SPEAKER:** Dah dua soalan tambahan dah. Batu Caves.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker takkan tutup Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dah satu soalan sudah ambil dua masa.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker kita ada sepuluh hari Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Itu soal lain saya yang uruskan masa. Sila duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya nak tanya satu soalan sahaja.

**TUAN SPEAKAR:** Sila duduk.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker yang jaga sangat MB kenapa Speaker.

**TUAN SPEAKAR:** Sila Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker soalan nombor enam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI**  
**(BATU CAVES)**

**TAJUK: GAJI MINIMA**

6. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.

- a) Berapa ramai pekerja di syarikat-syarikat berkaitan kerajaan negeri menikmati dasar gaji minima yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Selangor?
- b) Berapa syarikat-syarikat kerajaan negeri yang tidak berupaya menjalankan polisi gaji minima?
- c) Apakah halangan utama untuk kerajaan negeri melaksanakan dasar gaji minima kepada seluruh pekerja di bawah seliaan kerajaan negeri Selangor?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Caves, Dato' Speaker, Yang Berhormat dari Batu Caves membangkitkan isu mengenai gaji minima dan bagaimana perlaksanaan. Dalam program Selangorku kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah sepuluh juta untuk pengenalan ataupun pelaksanaan gaji minima. Rasionalnya ialah mengurangkan jurang pendapatan dan sasarannya ialah kakitangan syarikat milik negeri. Saya ingin menjelaskan tentang konsep yang kita ingin utarakan. Konsep yang ingin kerajaan negeri utarakan ialah tidak ada pekerja di dalam syarikat-syarikat GLC tidak menerima gaji ataupun menerima gaji kurang daripada RM1,500. Itu kita punya cadangan atau pun objektif. Tetapi sudah tentulah syarikat-syarikat GLC yang kita panggil menyatakan kita siapakah lagi pekerja-pekerja atau warga kerja dalam GLC ini yang masih mendapat gaji kurang daripada RM1,500. Kalau ada, maknanya pekerja-pekerja ini perlu diberikan latihan dan kemahiran supaya ianya dapat diberikan gaji RM1,500. Jadi bererti kita mesti menambahkan keupayaan dan kebolehan pekerja-pekerja dalam GLC supaya mereka mendapat peluang ataupun mendapat gaji RM1,500. Saya ambil sebagai contoh, contoh ini boleh jadi tidak sebagus mana tetapi boleh jadi ada pekerja dalam GLC yang tugasnya ialah dulunya dipanggil sebagai budak pejabat. Budak pejabat maknanya gajinya tidak boleh sampai

dibayar sampai harga RM1,500. Jawapan kita, mengapa tidak kita latih rakan kita itu dengan kemahiran dan keupayaannya bukan sahaja dia jadi budak pejabat tetapi dia juga jadi kerani untuk simpan fail dalam komputer, dia juga boleh mendapat keupayaan bawa van untuk menghantar barang-barangan jadi bukan lagi dia dianggap sebagai budak pejabat tetapi seorang yang menolong pejabat. Eksekutif pejabat dalam *multi tasking*. Jadi jawapan kita kalau itu kita latih sudah tentulah GLC sepatutnya membayar gaji lebih daripada RM1,500. Jawapan kita gaji bukan dibayar kerana gaji. Gaji dibayar kerana produktiviti. Produktiviti itu mestilah boleh dihasilkan melalui latihan dan keupayaan. Dan kerajaan negeri sanggup memberikan dana untuk memberikan latihan tersebut. Umpamanya saya bagi contoh yang kedua ada juga pegawai-pegawai kita atau pekerja-pekerja kita yang bekerja dalam pejabat industri pembinaan tetapi kalau kita latih dia menjadi *clerk of work* atau orang yang menjaga barang-barang tersebut dengan latihan memantau tentang *using*. Biasanya dalam latihan dan hasil tersebut pekerja yang mempunyai keupayaan ini boleh mendapat gaji lebih dari RM2,000. Jadi tujuan konsep gaji minimum ini memerlukan setiap mereka yang diambil bekerja di syarikat-syarikat GLC ini kita mesti andaikan bahawa mereka ini mesti mempunyai keupayaan untuk menerima gaji lebih RM1,500. Jadi konsep ini kita gabungkan antara konsep gaji dan juga produktiviti. Itu sebab kita cuba konsep-konsep ini di syarikat GLC sebab konsep ini senang nak dilaksanakan tetapi kalau kita terjemahkan dalam warga penjawat awam negeri ini masih belum dapat diterjemahkan kerana bentuk-bentuk kerja yang dilakukan adalah di dalam *organization chart* yang sangat sukar diubah. Jadi oleh sebab itu kita ada kes semua warga kerja dalam syarikat-syarikat GLC akan kita latih supaya tidak ada seorang pun yang akan mendapat gaji kurang dari RM1,500. Dan kita mula laksanakan mula dari bulan Januari saya telah terima beberapa cadangan untuk membuat latihan-latihan tersebut. Dan pada anggapan saya dalam masa dua bulan lagi kita akan membuat lagi satu perjumpaan supaya setiap dari mereka yang mendapat gaji di bawah seribu lima ratus akan kita usahakan supaya dalam masa tiga bulan atau enam bulan latihan mereka sepatutnya mendapat gaji seribu lima ratus atau lebih.

**TUAN SPEAKER:** Balakong.

**Y.B. TUAN YAP LUM CHIN:** Tuan Speaker, soalan No. 8.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN YAP LUM CHIN  
(BALAKONG)**

**TAJUK: PROGRAM PREMIUM RM1,000.00**

8. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Berapa ramaikah rakyat Selangor yang telah memohon untuk Program Premium RM1,000.00? Berapakah jumlah premium yang telah di terima oleh kerajaan negeri?

- b) Sila jelaskan mengikut pecahan kaum.
- c) Berapakah nilai premium sebenar tanah-tanah tersebut?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat dari Balakong yang memberi soalan mengenai program Premium RM1,000. Kerajaan negeri di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat telah mengambil inisiatif untuk meringankan beban rakyat untuk memiliki rumah atau memiliki tanah ataupun untuk meneruskan apa yang dipanggil sewa tanah atau *lease* tanah ke 99 tahun dan dengan mengenakan bayaran premium hanya RM1,000 dan ini kita gunakan untuk siapa-siapa yang dapat 5A yang diberikan tanah yang dulunya mereka duduk berpuluh-puluh tahun tak dapat yang kita berikan pada mereka dan kita juga memberikan peluang pemilikan tersebut dengan hanya membayar RM1,000. Dan yang kedua ialah untuk melanjutkan tempoh pajakan. Ini berlaku seperti kawasan-kawasan di Petaling Jaya ada beberapa mereka yang telah mendapat tanah tapi tempoh pajakan mereka sudah lebih daripada 60 tahun jadi mereka ingin untuk lagi 39 tahun lagi tapi untuk membolehkan kita merasakan selesa. Mereka boleh memohon supaya pajakan tersebut diberikan kepada mereka balik kepada 99 tahun. Dan dengan itu pun mereka boleh membayar dengan harga RM1,000 sahaja. RM1,000 ialah bayaran premium dan apabila premium itu dibayar ada juga beberapa caruman yang kena bayar seperti parit dan kubur. Dan caruman itu tidak banyak tetapi tidak termasuk dalam bayaran RM1,000 tersebut. Berapa yang sudah nikmatinya sekarang tiap-tiap hari ada. Di Hulu Langat sahaja sudah ada 136 yang telah diberikan bayaran premium RM1,000. Di Kuala Selangor 89, Petaling 65, Gombak 48, Klang 6 dan di Gombak jumlah permohonan lulus bayaran premium ada 2 yang sudah bayar yang sudah lulus iaitu di Kuala Selangor ada 89, di Gombak ada juga dan nilai tanah ini berdasarkan, walaupun saya nak ingatkan pembayaran premium yang ditentukan ialah berdasarkan nilai tanah dan peratus dari nilai tanah tersebut. Walau bagaimanapun kerajaan negeri telah menambah iaitu dalam Selangor *land rule* ataupun cara-cara pentadbiran tanah di negeri Selangor kita telah tambah dan dipersetujui oleh EXCO dan kita telah tambah bahawa pemilik tanah boleh menggunakan peluang ini dengan hanya membayar RM1,000 sebagai premium untuk mereka memiliki tanah tersebut.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ialah Subang Jaya.

**Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN:** Soalan saya adalah bolehkah kerajaan Selangor menganjurkan lebih sesi taklimat dan penjelasan kepada DUN Bukit Gasing terutamanya caruman tanah perkuburan ini.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya bercadang juga untuk mengadakan perjumpaan di Petaling Jaya bukan sahaja di Bukit Gasing tapi untuk bersama-sama dengan Pegawai Daerah dan juga ADO (Timbalan Pegawai Daerah) supaya dapat memahami soalan-soalan yang disoalkan oleh apa yang dikatakan pemilik-pemilik tanah tersebut sebab saya tidak fikir mereka mempersoalkan sebab premium RM1,000

saya tidak fikir sebab kalau premium yang sebenarnya untuk di Petaling Jaya sebagai contoh kalau seorang itu ada 10,000 kaki persegi iaitu kalau dia ada banglo 10,000 kaki persegi kalau dengan harga RM100 sekaki saya rasa itu adalah harga yang sangat murah di Petaling Jaya. Maknanya nilai aset atau tanah tersebut ialah RM1 juta. Bayaran yang dikenakan untuk diberikan kepada jumlah balik kepada 99 tahun ialah berasaskan RM1 juta didarabkan dengan jumlah yang tinggal iaitu kalau 60 tahun dia nak 99 tahun balik saya ambil contoh ialah 60 tahun, 99 tahun kali dengan RM1 juta kali dengan 1 per 4 iaitu suku tapi lebih kurang dia kena bayar biasanya kalau 99 tahun maknanya dia kena bayar RM50,000. Tapi kalau peratusnya ialah katakan 60% maknanya dia kena bayar melebihi RM160,000. Tapi untuk kes ini kerajaan negeri boleh tambah 99 tahun dengan harga RM1,000 sahaja. Jadi saya tidak terfikir mereka akan menolak perkara ini. Tapi yang saya fikir mereka mempersoalkan tentang caruman parit dan juga caruman kubur. Jadi dulu kita tidak berbincang kepada perkara ini sebab di Petaling Jaya sendiri kawasan untuk perkuburan sudah tiada. Jadi kita kena ada soalan yang dikemukakan pada saya kita kena mencari tapak baru untuk kawasan perkuburan dan ini perlu dibayar bersama oleh semua pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut. Saya akan mengadakan perbincangan dan memahami apa kemusyikan mereka. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Dato' Menteri Besar bahawa baru-baru ini saya terima aduan ataupun tuduhan bahawa program ini ada satu isu yang tidak begitu bermanfaat kepada rakyat di mana difahamkan pejabat tanah akan mengenakan kaveat terhadap tanah ini dan dengan itu pemilik-pemilik tanah tidak dapat meminjam wang daripada bank untuk membina semula rumah mereka. Jadi saya nak tanya kepada Menteri Besar adakah tuduhan ini benar dan jika ini tidak benar maka pada pendapat kerajaan negeri adakah pemilik itu mempunyai masalah untuk mendapat pinjaman wang daripada bank. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Dato' Speaker. Kenyataan ini saya difahamkan tidak benar. Dia boleh menggunakan aset tersebut supaya dicagarkan ataupun digunakan sebagai aset pinjaman. Itu sebab saya nak tahu mengapa perkara ini ditimbulkan. Walau bagaimanapun ini yang paling penting nak saya nyatakan premium yang dibayar RM1,000 itu ialah pendahuluan, maknanya dia bayar pendahuluan RM1,000 tetapi apabila dia jual tanah bukan dia cagar tanah, jual tanah untuk diberi pemilikan kepada orang lain premium yang sebenarnya dikenakan. Tapi kalau dia pindah tanah, pindah milik tanah kepada anak dia ataupun *net socking* premium tidak payah dibayar. Dan ini kita sudah perjelaskan.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 10 simpanan tunai kerajaan negeri Selangor meningkat. Terima kasih.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR  
(BANGI)**

**TAJUK : SIMPANAN TUNAI KERAJAAN NEGERI SELANGOR MENINGKAT**

10. Syabas terhadap kerajaan negeri Selangor kerana berjaya meningkatkan simpanan kewangan dari RM500 juta (2007) kepada RM1.9 bilion (Disember 2011).

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah faktor yang memberi sumbangan ke arah peningkatan simpanan tersebut?
- b) Apakah kaedah terbaik untuk menggunakan simpanan ini untuk memberi faedah kepada rakyat?
- c) Apakah sektor utama yang diberi perhatian daripada penggunaan simpanan ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih rakan saya dari Bangi membangkitkan isu simpanan tunai kerajaan negeri Selangor. Isu simpanan tunai kerajaan negeri Selangor saya membuat satu apa itu, satu persediaan kerana untuk menjawab soalan daripada Ketua Pembangkang pasal peranan penasihat ekonomi dan hasil peningkatan simpanan tunai kerajaan negeri Selangor tapi nampaknya dia tidak hadir dan ini untuk menerangkan bagaimana pengurusan negeri, saya lihat dulunya pembangunan negeri Selangor ini sebahagian besarnya dibangunkan melalui apa yang dipanggil dalam *terminologi* atau pun dalam kaedah yang saya nyatakan ialah pemberian tanah maknanya pembangunan Shah Alam ini hasil daripada pertukaran tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri Selangor kepada kerajaan persekutuan iaitu menjadi apa yang dipanggil bandaraya Kuala Lumpur. Itu sebab saya tengok pembangunan masjid, pembangunan bangunan kita ini pun dibiayai melalui usaha tersebut.

Kedua, program ini juga diteruskan dengan tanah yang diberikan untuk dijadikan Putrajaya. Jadi apabila saya lihat keadaan ini berlaku jadi sudah tentulah kerajaan negeri Selangor tidak ada lagi peluang untuk memberikan tanah lagi kepada kerajaan persekutuan untuk usaha-usaha seterusnya kerana saya rasa rundingan antara kerajaan negeri Selangor dengan kerajaan persekutuan memihak kepada kerajaan persekutuan. Kalau lahan bandaraya Kuala Lumpur itu diberikan kawasan bandaraya seperti biasa 99 tahun bukan berasaskan masih ada langit dan bumi dan matahari terbit di timur. Kalau saudara baca perjanjian itu, perjanjian ditulis dalam bentuk itu, jadi maknanya *as long as there is sunrise* maknanya kalau lahan kita buat begitu sudah tentu seperti yang dibuat di Hong Kong maknanya tanah daripada Hong Kong diserahkan untuk dijaga oleh kerajaan Inggeris tapi sampai beberapa tahun selepas itu kena

diserahkan balik kepada kerajaan China. Jadi oleh sebab itu, saya mula membuat persediaan masa depan maknanya *reserved* kita mesti tinggi, kawasan kita mesti tinggi sudah tentulah kita boleh buat pembangunan. *Reserved* kita pada 2005 yang hasil yang disatukan ialah RM420 juta dan kalau dicampur semua jadi RM800 juta tapi kita telah uruskan 2006 tak banyak meningkat, 2007 pun tak berapa banyak tapi selepas itu kita mula menjaganya sehingga kepada 2011 jumlah kedudukan wang disatukan maknanya wang kita RM900 juta dan jumlah kesemuanya dan pelaburan sebanyak RM1,944. Jadi ini tidak cukup lagi kalau kita bandingkan pengalaman di Singapura maknanya dia sepatutnya kalau sampai sekarang sejak yang kita lakukan ini kalau keadaan ekonomi Selangor yang dikatakan memberikan itu lagi satu saya hendak terangkan kepada Seri Serdang sumbangan kerajaan negeri Selangor kepada ekonomi Malaysia ialah 22% ke 23% kepada ekonomi Malaysia 22% ke 23%. Maknanya 1/5 daripada ekonomi Malaysia ini ialah yang disumbangkan oleh negeri Selangor. Negeri-negeri lain tidak lebih daripada 9%.

Jadi sumbangan kita ini tinggi jadi oleh sebab itulah kita juga mesti menyediakan dana-dana *reserved* kita, saya tahu sebab dalam pilihan raya yang lepas sebelum pilihan raya, rakyat Klang sangat gembira kerana jambatan ketiga akan didirikan. Dan Menteri yang bukan Menteri, bekas Menteri daripada MIC telah juga bersama-sama bergambar untuk meletakkan batu asas untuk jambatan tersebut. Tapi hari ini jambatan tak ada. Itu sebab saya sediakan *reserved* dan makin lama makin banyak *reserved* kita. Kita tidak perlu lagi meminta sedekah kepada kerajaan persekutuan dan juga kita juga akan meminta kerajaan persekutuan untuk memberikan kita pulangan daripada hasil yang kita berikan kepada negara. Kita memberi hasil kepada negara lebih daripada 22%. pulangan yang dipulangkan balik kepada kita tidak sampai 2%. Itu bukan saya hendak 22% tapi 10% pun tak apa, yang 10% itu boleh diagihkan kepada negeri-negeri yang lain. Jadi, itulah sebabnya kita mesti menjaga apa itu *reserved* kita supaya kita kukuh dapat berdikari kalau air tak cukup untuk memperbaiki loji. Kalau itu yang paling perlu, kita boleh baiki loji. Jadi maknanya, negeri Selangor ini boleh berdikari kalau kita katakan kita ingin menjadi *province* yang maju.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Silakan Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih Tuan Speaker, benarkah tuduhan Ketua Pembangkang bahawa pertambahan simpanan kerajaan negeri oleh kerana penjualan aset-aset yang sedia ada di negeri Selangor. Apakah aset-aset itu jika benar dan kalau tidak benar sumber apakah yang paling utama yang kita dapat hasilkan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Itu sebab saya nak mencadangkan Seri Serdang mengikuti kursus mengikut kefahaman kewangan negeri. Itu sebab kalau tidak susah dan dia mempersoalkan tentang peranan penasihat ekonomi. Jadi itu sebab saya nak suruh penasihat ekonomi memberi kursus kepada beliau sebab penasihat ekonomi pernah jadi Menteri Kewangan lebih daripada enam tahun. Dengan cara itu lebih

senang kita berbincang. Kerajaan negeri tidak ada penjualan harta. Kalau ada penjualan harta kita ada rekod penjualan harta dan saya juga telah memberhentikan penswastaan. Saya sudah mula memberhentikan penswastaan. Ada kalanya kerajaan negeri ada tanah dan tanah itu diserahkan kepada pengusaha dengan cara penswastaan. Hasil konsesi itu dapat 7% dan kerajaan negeri melalui anak syarikatnya dapat 30%. Kalau projek itu terbengkalai kerajaan negeri dan syarikat itu menerima beban 100%. Jadi saya sudah hentikan perkara tersebut.

Kedua, apa yang jelas saya dapat daripada pengalaman saya 4 tahun di sini, penggunaan wang tidak cermat. Itu perkataan yang maknanya yang beradablah tidak cermat. Jadi maknanya kalau pembangunan itu atau pun projek itu boleh dibuat dengan harga RM20 juta biasanya selalu dibuat dengan harga RM40 juta bukan kurang maknanya kita tidak menilai kerja yang kita lakukan itu berasaskan *value for money*. *Value for money* ini saya ingat baru dikemukakan oleh Perdana Menteri Malaysia dalam bajet dua tahun yang lepas. Tapi kerajaan negeri sudah mula pada 2008, 2009 memantau tentang kegunaan dana. Oleh sebab itulah saya ingin nyatakan walau pun kita berbelanja kita nak tunjukkan perbelanjaan dalam empat tahun ini, empat tahun ini kita membelanjakan hampir RM600 juta. Tapi orang akan tengok, oh RM600 juta dia berbelanja tapi yang jelas walau pun kita berbelanja RM600 juta *reserved* kita juga meningkat, itu yang *that what a skill of management is all about*. Kita agihkan tapi agihan itu kalau saya tengok dulunya ada juga program-program seperti program warga emas takaful, pernah dibuat sebelum 2008 tapi kos pengendalian program ini sangat tinggi, Sangat tinggi saya lihat dia ada perantara maknanya wang itu diberikan kepada satu kumpulan. Kumpulan itu mengagihkan kepada orang lain. Jadi terdapat kebocoran yang berlaku. Jadi kalau nak buat umpamanya bila saudara tanya kita sudah belanja RM62,847 juta untuk Skim Mesra Usia Emas, saya boleh beritahu kepada siapa duit itu sampai dan senarai yang ini. Sebelum 2008 nama pun tak ada, itu dia punya contoh. Jadi maknanya kita dapat kurangkan kos-kos yang tidak perlu dalam pentadbiran kita. Kedua juga premium kita premium yang kita berikan tidak banyak yang kita letakkan diskaun sebab tak perlu. Tak perlu sebab orang yang mendapat tanah kita ini, akan mendapat hasil yang lebih banyak daripada apa yang kita dapat. Jadi dia sepatutnya membayar pada harga yang lebih tetapi ada kalanya mereka minta diskaun lagi. Itu sebab kita mula kurangkan bukan maknanya kita kalau asasnya betul ada juga kita bagi tetapi kita kurangkan. Jadi jawapan secara keseluruhannya ialah menjimatkan penggunaan dana tersebut.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik hati dengan apa yang, Yang Amat Berhormat Ijok sebutkan tadi Skim Warga Emas yang dia sampaikan bahawa sebelum 2008, semua Skim Warga Emas ini yang diuruskan oleh pejabat tanah tak ada nama orang yang menerima. Itu satu kenyataan yang tak betul dan kita tidak pernah buat seperti apa yang Pakatan Rakyat buat sekarang, apabila orang meninggal dunia sampaikan RM1,000 di dalam upacara pengebumian kemudian

kumpulkan semua orang sampaikan lagi RM1,500 untuk ahli keluarga ini memang satu cara berpolitiklah, saya.....

**TUAN SPEAKER:** Saya dah cakap dah, soalan

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Soalan saya, soalan saya ialah kenapa boleh ada fakta yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat bahawa sebelum 2008 Skim Warga Emas yang diuruskan oleh pejabat daerah tak ada nama? Soalan saya itu.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Pertama saya boleh bagi tahu saudara nama-nama yang dapat Skim Warga Emas sejak 2008. Dia di dalam komputer Rangkaian Mesra, dia ada, kalau Sungai Pelek dia punya apa tu kawasan pun, ada Y.B. Rodziah boleh bawa Y.B. masa makan tengah hari tunjukkan apa dia....

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya tidak mempertikaikan nama-nama selepas 2008 tapi apa yang, Yang Amat Berhormat cakap tadi sebelum 2008 penerimanya tidak ada pun tersenarai nama itu, ini menunjukkan pejabat daerah tidak menjalankan tugas dengan amanah itu persepsi saya sendirilah.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Jadi cuba saudara saya nak tunjukkan sekarang dalam ada tak saudara boleh berikan rekod-rekod sebelum 2008 jawapannya rekod-rekod itu walaupun boleh jadi dua tiga tapi tidak semacam rekod yang kita ada, rekod maknanya tak ada rekod, ada yang setengah tu tak ada rekod.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya rasa ini satu fitnah yang sangat tak betul.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Tidak bukan fitnah mana boleh kata fitnah.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Mana boleh kata tak ada.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. sila duduk, dengarlah dulu jawapan. Nanti peluang berbahas, saya dah cakap ini bukan tempat untuk kita bahas waktu pertanyaan, untuk tanya sahaja untuk fakta dan bukan kata persepsi nak hujah itu, kita bahas ya bukan sekarang ni, sekarang ni masa pertanyaan, tanya fakta dan perangkaan daripada pihak kerajaan itu caranya, dah sila duduk, saya tengah cakap, saya dah cakap kat sini waktu pertanyaan, waktu pertanyaan tanya, nak cakap nak ulas waktu bahas, ulas silakan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker saya tanya soalan.

**TUAN SPEAKER:** Kalau tak puas hati, ada masa perbahasan. Mana ada semua puas hati, semua orang tak puas hati, mana orang puas hati duduklah kalau ada masa cakap, cakap bila masa tanya, tanya, bukan masa cakap nak ulas saya tak puas hati sebab itu dah tanya soalan ini waktu pertanyaan,

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** (Speaker Off)

**TUAN SPEAKER:** Kalau dia jawab tak ada tak ada lah, kalau dia jawab ada, ada, kalau tak puas hati kalau didapati jawapan yang diberikan itu tidak benar maka tunjukkan bukti dan rujukan kepada mana-mana EXCO yang jawab tu tak betul, rujukan EXCO itu kepada jawatankuasa, Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya mereka yang beri jawapan yang tak betul tu boleh di hukum. Itu peraturan tolong baca peraturan.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Belum lagi, belum jawab habis lagi ni.

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Saya boleh kemukakan audit yang telah dibuat mengenai sebelum 2008 jadi maknanya selepas 2008 saya boleh berikan kepada saudara dan yang kedua pula saudara boleh sekejap lagi atau dalam masa itu boleh melihat senarai. Kita boleh berikan bezanya antara Pentadbiran Pakatan Rakyat dengan Pentadbiran Barisan Nasional

**TUAN SPEAKER:** Semenyih

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Speaker soalan tambahan, Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Tak ada lagi.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Bagi la peluang Speaker, dah dua kali Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Dah dua kali soalan.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Speaker, beri la peluang (*speaker off*)

**TUAN SPEAKER:** Ini sebenarnya adalah hak, adalah hak untuk di Dewan Negeri mengemukakan soalan itu hak, saya tidak menafikan hak itu. Kita ada sesi mesyuarat untuk mengkaji soalan di mana semua soalan daripada semua ADUN pun akan dikaji di hadapan semua ketua jabatan kita ikut peraturan. Kemudian kalau nak tambah, nak tanya soalan tambahan kita baca 24 Sub 3, - adalah kuasa Speaker untuk menentukan sama ada pertanyaan tambahan dibenarkan tidak dan kita kena jaga masa, masa kita pendek sebab itu kita nak pastikan semua ADUN yang kemukakan soalan ada peluang untuk mendapat jawapannya. Kalau kita hanya habiskan masa pada satu soalan maka banyak soalan tidak dapat dijawab. Maka itu tidak adil untuk semua ADUN. Maka oleh itu saya telah membenarkan pada setiap soalan pokok saya benarkan untuk dua soalan tambahan supaya kita menjimatkan masa, masa pertanyaan ni 90 minit dan tidak boleh tambah. Kalau perbahasan waktu 4.30 kita boleh tambah pukul 7.00 untuk bahas tapi waktu pertanyaan tidak boleh ditambah, sebab itu kita kena jimat masa. Baik, kita persilakan Semenyih kalau Semenyih nak kemukakan soalan. Semenyih

**TUAN SPEAKER:** Saya, jangan cabar saya, jangan cabar kesabaran saya,

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** (Speaker off)

**TUAN SPEAKER:** Saya suruh duduk, suruh duduk mengikut peraturan 44/1, sila duduk.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** (Speaker off)

**TUAN SPEAKER:** Baik sekarang saya bagi arahan satu kali lagi. Saya kata sila rujuk 24 Sub 3, baik sekarang saya bagi amaran satu kali lagi, baik sila Semenyih.

**Y.B. TUAN MOHD. ISA BIN ABU KASIM:** Baik tak payah bersidang macam ni Speaker (speaker off)

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, Tapak tanah perkuburan Islam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : TAPAK TANAH PERKUBURAN ISLAM**

12. Tapak tanah perkuburan orang-orang Islam yang terdapat di kawasan DUN Semenyih seperti di Sg Lalang, Ulu Semenyih, Sg Purun dan Kg Rinching telah hampir penuh.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi tapak perkuburan yang hampir penuh tersebut?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih, Y.B. dari Semenyih yang membangkitkan tentang perkuburan. Saya nak ambil fakta perkuburan, apakah perancangan kerajaan negeri untuk mengatasi tapak perkuburan yang hampir penuh? Saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian boleh dapat lagi hadir dalam satu penjelasan yang dibuat oleh Perancang Negeri. Perancang Negeri telah membuat satu kajian, untuk apa yang dipanggil keperluan perkuburan sehingga 2060 dia ada dokumen yang ada 2060, dulunya kita ada perjumpaan tapi masih ramai masyarakat belum tahu tentang rancangan yang kita adakan dia ada dalam satu buku yang mana, mana kawasan, bagaimana dia dirancang dibuat dengan terperinci sebab saya mendapati masalah yang saya hadapi setiap kali saya pergi ke kawasan-kawasan banyak soalan isu perkuburan dibangkitkan. Jadi oleh sebab itu saya telah minta Perancang Negeri untuk membuat kajian tersebut dan kajian tersebut telah siap. Jadi Yang Berhormat sama ada boleh berhubung dengan pihak perancang ataupun saya minta lagi sekali jemput untuk diberikan penerangan dan penjelasan dan kita telah

setuju tentang keperluan ini diluluskan oleh MMKN pada 6 Julai 2011. Kita dah ada dan sebagai mengatasi tapak-tapak perkuburan yang hampir dan telah penuh di Selangor, untuk ini berapa andaian yang kita belum lagi memberikan cadangan supaya dalam kajian inilah supaya ada perkuburan yang meningkat, tak ada kita *take to assumption* kita masih perlu lagi tanah yang lain. Kalau yang bertingkat tu lagi kurang tanah diperlukan tapi dalam kajian kita, kita tidak ada *provision* untuk kawasan perkuburan terutama masyarakat Islam yang bertingkat. Jadi kalau saudara boleh dan kajian inventori itu telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor dan berdasarkan kajian inventori terdapat 7, saya nak tanya kalau dekat Semenyih 17 ekar tapak perkuburan sedia ada di Semenyih di mana anggaran tapak penggunaannya adalah seperti berikut:-

- (i) Tanah Perkuburan Islam Batu 18 Semenyih luasnya 5 ekar tetapi belum beroperasi;
- (ii) Tanah Perkuburan Islam Sg. Purun Semenyih luasnya 5 ekar 30% telah digunakan;
- (iii) Tanah Perkuburan Islam Semenyih luasnya ialah 3 ekar 75% telah digunakan masih tinggal 0.75 tiga suku ekar sahaja lagi;
- (iv) Tanah Perkuburan Islam Batu 3 Jalan Semenyih 4 ekar 20% telah digunakan

Dan kita juga walau bagaimanapun dalam persediaan jangka masa panjang kerajaan negeri telah bersetuju melaksanakan konsep Perkuburan Wilayah Bersepadu atau pun dalam erti kata *Intergated Regional*, dan kita akan mengambil alih dan mencari tanah daripada cadangan itu. Di Semenyih, Tanah Perkuburan Bersepadu Semenyih ialah seluas 168.74 ekar yang kita nak di kawasan Semenyih, tetapi di kawasan-kawasan umpamanya saya tadi contoh Petaling kita juga kena pergi kawasan luar Petaling untuk mengambil alih tanah untuk dijadikan tapak perkuburan, tapi perangkaan-perangkaan ini memang sudah kita sediakan. Itu sebab Exco telah meluluskan pada 6 Julai 2011.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan No. 14

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B.. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK : TANAH REZAB MELAYU**

14. Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar;

- a) Sila senaraikan jumlah keluasan tanah rizab Melayu di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah ?
- b) Sila nyatakan setakat ini apakah perancangan kerajaan negeri khususnya untuk membangunkan tanah rizab Melayu yang strategik demi meningkat tahap ekonomi orang Melayu ?
- c) Sila senaraikan projek pembangunan yang melibatkan tanah rizab Melayu oleh anak-anak syarikat Negeri sejak 3 tahun yang lalu?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Dato' Speaker dan rakan daripada Sekinchan senaraikan keluasan tanah rizab Melayu di seluruh negeri Selangor mengikut daerah. Ini yang diberikan kepada saya, saya kena semak lagi sekali sebab di Petaling ada 2,733 tanah rizab Melayu, Klang 22,807, Kuala Selangor 18,686, Kuala Langat 37,530, Hulu Selangor 31,802 ekar dan Hulu Langat 33,903, Sepang 22,865 ekar, Gombak 11,441 ekar, Sabak Bernam 172,823 ekar jumlahnya adalah 456,754 ekar. Saya sudah gazetkan tanah-tanah ini sebab kalau kita tak gazetkan apa yang berlaku tanah-tanah ini boleh ditukar, ke tempat lain. Jadi oleh sebab itu, dengan adanya gazet bererti kalau nak tukar, terdapat perjumpaan orang ramai. Jadi orang ramai tahu tanah ini boleh ditukar atau tidak. Walau bagaimanapun, kebanyakannya di tempat-tempat strategik. Itu yang dikatakan tempat-tempat strategik. Ramai pemaju telah mencadangkan pertukaran tempat, ramai pemaju. Jadi saya tidak bercadang untuk menukar tempat, saya tidak bercadang. Hanya dalam keadaan yang benar-benar berlaku, saya akan adakan perjumpaan awam supaya betul-betul mereka setuju yang tanah ini ialah boleh ditukarkan kepada tanah yang lain. Umpamanya sebagai contoh, sebagai contoh saya nak bagi contoh di Sekinchan. Di Sekinchan, tanah rizab Melayu tak sampai berapa ekar, 10 ekar. Tanah rizab Melayu, yang dikatakan tanah rizab Melayu sudah diduduki oleh masyarakat Tionghoa, yang di Bagan itu, sudah 30 lebih tahun dan kita dapati memang tak ada penggunaan tersebut. Ha itu, kita akan tukar, kita akan tukar, maknanya untuk hak itu kita tukar sebab tidak gunanya kita guna tanah rizab Melayu, dan tidak boleh diduduki. Itu kita buat. Jadi itu pun kita buka untuk pengetahuan awam. Makna supaya dia tengok sendiri, supaya dia jangan kata pula ada usaha untuk mengurangkan tanah-tanah rizab Melayu demi pembangunan. Tapi saya menggalakkan pembangunan. Saya menggalakkan pembangunan. Tanah-tanah rizab Melayu ini boleh di bangun dan sepatutnya di bangun kerana kalau tidak, tidak mendapat nilai yang sebaiknya. Tetapi yang penting ialah masyarakat mesti tahu keputusan-keputusan yang kita lakukan.

**TUAN SPEAKER:** Y.B. sekalian, kita ada 11 soalan untuk Dato' Menteri Besar untuk hari ini. Setakat ini hanya ada 7 soalan yang dijawab. Jadi saya tidak akan membenarkan soalan tambahan. Silakan Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Tuan Speaker, soalan No. 15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN WONG KOON MUN  
( KUALA KUBU BAHARU )**

**TAJUK : KEMELUT INDUSTRI PASIR**

15. Terbaru kemelut industri pasir negeri Selangor didakwa menyebabkan kematian seorang ahli perniagaan dan juga isu rasuah membabitkan dua ADUN kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah inisiatif kerajaan negeri untuk 'membersihkan' dakwaan ini?
- b) Adakah sesi pendengar SELCAT akan dipanggil semula berdasarkan perkembangan ini?
- c) Apakah industri pasir Selangor benar-benar bebas dari pengaruh kongsi gelap dan kegiatan rasuah serta salah guna kuasa?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Okey terima kasih rakan kita daripada Kuala Kubu Baharu yang setiap kali perjumpaan dewan membangkitkan perkara-perkara pasir ini. Jadi untuk ini saya, saya, saya tidak menghalang. Saya tidak menghalang. Ha, tapi saya ingin menjemput Y.B. untuk hadir pada hari Isnin di mana kita akan panggil semua kontraktor-kontraktor KSSB dan, untuk panggil supaya ada kita buat Deklarasi *Integrated Integrity, Integrity Pack*. Dalam *Integrity Pack* itu dia akan mengingatkan kesemua kontraktor dan juga pelombong-pelombong pasir ini tentang tanggungjawab, bukan jadi tanggungjawab komersial, tanggungjawab sosial dan tanggungjawab kepada rakyat ada ditulis. Dan mereka menandatangani *Integrity Pack* ini supaya bukan saja dibuat oleh KSSB tetapi dibuat bersama dengan apa tu, *Transparency International. Transparency International*. Jadi kalau itu berlaku dan kita boleh dapat pantau lagi dengan lebih tertib dan lebih tersusun. Oleh sebab itu, apakah inisiatif kerajaan untuk membersihkan dakwaan ini. Saya nak membersihkan , itu sebab saya panggil supaya saudara kenal. Boleh jadi lepas saudara kenal tu, boleh jadi saudara pula khuatir tentang orang tersebut, saudara beritahu saya. Tak payah orang lain. Kita boleh betulkan kalau benda yang tak betul. Jadi saya membersihkan dakwaan ini. Adakah pendengar SELCAT akan dipanggil semula berdasarkan perkembangan ini. Saudara, banyak tohmahan yang diberikan termasuk Menteri Pertanian juga untuk menyatakan dia ada fakta, cerita dan dokumen. Tapi apabila SELCAT diadakan, bayangnya pun tak nampak. Dan dia menyatakan, ini saya rasa saya terkilan sebab dia menyatakan SELCAT ialah *kangaroo court*. *Kangaroo court* itu bukan. Ini bukan, saya nyatakan, *kangaroo court*, dia tak belajar di Australia, saya belajar di Australia. Jadi maknanya, dan saya dapati, itu menunjukkan kurang faham tentang tanggungjawab sosial . Itu saya mesti ingatkan. Kalau bukan saja jadi Ahli Parlimen, individu sendiri ada mempunyai tanggungjawab sosial. Kalau perkara itu salah dari segi undang-undang.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, boleh minta penjelasan. Minta penjelasan pada jawapan itu.

**TUAN SPEAKER:** Belum lagi. Belum, tidak. Y.B. tahu peraturan kan. Sila Y.B..

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tuan Speaker. Peraturan 30(6).

**TUAN SPEAKER:** Ini tak soal ni. Ini tak wujud. Ini semasa perbahasan. Tolong duduk. Tolong duduk.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Mengikut peraturan tetap pun.

**TUAN SPEAKER:** Ini adalah jawapan. Ini...

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Ya dalam jawapan tu ada sangkaan jahat.

**TUAN SPEAKER:** Ini perbahasan. Itu jawapan daripada tu. Ok sila duduk.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Tak dia, ada jawapan tu ada sangkaan jahat.

**TUAN SPEAKER:** Ini perbahasan. Kita gunakan 30(6)(6), faham tak. Tapi ini bukan perbahasan. 36. Tengok tepi-tepi dia. Isi-isi ucapan. Ini bukan ucapan. Tolonglah belajar. Tolong belajar, sudah 4 tahun. Tolonglah saya minta tolonglah. Sila duduk Sungai Pelek.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, bukan apa. Tuan Speaker tadi dah sebut soalan tambahan tak diberi sebab masa tu. Jadi dalam ruang ni, kita nak minta penjelasan sahaja daripada YAB Dato'.

**TUAN SPEAKER:** Saya dah cakap, kita ada 11 soalan . Dan saya dah sebutkan, soalan kemudiannya semua dari pembangkang. Tak nak ke MB jawab. Nak tak puas hati dengan ini saja. Pastikanlah tengok, lepas ni ada semua ni. Nanti kata saya tak beri peluang. Banyak soalan pokok nak jawab. Kadang-kadang kita kena sedia, terimalah, itu hakikat.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker, janganlah emo Speaker. Jangan emosi Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Eh duduk dulu saya cakap ni. Speaker cakap.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Jangan emosi.

**TUAN SPEAKER:** Speaker cakap.. (tutup pembesar suara). Jangan pandai-pandai Batang Kali. Perangai kamu kena jaga dulu. Jangan, jangan jaga orang lain. Jaga perangai sendiri. Saya minta cakap bahasa dengan baik.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Speaker. Jaga perangai Speaker dulu.

**TUAN SPEAKER:** Ya. Cakap sekali lagi. Ha, saya suruh duduk. Saya suruh duduk. Batang Kali saya suruh duduk..

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya nak duduklah ni.

**TUAN SPEAKER:** Saya suruh duduk.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Sabarlah. Saya duduk lah ni.

**TUAN SPEAKER:** Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya telah berkali-kali memberi amaran kepada Batang Kali. Jadi memandangkan beliau masih degil lagi, saya menggunakan kuasa di bawah 44/2.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya dah duduk ni.

**TUAN SPEAKER:** Mengarahkan Batang Kali, keluar, saya kira , sebab dia panas lagi, keluar 2 jam. Balik kemudian. Sila keluar.

**Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Saya nak duduk sekejap...

**TUAN SPEAKER:** Sila keluar. Baik, sila YAB .

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Penjelasan saya ialah berdasarkan kepada soalan yang dikemukakan oleh Kuala Kubu Baharu. Kuala Kubu Baharu mempersoalkan satu soalan yang dipanggil sinis. Sinikal. Adakah sesi pendengar SELCAT akan dipanggil semula berdasarkan perkembangan ini. Maknanya sinikal. Maknanya kita dah panggil, dan saya terangkan. Kita ada panggil, tak datang juga. Itu sebab saya terangkan ceritanya. Jadi kalau dipanggil lagi, datanglah. Ha itu yang paling penting. Apakah industri pasir benar bebas dari pengaruh kongsi gelap, kegiatan rasuah serta salah guna kuasa. Soalan ini juga serupa soalan sebelum 2008. Sebelum 2008, saya rasa lebih hebat lagi tapi kita telah mula menyelesaikan perkara ini dengan penuh berperingkat supaya dia akhirnya, industri pasir ini , tidak lagi dimasuki oleh golongan-golongan yang tidak ...aa...aa. kita ingin dalam perniagaan dan perdagangan kita. Juga saya juga telah menerima, menerima beberapa *complain*, *complain* ataupun, tapi tidak terkena pada negeri Selangor. Di selatan perak sudah mula terdapat perlombongan haram yang sangat berleluasa sehingga mereka telah meminta menulis kepada saya. Itu bukan kerja saya tapi saya dapat keadaan ini, itu sebab saya rasa selesa untuk menyatakan pelaksanaan KKSB dapat menolong kita memantau tentang pengurusan dan juga pelaksanaan perlombongan-perlombongan pasir. Dan untuk pengetahuan Kuala Kubu Baharu nampaknya idea kita ni juga mula difikirkan di Sabah dan juga di Pahang. Jadi maknanya bukan satu perkara yang dibuat , yang tidak orang memerhatikan perkembangannya. Dan ini merupakan beberapa contoh yang boleh kita lakukan. Tapi saya tidak menyatakan sehingga hari ini kita boleh katakan 100% selesai, banyak lagi yang perlu kita lakukan dengan cara yang lebih baik.

**TUAN SPEAKER:** Sg. Burong

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: GEJALA MURTAD**

17. Terdapat banyak Dakwaan berlaku gejala murtad dan gerakan untuk mengajak orang Islam meninggalkan agama tersebut yang serius.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah pendapat kerajaan negeri tentang gejala ini?
- b) Nyatakan statistik kes murtad di Selangor dan statusnya sejak 2008 hingga 2011?
- c) Apakah kerajaan negeri serius menguatkuaskan enakmen-enakmen negeri yang mengawal pengembangan agama lain kepada orang Islam?

**Y.A.B DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih. Sungai Burung, mempersoalkan tentang gejala murtad. Gejala murtad ,dakwaan berlaku gejala murtad dan gerakan untuk mengajak orang Islam meninggalkan agama tersebut yang serius. Satu kenyataan yang dibuat oleh bekas EXCO Negeri Selangor, yang sekarang Ahli Dewan Bebas, dia bersedia untuk membentangkan kepada rakyat tentang video mengenai dakwaan gejala murtad ini. Tapi videonya masih belum dapat kita lihat. Pendapat saya, pendapat saya, orang Islam mesti berusaha dengan sedaya upayanya supaya rakyat dan keluarga kita tidak terjebak dalam usaha meninggalkan ugama kita. Itu tanggungjawab kita, bukan tanggungjawab sebagai orang Islam dan kita juga mesti memerhatikan dan mempunyai sikap yang, apa yang dikatakan sentiasa memantau tentang keadaan ini. Dan walau bagaimanapun, dalam undang-undang, maknanya gejala murtad ataupun gerakan mengajak orang meninggalkan agama Islam, merupakan usaha pihak tertentu ataupun dalam kata-kata, perkataan memesongkan akidah umat Islam, ini satu perkara yang perlu dijaga dan dipantau oleh masyarakat Islam dan juga sudah tentulah MAIS dan JAIS mempunyai peranan yang sangat penting dengannya. Jadi, Perkara 31, Perlembagaan Persekutuan telah menjelaskan bahawa adalah salah untuk orang-orang bukan Islam menjalankan perkara ini. Jadi, saya berharap program kita, dakwah kita ialah dakwah orang Islam. Mestilah menentukan setiap orang Islam akan kita jaga sebagai keluarga kita. Statistik yang murtad, bahagian undang-undang MAIS, untuk 2004 sampai 2011, kes yang di bahagian undang-undang 130, kes yang telah selesai 16, kes yang belum selesai 114. Dan saya baca Seksyen 4 Enakmen, supaya kita ingat, Seksyen 4 Enakmen Agama bukan Islam, Kawalan perkembangan di kalangan orang Islam itu Enakmen 1988 – Seseorang adalah melakukan kesalahan jika dia memujuk, mempengaruhi atau

menghasut seseorang yang beragama Islam supaya cenderung kepada mana-mana agama bukan Islam supaya menjadi penganut atau anggota mana-mana agama supaya meninggalkan atau tidak suka kepada agama Islam. Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah Seksyen ini, boleh apabila disabitkan paling penting keadilan itu apabila disabitkan, dikenakan penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau denda tidak melebihi RM10,000 atau kedua-duanya sekali. Adalah tidak menjadi satu pembelaan terhadap pertuduhan di bawah Seksyen Kecil 1 bahawa orang yang beragama Islam itu telah tidak terpengaruh ataupun apa-apa perkara yang diperkata atau dilakukan oleh orang-orang yang tuduh kepadanya. Maknanya, '*there is a clause*' yang katakan walaupun ada usaha tapi kalau tiada pengaruh adalah tidak menjadi satu pembelaan terhadap pertuduhan. Tadi maknanya, kalau dibuat perkara tersebut, dia bukan kata tujuan untuk main-main sahaja, tak boleh. Jadi bahagian penguasaan JAIS, memantau keadaan ini. Jadi, saya juga berharap peranan umat Islam adalah lebih penting dalam usaha ini sebab kita mesti menjaga keluarga Islam sendiri. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Masa pertanyaan sudah tamat. Aturan urusan mesyuarat seterusnya.

### III. USUL

#### **Usul Menyembah Ucapan Terima Kasih Serta Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya. Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Saya mempersilakan Kg. Tunku untuk menyambung perbahasan. Sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kg. Tunku ingin menyambung perbahasan semalam dan saya, semalam telah menyebut tentang cita-cita Dewan Negeri untuk menjadi sebuah Dewan Kelas Pertama. Semalam, saya juga sebenarnya, pagi ini saya ingin berkongsi satu lagi pengalaman di London di mana saya telah diberi peluang untuk bertemu ramah ataupun berbual dengan Setiausaha *House of Commons Parliament, UK* iaitu Encik Robert Rogers. Satu prasyarat yang perlu dipatuhi untuk Dewan Negeri Selangor menjadi sebuah Dewan Kelas Pertama ialah perlu adanya sistem perkhidmatan Dewan yang bebas, *independent* di bawah pengelolaan Tuan Speaker dan bukan di bawah pengaruh eksekutif malahan ia tidak pun boleh diletakkan di bawah mana-mana pengaruh parti-parti politik. Dan saya kagum dengan kenyataan Encik Robert Rogers, bahawa beliau bangga. Ini adalah apa yang dimaklumkan oleh beliau. Seluruh perkhidmatan Parlimen UK tidak diletak di bawah eksekutif dan beliau bangga mereka bukan sebahagian daripada perkhidmatan

awam dan ini ialah apa yang dikata, *we are not part of the civil service and we are proud of that* dengan izin, kenyataan ini mengingatkan saya tentang satu fakta penting iaitu kebebasan Dewan tidak dianggap sebagai telah tercapai melainkan kita ada satu pasukan perkhidmatan yang bebas daripada pengaruh perkhidmatan awam. Ini adalah kerana dalam konteks Parlimen UK, setiap satu fungsi yang perlu dijalankan perlu dilaksanakan oleh satu pasukan pentadbiran yang bebas dan profesional di bawah arahan Speaker dengan mengambil pandangan dan keperluan setiap ahli Dewan. Parlimen UK yang bebas daripada apa-apa bentuk pengaruh membolehkannya memantau dan menyemak pentadbiran dengan menyeluruh tanpa sebarang sekatan dan birokrasi yang melampau. Dewan yang bebas dalam bentuk sebegini perlu disokong oleh sebuah perkhidmatan Dewan yang bebas dan ini merupakan inti pati rang undang-undang perkhidmatan Dewan Negeri Selangor atau nama singkatannya SELESA. Bagi menyambut baik nasihat Tuanku bahawa Dewan Negeri Selangor perlu dijadikan sebagai medan terbaik untuk menyelesaikan isu dan perkara rakyat, maka Kg. Tunku mengesyorkan supaya Enakmen SELESA ini perlu diwujudkan dalam masa terdekat yang paling mungkin.

Pada tahun lepas, saya difahamkan Timbalan Speaker Dewan Rakyat juga menyokong usaha untuk memulihkan Akta Perkhidmatan Parlimen tahun 1963, yang telah dimansuhkan pada tahun 1992. Akta ini memperuntukkan satu perkhidmatan Dewan yang juga bebas daripada pengaruh eksekutif iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam di samping menentukan hak dan kuasa Dewan dalam urusan perjalanan kerja-kerja harian dan pengurusan kewangan Dewan. Oleh itu, kalau ada sesiapa yang ingat bahawa undang-undang ataupun enakmen ini adalah suatu yang baru maka saya ingin mengingatkan bahawa sebenarnya tahun 1963, kita sudah mempunyai Akta Perkhidmatan Parlimen. Dan ini membuktikan ini bukan satu undang yang baru, undang-undang yang baru. Jika cadangan Dewan Negeri Selangor pada masa dahulu, untuk mengadakan Enakmen SELESA ini, boleh disokong oleh rakan-rakan sejawatan dari Parlimen Malaysia maka kamu tidak nampak apa-apa sebab untuk kita tidak mengubah Enakmen SELESA ini. Semasa lawatan kami di England, kami juga mempunyai peluang untuk meninjau cara-cara Parlimen UK berfungsi, semalam saya terlupa untuk memasukkan satu perkara iaitu '*Prime Ministers Question Time*'. Dan ini adalah sesuatu yang saya rasa begitu dijalankan dengan begitu profesional sekali. Pagi ini kami nampak Yang Berhormat dari Batang Kali menimbulkan isu pula di dalam Dewan ini. Sebenarnya, untuk pengetahuan rakan-rakan sejawat saya di dalam Dewan yang mulia ini, di Parlimen UK, soalan tambahan yang boleh diucap kepada kadangkala boleh sampai ke 748 kerana soalan tambahan daripada ahli-ahli Dewan hanya dua saat sahaja. *Straight, simple forward, simple straight forward*. Dua saat, tiga saat. Maklum balas daripada *Minister* pun mungkin dalam lingkungan sepuluh saat ataupun dua puluh saat. Sangat-sangat ringkas. Jadi saya rasa ini ialah cara kita menjalankan Dewan kita.

Tuan Speaker, saya juga ingin berbalik kepada pembangunan ekonomi di negeri Selangor. Titah ucapan Tuanku juga menyentuh tentang pembangunan ekonomi di mana keluaran dalam negara kasar untuk negeri Selangor pada tahun 2011 ialah 5.9% dan angka ini dijangka akan merosot ke 5.3% sehaluan dengan persekitaran ekonomi dunia dan Malaysia yang sederhana. Negeri Selangor juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi Malaysia di mana kita menyumbang 22% dengan jumlah pelaburan pada tahun lalu mencatat 8.74 bilion dengan 263 projek dilaksanakan. Sememangnya angka-angka ini merupakan satu lonjakan berbanding tahun 2010 di mana jumlah pelaburan yang masuk ke Selangor pada tahun itu hanya setakat 6.53 bilion sahaja. Walaupun begitu, saya berpendapat masih lagi banyak kelemahan yang perlu diatasi oleh agensi-agensi kerajaan khususnya pejabat tanah dan daerah dan juga pihak berkuasa tempatan. Baginda Sultan Selangor juga menggesa agar syarat dan prosedur kerajaan harus dipermudah, proses dipercepat dan ketelusan diamalkan. Kg. Tunku amat bersetuju dengan nasihat ini kerana semua pihak dan semua pihak yang terlibat haruslah bekerja keras untuk mengurangkan *red tape*, dengan izin, dan birokrasi bagi menarik lebih ramai pelabur masuk ke Selangor. Untuk itu, Kg. Tunku ingin menyentuh sedikit tentang prestasi Pusat Sehenti, atau *One Stop Centre*, OSC, dengan izin, di PBT-PBT Lembah Klang. Kg. Tunku berasa masih terdapat beberapa masalah yang perlu diatasi untuk mempertingkatkan prestasi OSC. Masalah ini tidak lain tidak bukan berkaitan dengan keberkesan OSC dalam membantu pembangunan dalam ekonomi. Kg. Tunku mendapati bahawa masih terdapat aduan daripada pemohon-pemohon bahawa kertas permohonan mereka ditolak kerana dikatakan tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh PBT. Masalah ini berlaku kerana selalunya dikatakan bahawa dokumen dan pelan-pelan yang dikemukakan oleh pemohon ini tidak menepati keperluan PBT. Apa yang saya dapat dan kadangkala ia amat memerlukatkan ialah selalunya keperluan-keperluan teknikal yang selalunya tidak dinyatakan dengan jelas dalam senarai semakan PBT ini lah yang menyebabkan pelan-pelan ataupun dokumen-dokumen ini ditolak. Ini adalah kerana keperluan-keperluan teknikal ini merangkumi aspek-aspek teknikal yang sangat-sangat terperinci, sangat-sangat kecil sekali. Maka sering kali permohonan ini ditolak kerana ia, sedangkan saya berpendapat ini boleh diselaraskan dan keperluan PBT ini dapat dan boleh dibangunkan terlebih awal dahulu kepada juru perunding ataupun kepada pemohon-pemohon berkenaan. Contohnya, saya ingin memberi satu contoh dalam satu permohonan kebenaran merancang yang diuruskan oleh Majlis Perbandaran Subang Jaya, MPSJ. Kg. Tunku telah mendapati Jabatan Pembangunan PBT berkenaan menolak pelan bangunan permohonan atas alasan-alasan seperti berikut. Dan saya senaraikan alasan-alasan ini. Pertama, diadakan pili atau paip air untuk setiap tandas. Kemukakan, syarat kedua yang di .. , syarat kedua ataupun alasan yang kedua ditolak, kemukakan pelan papan tanda projek yang lengkap dengan moto No. 4, kelulusan bangunan dan moto Majlis, semak..yang ketiga, semak untuk saiz pelan yang

digunakan tidak sesuai sila gunakan cat air untuk menambahkan pelan lebih kemas. Yang keempat, sila gunakan cat air, yang keempat, reka bentuk surau tidak sesuai, sila berbincang. Seperti pepatah Inggeris, *the devil is in the details*. Sepintas lalu, alasan-alasan yang digunakan untuk menolak permohonan seperti di atas adalah sangat kabur dan subjektif sehingga bahan yang digunakan untuk menghasilkan pelan juga dikawal. Dan saya rasa kalau, ini merupakan permohonan ataupun permintaan daripada PBT, ia harus dinyatakan dengan terang dalam *checklist* PBT. Sementara itu, syarat-syarat seperti reka bentuk surau tidak sesuai, ini adalah amat susah untuk ditakrif dan terlalu subjektif. Dan ini dijadikan sebagai alasan untuk menolak pelan bangunan. Dan saya rasa ini perlu dinilai semula. Selain daripada jabatan-jabatan dalaman PBT, prestasi dan *response* jabatan-jabatan yang lain seperti JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), Jabatan Bomba dan Penyelamat dan sebagainya juga perlu dipertingkatkan. Walaupun kemungkinan besar jabatan-jabatan ini tidak terletak di bawah kerajaan negeri. Walaupun terdapat anggota EXCO yang pernah berhujah bahawa kelulusan jabatan-jabatan *external* akan dikecualikan jika wakil jabatan-jabatan ini tidak hadir dalam mesyuarat OSC secara tiga kali berturut-turut. Tapi apa yang saya dapati daripada peringkat akar umbi ceritanya berlainan. Saya khawatir arahan ini masih belum disampaikan kepada pegawai-pegawai di PBT. Dan mereka masih meminta pemohon untuk mendapatkan kelulusan daripada jabatan-jabatan *external* ini sebelum mengemukakan kelulusan mengeluarkan kelulusan sepenuhnya kepada projek mereka. Ini juga berlaku kerana masih ada lagi pegawai-pegawai di PBT yang menetapkan supaya keperluan *tax* itu yang dikenakan kepada jabatan-jabatan *external* ini dipatuhi sepenuhnya sebelum apa-apa perkara yang tidak diingini berlaku. Masalah ini diperitkan lagi dengan peranan OSC yang masih belum lagi berfungsi sebagai satu agensi yang betul-betul sehenti. Ini kerana pemohon masih perlu mengupah *runner* untuk menghantar dokumen-dokumen kepada jabatan-jabatan lain walaupun konsep asal OSC ini adalah untuk memproses semua dokumen pada satu tempat dan masa yang tetap demi menjimatkan masa dan mengurangkan saya berharap kerajaan negeri Selangor dapat meneliti masalah OSC ini dengan lebih teliti dan mencari jalan penyelesaian.

Tuan Speaker, Kampung Tunku juga tertarik dengan penjelasan kerajaan negeri Selangor semalam berkenaan dengan Selangor Automobil. Sememangnya industri automobil merupakan satu industri yang mampu melonjak kedudukan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang lebih maju supaya Selangor berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju yang lain. Pelaburan yang mempunyai nilai yang tinggi harus diberi galakan dan perhatian serius oleh Kerajaan Selangor contohnya saya mengemukakan kepada kerajaan negeri Selangor supaya industri-industri hijau seperti industri yang berasaskan tenaga solar, industri pengitaran semula, pemulihan air dan udara, rawatan sisa air, industri biodiesel dan industri pemulihan alam sekitar, pengurusan sisa pepejal, penyimpanan sumber-sumber tenaga alternatif perlu diberi perhatian dan galakan. Baru-baru ini biodiesel telah dilancarkan dan

dipasarkan dalam Negeri Selangor dan di Lembah Klang. Produk ini telah menjadi bahan api alternatif kepada bahan api konvensional dan justeru itu Kerajaan Selangor harus jugalah menarik lebih ramai lebih banyak pelaburan dan juga lebih banyak dan lebih ramai aktiviti kajian terhadap penghasilan biodiesel generasi kedua yang tidak perlu bergantung kepada minyak kelapa sawit. Satu perkara yang penting untuk pelabur-pelabur berkualiti tinggi untuk melabur di Selangor ialah perlu adanya bakat-bakat ataupun dalam Bahasa Inggeris *talent push* yang berkualiti tinggi yang sedia ada untuk memberi perkhidmatan sokongan kepada industri-industri ini. Pakar-pakar yang saya maksudkan ini adalah seperti pakar-pakar dari bidang kejuruteraan, logistik, perkhidmatan dan juga penyelidikan. Tanpa pakatan-pakatan dari manusia ini adalah amat susah untuk negeri Selangor dan Malaysia menarik pelaburan yang berkualiti tinggi kerana industri- industri yang mempunyai nilai yang tinggi seperti yang disenaraikan amat bergantung kepada pakar-pakar yang berkemahiran tinggi. Kampung Tunku amat gembira dengan laporan media baru-baru ini bahawa sebuah syarikat bernama.....dari Taiwan iaitu sebuah anak syarikat diturunkan dari anak Selangor dari Sekinchan iaitu Encik Phua Kim Sin. Pada tahun 2000 akan melabur 3 juta di Malaysia. Apa yang berdapat tidak begitu menceriakan kita ialah destinasi pelaburan syarikat ini bukan di Selangor dan di Utara Semenanjung iaitu di Pulau Pinang dan mungkin Kedah. Walaupun pengasasnya seorang anak Selangor. Saya ingin membuktikan satu fakta bahawa Selangor sentiasa selalu bersaing dengan negeri-negeri yang lain untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negeri ini. Kerajaan Selangor tidak boleh memandang rendah terhadap pesaing-pesaing yang lain dan sentiasa perlu menyemak apakah kelemahan-kelemahan yang masih ada sehingga sesetengah pelabur berlabur yang berteknologi tinggi ini sanggup melaburkan wang berjuta-juta ringgit di negeri yang lain. Sekiranya kelemahan-kelemahan di atas dapat diatasi Kampung Tunku amat yakin bahawa Selangor masih sempat untuk menarik pelabur-pelabur berkualiti tinggi untuk masuk ke Selangor. Malahan saya percaya dengan ini pelaburan ke dalam Selangor akan berlipat ganda.

Puan Timbalan Speaker, dalam sidang dewan yang lepas Kampung Tunku juga telah membangkitkan tentang isu margin keuntungan kontraktor yang pernah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di mana Menteri Besar telah mengatakan bahawa margin keuntungan ini perlu diturunkan daripada 30% ke 7% untuk mengurangkan kos pentadbiran kerajaan negeri. Kampung Tunku ingin bertanya kepada kerajaan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai matlamat ini? Adakah kerajaan Selangor akan menetapkan satu senarai jurang harga untuk projek-projek infrastruktur dan perolehan supaya tidak membayar harga yang terlampaui tinggi kepada pembekal dan kontraktor? Adakah juga akan merombak semula sistem *cut off* yang mula digunakan oleh jabatan-jabatan kerajaan pada tahun 2004 memandangkan sistem *cut off* ini sebenarnya ada pengecualiannya iaitu apabila bilangan tender yang diterima dan boleh dikira setelah harga *fix* dikeluarkan kurang daripada 10. Harus diingatkan juga bahawa mereka yang menawarkan harga yang lebih rendah daripada harga *cut off* ini sebenarnya juga boleh dipertimbangkan jika mempunyai prestasi yang cemerlang iaitu mempunyai pengalaman untuk melaksanakan kerja yang sama lebih awal daripada jadual yang telah ditetapkan, mempunyai faktor-faktor tertentu yang boleh menjamin petender melakukan kerja

dengan harga yang lebih rendah dan kualiti kerja-kerja terdahulu dan semasa sentiasa pada tahap yang memuaskan.

Puan Timbalan Speaker, kerajaan negeri Selangor telah meluluskan Geran Selangorku yang berjumlah RM700 juta yang merangkumi 17 sektor yang perlu dipandang serius oleh kerajaan. Geran yang begitu besar dari segi saiz ini akan diuruskan oleh Menteri Besar Incorporated atau nama singkatannya MBI sekali gus ini membuktikan bahawa tahap kewangan anak-anak syarikat Kerajaan Selangor adalah begitu kukuh, satu perkara yang baik ialah peruntukan RM300 juta ini akan diturunkan kepada rakyat tanpa melalui proses birokrasi biasa. Kampung Tunku amat mengalu-alukan dasar Negeri Selangor ini dan Kampung Tunku menggesa Kerajaan untuk memberi perhatian serius terhadap pembangunan luar bandar. Melalui Geran Selangorku ini saya difahamkan sebanyak RM10 juta akan diperuntukkan untuk program-program jangkaan kehidupan bandar dan ianya disasarkan untuk penduduk-penduduk di luar bandar . Tidak lama yang lalu rakyat Selangor yang hidup miskin di luar bandar masih menghadapi masalah pengangkutan apabila syarikat bas awam swasta yang bergelar *Cityliner* menghentikan perkhidmatan bas di beberapa kampung dan kawasan luar bandar. Salah satu kawasan yang terjejas ialah kawasan Telok Gong di mana anak-anak kepada keluarga-keluarga nelayan dan petani yang miskin mereka tidak dapat hadir ke sekolah kerana berhentinya perkhidmatan bas *Cityliner*. Saya difahamkan pelajar-pelajar sekolah ini memerlukan perkhidmatan bas untuk pergi balik dari sekolah mereka yang kebanyakannya berada di kawasan Pandamaran Jaya. Memandangkan rakyat di kawasan Telok Gong menghadapi masalah ini dan masa yang sama kerajaan negeri Selangor melancarkan Geran Selangorku memperuntukkan RM10 juta untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk-penduduk luar bandar maka saya bercadang kepada kerajaan supaya mewujudkan satu skim bas sekolah yang mirip dengan subsidi bas anak-anak pekerja ladang kepada anak-anak di kampung-kampung tradisi ini. Apa yang penting kita tidak boleh melalaikan kebajikan pelajar-pelajar miskin di kawasan kampung kerana sistem pengurusan pengangkutan pusat yang telah terbukti gagal. Skim bas sekolah ini wajar diadakan di kawasan-kawasan luar bandar yang lain di Selangor juga kerana saya percaya masalah ini bukan berlaku di kampung Telok Gong sahaja. Ianya juga berlaku di kampung-kampung tradisi yang lain yang amat bergantung kepada perkhidmatan bas *Cityliner*.

Puan Timbalan Speaker, Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang Bukti Gasing, bukan kawasan DUN Bukit Gasing tapi Bukit Gasing bukit itu sendiri. Titah ucapan Tuanku juga menyentuh tentang pemuliharaan alam sekitar. Kampung Tunku ingin membangkitkan satu isu alam sekitar yang penting iaitu isu pembangunan di lereng bukit di sekolah Bukit Gasing yang terletak di bawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Penduduk-penduduk di kawasan Bukit Gasing di Petaling Jaya tidak lama yang lalu telah mengadakan satu protes membantah keputusan DBKL untuk meluluskan satu projek pembangunan di kawasan Bukit Gasing di Bahagian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penduduk-penduduk membantah kerana walaupun syabas diucapkan kepada kerajaan negeri Selangor yang lepas walaupun kerajaan Selangor yang lalu telah mewartakan bahagian Bukit Gasing di sempadan Selangor ini sebagai kawasan hijau tetapi pembangunan yang di sebelah lagi telah diluluskan oleh

DBKL dan ini telah menjaskan ekologi dan kestabilan tanah di seluruh kawasan bukit tersebut. Mendiang ADUN Bukit Gasing merupakan seorang tokoh yang telah banyak membantu penduduk-penduduk di kawasan Bukit Gasing, membantah projek pembangunan yang telah diluluskan oleh DBKL tetapi sehingga sekarang ianya masih menemui jalan buntu. Apa yang meresah penduduk-penduduk di kawasan Bukit Gasing ialah sikap DBKL di bawah pentadbiran kerajaan Barisan Nasional Pusat yang tidak ingin bertolak ansur dan hendak meneruskan projek ini tanpa menghiraukan bantahan daripada penduduk. Begitulah sikap Barisan Nasional yang kononnya ingin mendahulukan rakyat tetapi apa yang berlaku ialah kepentingan kroni di dahulukan. Sebagai warga Petaling Jaya Kampung Tunku meminta campur tangan daripada Kerajaan Selangor membantu rakyat Bukit Gasing bagi menyelesaikan masalah ini.

Puan Timbalan Speaker, dalam sidang dewan yang lepas, banyak pihak yang telah melakukan spekulasi bahawa Selangor bakal menghadapi krisis air pada tahun 2014. Kenyataan ini juga disokong oleh Kementerian Tenaga, Air dan Teknologi Hijau setahun yang lalu. Lalu semasa sidang dewan yang lepas kenyataan ini digembargemburkan pula dengan hujah bahawa ke semua loji rawatan air di Selangor telah beroperasi tahap maksimum untuk menghasilkan 4,326 juta liter air sehari bagi menampung keperluan sebanyak 4197 juta liter air sehari di mana margin simpanan air yang begitu sedikit iaitu 129 juta liter sehari ini dianggap sebagai tidak mencukupi tidak cukup untuk melindungi negeri Selangor daripada krisis air. Ini adalah ceritanya pada tahun lepas. Jadi pada tahun ini apa akan berlaku pula. Dikatakan bahawa tahun 2012 ini akan menjadi tahun krisis air dan bukan lagi tahun 2014. Kebelakangan ini cerita ini diulangi dan beberapa minggu yang lalu SYABAS juga telah mengumumkan bahawa bekalan air akan diputuskan selama 36 jam bagi menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan di beberapa loji rawatan air. Pertama sekali tahun bertukar sekali lagi tahun ini. Ini menunjukkan bahawa cerita dongeng ataupun Selangor akan menghadapi krisis air ini selalu bertukar-tukar untuk memenuhi cita rasa politik golongan-golongan tertentu. Saya mengucapkan syabas kepada SYABAS kerana akhirnya mereka mengakui bahawa secara tidak langsung bahawa punca margin simpanan air yang rendah ini disebabkan oleh kapasiti yang loji rawatan air yang dimiliki oleh SYABAS yang tidak di selenggara dengan baik. Secara tidak langsung tindakan mereka ini telah membuktikan tuduhan kita yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri Selangor pada tahun yang lepas. Biarpun begitu sepanjang tempoh pemutusan pembekalan air tersebut banyak tempat di Lembah Klang masih mempunyai bekalan air yang mencukupi. Adakah ini bermakna krisis air yang diuar-uarkan oleh pihak-pihak tertentu hanya cerita rekaan semata-mata untuk menakutkan rakyat Selangor? Adakah ini perkaranya? Apa pun begitu Kampung Tunku berasa lega kerana akhirnya Kerajaan Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah berjumpa dengan pakar-pakar pengurusan air dan pakar-pakar perundangan dari United Kingdom bagi mencari jalan keluar untuk menyelesaikan kemelut industri air di negeri Selangor. Saya menggesa kepada kerajaan supaya menerangkan dengan lebih teliti apakah hasil-hasil penemuan ini dan apakah tindakan yang akan dilakukan oleh kerajaan negeri Selangor.

Puan Timbalan Speaker, kerajaan Selangor mencatat sejarah di Malaysia dengan menawarkan skim pemilikan tanah kerajaan untuk bangunan kediaman sendirian

kepada rakyat Selangor hanya dengan premium nominal sebanyak RM1,000. Ini merupakan salah satu pembaharuan pentadbiran tanah yang boleh dibanggabanggakan oleh seluruh rakyat. Dasar ini adalah dasar yang baik dan saya juga ingin bertanya kepada kerajaan adakah kerajaan juga akan meninjau sama adas mungkin dasar ini diberi kepada pemilik-pemilik tanah industri tanah dan komersial di kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan Kampung Baru sebagai satu usaha berterusan untuk memutihkan kilang-kilang haram di Kampung Baru ini. Saya baru-baru ini telah melawat ke Kampung Baru di Sungai Buluh dan saya menerima aduan daripada pemilik-pemilik tanah. Pemilik-pemilik tanah perkilangan bahawa mereka menghadapi kekangan kewangan untuk melanjutkan tempoh pajakan tanah mereka. Ini berlaku kerana mereka perlu membayar premium yang tinggi sebelum mereka dibenarkan untuk melanjutkan tempoh pajakan mereka. Pada masa yang sama, premium ini adalah premium untuk menukar syarat guna tanah dari pertanian kepada industri atau pun komersial. Pada masa yang sama, mereka juga gagal mendapat pinjaman bank untuk membayar premium kerana tempoh pajakan adalah kurang daripada 20 tahun. Saya difahamkan lebih kurang 75% daripada pemilik tanah di Kampung Baru, Sungai Buloh ini menghadapi masalah ini.

Masalah ini mungkin boleh diselesaikan jika skim pemilikan tanah kerajaan untuk bangunan kediaman persendirian seperti apa yang kita lakukan pada tahun yang lepas juga dikenakan untuk tanah-tanah perindustrian di mana kerajaan mungkin boleh mengenakan satu caj premium nominal. Mungkin dalam lingkungan RM100,000.00 supaya mereka boleh memanjangkan tempoh pajakan mereka dan memohon pinjaman daripada bank bagi membayar baki premium secara ansuran.

Puan Timbalan Speaker, semalam kita juga difahamkan bahawa hasil pasir semasa zaman Barisan Nasional adalah rendah kerana kerajaan negeri pada masa itu tidak melihat industri pasir ini sebagai satu sumberkekayaan yang penting bagi kerajaan negeri. Kenyataan ini seolah-olah termasuk kerajaan Barisan Nasional tidak pandai mengurus sumberkekayaan di negeri Selangor sehingga industri yang lumayan ini hanya menyumbangkan royalti tidak lebih daripada RM4 juta setiap tahun kepada kerajaan negeri Selangor. Kini dengan kerajaan Pakatan Rakyat yang bersih dan beramanah, royalti yang dibayar daripada industri pasir sudah mencecah pada tahun yang lepas RM16 juta setahun. Harus diingat bahawa keuntungan pasir ini masih belum berada pada tahap optimum. Ini bermakna bayaran royalti ini masih mempunyai ruang untuk dipertingkatkan lagi.

Kerajaan Selangor di bawah Pakatan Rakyat telah menubuhkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) untuk mengawal pengeluaran pasir daripada bumi Selangor dengan cara yang berhemah dan mesra alam sekitar. KSSB menyumbang kepada kerajaan Selangor bukan setakat bayaran royalti sahaja. Sebagai sebuah anak syarikat kerajaan Selangor, KSSB perlu membayar dividen keuntungan kepada kerajaan Selangor. KSSB juga menyumbang kepada program Merakyatkan Ekonomi Selangor dan Geran Selangorku. Pendek kata, keuntungan KSSB itu, keuntungan kerajaan Selangor dan keuntungan kerajaan Selangor ialah keuntungan rakyat.

Kampung Tunku amat bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat dari Sri Muda semalam agar ahli-ahli Dewan Negeri dari Barisan Nasional dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah KSSB agar mereka tahu dan memahami cara operasi KSSB dan tidak membuat tuduhan liar terhadap KSSB. Sudah sampai masanya untuk pihak-pihak yang mempunyai motif politik supaya menghentikan fitnah mereka yang tidak berasas terhadap KSSB. Jika mereka mempunyai bukti, ‘tepuk dada, tanya selera’. Tampillah ke hadapan dan membuat tuduhan dengan bukti yang kukuh.

Ahli Yang Berhormat dari Kuang menuduh pula kerajaan Selangor, dia tidak ada pada pagi ini. Bahawa sepanjang empat (4) tahun Pakatan Rakyat menjadi kerajaan, tiada satu jalan dibina. Kampung Tunku berpendapat hujah ini tidak benar dan hujah ini memesong Dewan kerana jawapan bertulis dalam satu soalan yang saya bangkitkan pada tahun yang lalu menunjukkan bahawa kerajaan Selangor melalui JKR membelanjakan RM630 juta dari tahun 2008 sampai 2009 untuk menjalankan projek-projek membina jalan, menaiktaraf jalan lama, memperbaiki cerun-cerun bukit, membaik pulih jambatan-jambatan, melebarkan jalan-jalan utama dan kerja-kerja infrastruktur yang lain dari tahun 2008 sampai tahun 2010. Jadi dakwaan, tuduhan liar Y.B. Kuang semalam tidak benar. Ini tidak ditambah lagi dengan peruntukan yang dibelanjakan oleh PBT di negeri Selangor.

Sekali lagi, Kampung Tunku ingin menarik perhatian Kuang terhadap titah ucapan Tuanku agar kita semua berbahas dengan intelektual dan berpandukan fakta. Semalam Dewan ini juga gempar kerana ahli Yang Berhormat dari Sri Muda membangkitkan satu skandal yang berkaitan dengan ketua pembangkang kita dan pada masa itu, mungkin tidak sempat untuk Sri Muda menjelaskan dan menjawab dengan tepat apakah skandal itu. Sebenarnya skandal itu telah pun dibongkarkan oleh Y.A.B. Menteri Besar dalam sidang Dewan yang lepas dan saya mungkin boleh memberi sedikit penerangan melalui laporan akhbar yang berbunyi seperti berikut. Untuk, *for the benefits of the ADUN from Barisan Nasional*, dengan izin. Sesi penggulungan belanjawan Selangor 2012 gempar berikutan pendedahan Menteri Besar berhubung berbagai salah guna kuasa BN Selangor membabitkan kehilangan jutaan ringgit yang turut melibatkan ketua pembangkang dari Seri Serdang. Selain Sri Serdang, Menteri Besar juga mendedahkan usaha pengambilan tanah oleh bekas Menteri Besar Selangor, isteri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani serta pemimpin politik setempat bagi mendapat beberapa lot tanah di kawasan elit. Dalam sesi penggulungan itu, Menteri Besar mendedahkan ketua pembangkang telah membuat beberapa transaksi berhubung penjualan tanah di *Science Park 2* semasa pentadbiran BN dahulu. Tanah tersebut merupakan tanah milik kerajaan negeri yang telah diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor untuk tujuan pembangunan pendidikan sains. Menurut Menteri Besar, pembelian tanah tersebut bagaimanapun telah dijual oleh Yang Berhormat ketua pembangkang dengan harga yang murah kepada sebuah syarikat bernama Nikmat Inai Sdn. Bhd. di mana Yang Berhormat ketua pembangkang dari Seri Serdang merupakan salah seorang pemegang saham dan ahli Lembaga Pengarah dalam syarikat berkenaan. Belum selesai syarikat berkenaan membayar belian kepada PKPS atas kuasa politik yang dipegang oleh beliau, tanah itu kemudian dijual kepada PKNS dengan harga yang berlipat kali ganda. Inilah

berjayanya Yang Berhormat ketua pembangkang menjadi orang tengah untuk mengaut untung atas angin atas dasar bumiputera.

Puan Timbalan Speaker, itulah cara Barisan Nasional membuang wang dan sumber semula jadi kerajaan Selangor. Bandingkan skandal ini dengan simpanan tunai kerajaan Selangor yang semakin bertambah sejak tahun 2008. Sudah pasti perbezaannya sangat-sangat ketara. Tidak salah kalau ada orang yang mengatakan bahawa Malaysia akan bankrap jika PM diberi mandat untuk mentadbir mana-mana kerajaan di Malaysia. Sudah cukup rakyat hidup melarat di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Berbagai skandal, korupsi, kosmo, salah urus telah berlaku di bawah zaman Barisan Nasional. Sampainya Pilihan Raya Umum yang ke – 13 ini, Kampung Tunku yakin rakyat Selangor tidak akan tertipu dengan tipu helah BN. Dengan izin Tuhan, sampai PRU yang ke – 13 ini, saya berharap dan saya amat-amat berharap, saya berdoa, riwayat hidup BN juga akan tamat pada masa itu juga. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Puan Timbalan Speaker?

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, silakan Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. Teratai ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan menjunjung kasih titah ucapan Tuanku. Hari ini Teratai ada tiga (3) isu ingin mengemukakan kepada Dewan yang amat mulia ini.

Issu pertama adalah pembinaan lebuh raya baru iaitu dari Seri Petaling ke Hulu Langat, nama SUKE atau SUKE Highway. Laluan lebuh raya ini baru-baru dipamerkan di beberapa tempat dan satu sesi taklimat telah diadakan di kawasan Ampang Jaya. Nama lebuh raya ini SUKE, merupakan satu *allocated highway*, dengan izin yang perlu dibayar oleh pengguna. Ada penduduk menyambut baik kehadiran lebuh raya ini kerana percaya ia boleh menaikkan harga rumah tetapi ada juga penduduk bantah mati-matian kerana mereka tidak percaya ia akan menyelesaikan masalah trafik. Malah lebih sesak terutamanya di kawasan *inter-changed* atau pun keluar masuk. Panjang lebuh raya ini agak 30 kilometer. Sebahagian kedai, rumah dan bangunan bersejarah perlu di roboh khususnya di kawasan Ampang di sepanjang jalan ini. Di antara yang perlu di roboh termasuk satu bangunan yang bersejarah iaitu Tokong Mee Toh Kan di Jalan Ampang yang bersebelahan dengan stesen LRT Ampang. Tokong ini berada di tapak tersebut selama 160 tahun iaitu sebelum Ampang wujud. Selepas 50 tahun tokong ini di wujud, pada tahun 1910, tokong ini dapat geran tanah dari kerajaan British Kolonial. Di kawasan Ampang, terdapat tiga (3) tokong bersejarah dan ketiga-tiga mereka pun sudah lebih daripada 100 tahun. Di antaranya Tokong Mee Toh Kan adalah bangunan yang paling lama dan bersejarah. Saiz tokong ini tidak besar, luasnya agak satu banglo sahaja tetapi sejarahnya panjang. Kini, tokong ini dijaga oleh sekumpulan dikatakan ‘nan’, dengan izin atau pun wanita yang tidak berkahwin. Penduduk dari kampung telah menunjukkan pendirian mereka melalui kempen tandatangan supaya tokong ini tidak di roboh dan meminta SUKE mengalihkan laluan lebuh raya SUKE. Sampai hari ini jumlah tandatangan yang diterima ialah 2500. Justeru itu, Teratai ingin mengemukakan dua (2) syor kepada kerajaan :-

1. Memohon kerajaan Selangor mengisytiharkan bangunan ini sebagai bangunan bersejarah dan memeliharaikan bangunan dan sejarah di Ampang melalui Jawatankuasa Adat Istiadat Melayu dan Warisan Selangor atau PADAT.
2. Membekukan projek pembinaan *parking* lot di belakang Tokong Mee Toh Kan dengan segera kerana laluan lebuh raya boleh di alih atau pun di agih ke belakang tokong ini.

Teratai telah berjumpa dengan beberapa wakil SUKE kebelakangan ini untuk membincang isu ini dan cadangan mengalihkan lebuh raya ke belakang adalah munasabah dan kemungkinan besar boleh dijadikan. Oleh itu, saya memohon supaya satu perjumpaan dengan wakil tokong dan Jawatankuasa memelihara Tokong Mee Toh Kan diperlukan sebelum kerajaan Selangor membuat keputusan untuk memberi tanah kepada lebuh raya SUKE.

Isu yang kedua, Puan Timbalan Speaker. Tanah rizab sekolah rendah kebangsaan aliran Cina. Teratai telah memohon satu tapak tanah rizab bagi sekolah rendah kebangsaan cina sejak tahun 2008 tetapi tidak dapat apa-apa jawapan yang positif sampai hari ini. Pada tahun 2010, cadangan satu tapak rizab bagi sekolah cina telah di cadang semasa draf rancangan kawasan MPAJ dan dibentangkan tetapi tidak dipertimbangkan. Pada tahun 2011, sekumpulan Melayu yang bersekolah di sekolah cina dahulu bersama dengan wakil Persatuan-persatuan dari Ampang telah pun menghantar satu memorandum kepada Menteri Besar untuk mendesak kerajaan Selangor mewartakan satu tapak di Teratai untuk rizab sekolah cina tetapi masih belum dapat apa-apa jawapan. Usaha mewartakan satu tanah rizab bagi sekolah cina adalah satu perkara yang bagus bagi penduduk setempat. Teratai membentangkan hampir 90% penduduk terutamanya di kawasan Pandan Perdana terdiri daripada kaum cina. Teratai juga ingin tahu, apakah halangan yang ada sekarang dan menghalangkan kerajaan berbuat sedemikian.

Puan Timbalan Speaker, baru-baru ini ADUN Seri Kembangan merangkap EXCO mengumumkan satu berita yang bagus untuk penduduk di kawasan beliau iaitu kerajaan Selangor telah memasukkan sebidang tanah 1.42 ekar di kawasan Serdang di dalam draf rancangan MPSJ. Tahniah dan syabas diucapkan kepada beliau dan penduduk di kawasan Serdang. Namun demikian, Teratai juga berasa cemburu sedikit kerana kerajaan menyayangi penduduk di bawah DUN Seri Kembangan berbanding dengan Teratai. Jadi Teratai, di samping itu, Teratai juga menyokong satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Y.B. Seri Kembangan iaitu beliau berharap kerajaan boleh mewartakan tapak sekolah aliran Cina dan Tamil mengikut *ratio* penduduk dan memasukkan cadangan tapak sekolah ke draf rancangan tempatan masing-masing. Kenyataan dibuat pada 11 Mac 2012. Saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan mengkaji semula keperluan penduduk di Selangor dan mewartakan tanah untuk sekolah Cina dan Tamil yang selalu diabaikan oleh kerajaan Barisan Nasional sebelum tahun 2008.

Puan Timbalan Speaker, isu yang ketiga yang saya ingin membangkitkan adalah isu baru-baru ini berlaku di kawasan Teratai....

Maju Jaya yang mana MCA membuat satu majlis makan malam yang telah banyak mengganggu kan penduduk setempat. Majlis makan malam tersebut akan berlangsung pada Khamis ini iaitu esok. Tetapi mereka telah tutup semua jalan dan menggunakan semua 120 *parking* lot di Pusat Perniagaan Maju Jaya sejak ahad ini, 4 hari atau 5 hari sebelum. Penduduk dan para peniaga serta pelanggan mengadu kepada Ahli Majlis dan saya sejak ahad ini kerana di tempat tersebut ada kedai, rumah kedai dan pasar pagi. Mereka mengalami masalah tidak dapat letak kereta di tempat *parking* dan pelanggan tidak mahu pergi kerana *parking* lot sudah digunakan untuk dipasang khemah. Saya didapati MCA akan menganjurkan Majlis Makan Malam ini pada Khamis dengan membuka 300 meja dan mengambil *parking* lot sebanyak 120 unit. Saya tidak membantah apa-apa ceramah ataupun Majlis Makan Malam dari mana-mana parti, saya pun diketahui MCA ke ataupun Barisan Nasional telah buat 2-3 kali program seperti begini dalam tahun lepas dan tidak ada sekali pun kita menghalang. Namun demikian, penduduk dan para peniaga di khususnya di Maju Jaya membantah kerana ada 3 sebab. Satu, *parking* lot mereka telah diambil tanpa pengetahuan. Dua, program ini telah mengganggu kehidupan mereka begitu serius sebab semua jalan penuh ditutup dan mereka tidak dapat balik rumah sampai program ini habis. Tiga, pada hari Rabu iaitu malam ini, sana ada satu tapak pasar malam. Penjaja pasar malam tidak sedar ada program ini dan mereka berkemungkinan mengalami masalah tidak dapat mendirikan petak mereka kerana sudah ada tiang khemah didirikan. Tambahan lagi khemah ini ditutup oleh papan zink, dia guna zink untuk buat itu khemah. Kalau para peniaga goreng makan ataupun contohnya masak kuew-teow saya boleh jangka peniaga tidak dapat nafas langsung la malam ini. Pelanggan pun tidak akan kunjung kerana terlalu panas dan lembap. Oleh ini, hari Rabu saya pastikan malam ini saya akan dapat banyak *telephone call* termasuk Ahli Majlis untuk menjelaskan isu ini. Akan tetapi aduan ini saya telah buat kepada pihak Polis dan MPAJ pada hari ahad, saya sms aduan saya kepada pihak Polis iaitu 18hb. Polis kata akan siasat, jadi pada hari keesokannya 19hb, satu permit Polis dikeluarkan tanpa mengira bantahan dan juga rintihan daripada penduduk. Jadi tindakan ini memang cepat, tepat dan mesra kepada MCA.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ingin saya tanya penjelasan

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Ya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, silakan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya masih teringat, mungkin pada tahun 2009 saya bersama-sama dengan Y.B Teratai ya berjumpa dengan Dato' Khalid iaitu CPO Selangor pada masa itu berkenaan dengan permohonan permit majlis makan malam DAP di kawasan Teratai dan difahamkan bahawa permit tidak boleh dikeluarkan. Alasan yang diberi oleh CPO ialah terdapat banyak sangat aduan daripada penduduk-penduduk dan peniaga-peniaga persekitaran bahawa ada gangguan dan juga

pencemaran bunyi ya. Ini ceramah dan juga majlis makan malam DAP di kawasan Teratai. Mengapa pula saya tanya, mengapa kali MCA boleh dapat begitu cepat ya.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Itu saya pun berasa pelik sangat. Pada masa itu, saya masih ingat tempat yang saya sewa adalah satu *parking lot*. *Private* punya *parking lot*.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Speaker.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Sekarang MCA yang buat program ini dalam *public parking lot*. Dibenarkan.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, silakan Sungai Pelek.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Puan Speaker, minta celah. Saya hairanlah kenapa CPO luluskan permit untuk jamuan makan itu untuk parti MCA dan di sebaliknya pula pihak PBT pun berkuasa juga untuk meluluskan tempat untuk di jalankan aktiviti-aktiviti tersebut. Sebagai seorang wakil rakyat yang pemerintah di dalam negeri Selangor ni rasa saya boleh bawak kepada PBT untuk mengadakan mesyuarat sama ada tempat itu boleh tak diguna pakai oleh parti MCA. Rasa saya MCA buka satu parti yang tidak boleh berbincang, tidak boleh apa yang disebut oleh Y.B. Teratai sebentar tadi macam jadi apa yang nak dikata *king* la. Kalau jadi *king* macam ni memang tak payah pun mintak kebenaran daripada CPO, itu pandangan saya dan hak pihak majlis pun boleh menghentikan atau tidak membenarkan pihak MCA menggunakan tapak itu untuk menjalankan program tersebut. Jangan semata-mata menyalahkan parti MCA sahaja Y.B. Teratai.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Terima kasih. Bila sebut pelik, pelek keluar nak bagi pandangan. Itu akan saya panjangkan, kena jelaskan sebenarnya tidak ada permit langsung dikeluarkan pada hari Ahad bila Ahli Majlis tanya siapa keluarkan permit itu. Pihak pengajur katakan itu Ahli Majlis Doti John yang sokong. Sebenarnya tak ada isu ini bila kita semak kepada Polis dan semak dengan PBT tak ada permit langsung dikeluarkan. Tetapi MCA mungkin kena terima kasih kepada saya. Selepas saya hantar sms Polis terus bagi permit tanpa permohonan. Saya minta Polis siasat tapi Polis bagi permit kepada MCA untuk mereka menganjurkan program ini. Tahniah dan syabaslah kepada saya, sebab saya hantar SMS aduan. Jadi Aduan ini telah menjadi satu permohonan, saya pun tak faham.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Saya pun hairan dan pelik lah. Kalau MCA tak mohon permit macam mana Polis boleh luluskan. Saya pun peliklah ini ibu angkat Sungai Pelek pun pelik sedikitlah, walaupun nampak cantiklah.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Ini soalan bagus, haruslah dituju OCPD Ampang, sebab saya pun tak faham. Walaupun permit PBT tak keluar tapi dia boleh dapat permit. Baru

sahaja setengah jam ini, sebelum bila saya berada di sidang Ahli Majlis bincang isu ini dalam PBT dalam satu jawatankuasa. Timbalan YDP kata tak ada masalah, tapi permit belum dikeluarkan juga. Jadi saya pun berasa hairan, kenapa walaupun banyak aduan dan rintihan, kita bukan menghalang saya nak menjelaskan pendirian kita tak ada masalah untuk buat *political* ceramah politik ke ataupun jamuan. Cuma tempat itu memang ada banyak masalah sebab dia macam satu *square* dengan izin. Dia punya, dia pelan di tempat itu dia bukan padang. Jadi saya juga ingin mencadang kepada PBT, kalau YDP ada di sini saya berharap cadangkan mereka pindah ke sebelah padang sahaja. Itu padang adalah di sebelah sahaja pergi *cross the road* dengan izin pergi tempat sana ada satu padang besar, 1000 meja pun boleh masuk tak ada masalah. Cuma ini tempat memang hari ini malam ini ada pasar malam, esok ada pagi tiap-tiap pagi ada pasar pagi dan juga ada banyak para peniaga dan penduduk di sana. Semua berkongsi kan *parking lot* yang sama. Itulah masalah yang saya ingin nak mengemukakan. Bukan kerana saya nak menghalang kan mana-mana parti untuk menganjur program dan juga saya tanya diberitahu PBT ada keluar satu saman 1000. Bukan kita nak ambil duit saman itu bukan niat kita, dia nak guna dewan saya pun boleh sewa tak ada halangan MCA ke UMNO ke pun pernah sewa dewan orang ramai dengan caj RM6.00 sejam sahaja. Kita pun pernah buat tak ada pun masalah. Cuma ini isu adalah gangguan kepada penduduk dan saya ingin menyeru PBT nasihatkan merekalah.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Teratai, saya ingat pilihan raya umum sudah dekat, kalau MCA ada kat Ampang tu buat macam ini tak nak undi. Tak nak undi daripada masyarakat tempatan pengundi tempatan apa yang dikatakan oleh Teratai semata-matanya orang sana memang marah pada MCA sebab buat aktiviti dekat tu. Rasa saya ini tidak kenalah. Siapa nak ambil batu baling kat kaki sendiri, bengkak tu. Betul tak. Ini pandangan saya, jadi rasa saya tak benarlah.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Itulah nanti saya nak cakap, tapi Y.B. Sungai Pelek sudah panggil sebab MCA ini bermaksud *Make Chinese Angry* dengan izin. Itu kenapa dia tak fikir langsung, dia nak buat program adalah bertujuan untuk dapat sokongan tetapi sekarang dulu buat orang pun sudah marah, jadi tak sampai tujuanlah. Kita mengamalkan sikap adil, jadi DAP, ADIL buat program MCA boleh, UMNO boleh, PAS boleh, PKR boleh, tak ada masalah, tak ada isu, cuma masalah itu lokasi sahaja. Jadi saya cadang Sungai Pelek nasihatkan merekalah supaya pindah ke sebelah padang sahaja.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Kalau macam ini lagi *happy*lah Teratai, kan dia marah MCA. Bila MCA bertanding Teratai lagi *happy* kan untung.

**Y.B. PUAN LEE YING HA:** Saya tak bertanding di Parlimen. MCA bertanding di Parlimen, saya punya pembangkang adalah Gerakan. Itulah tapi ini untuk kepentingan rakyat, bukan kepentingan parti politik saya ataupun saya. Sana penduduk sangat suka saya, sokong saya penuh 90% undi saya. Itu tak ada isu, cuma itu kepentingan penduduk saya ingin mempertahankanlah itu sahaja. Jadi dia ada masalah untuk pindah ke sebelah. Mereka hanya perlu letak papan tanda kata ok sini pergi dan juga

itu pekerja penjaga trafik dia boleh letak kereta sini tapi dia jalan ke sebelah itu sahaja sangat senang. Jadi saya tak faham mengapa dia masih nak *Make Chinese Angry* dengan izin. Jadi saya berharaplah PBT boleh dengar suara Ahli Majlis aduan rakyat dan menasihatkan mereka supaya pindahkan program ini ke atas padang dengan secepat mungkin itulah ucapan saya, sekian sahaja, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, Puan Timbalan Speaker. *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Pertama sekali saya ingin mengambil bahagian mengenai titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor sempena Mesyuarat Pertama Penggal ke 5 Dewan Negeri Selangor ini. Saya ingin dalam hal mengucapkan terima kasih ini untuk mengajak saudara-saudara semua untuk melihat negeri Selangor ini bukan sahaja pada hari ini, bukan sahaja pada masa akan datang dalam jarak 10 tahun pun begitu, tetapi saya lebih minat untuk membawa semua melihat Selangor ini 50 tahun yang akan datang dan 100 tahun yang akan datang. Apa bentuk, gambar *The Larger Picture*. *The Larger Picture* dari segi ekonomi, pembahagian kekayaan negeri ini. *The Larger Picture* dari segi tingkah laku generasi muda, termasuk generasi tua. Gambar besar mengenai institusi keluarga yang semakin pupus, semakin pupus dan juga nya gambar besar mengenai keseluruhan *quality of life* yang saya fikir bagi Yang Berhormat-yang Berhormat dan teman-teman sama ada di sana atau di sini, semuanya ingin melihat satu bentuk *quality of life* yang baik, yang terunggul, yang tersohor kerana negeri Selangor mempunyai seluruh kekuatan dan kemampuan, seluruh *resources* sumber untuk menjadikan negeri ini negeri nombor 1 dalam hal yang berkaitan dengan *quality of life*. Puan Timbalan Speaker, saya ingin memulakan dengan menyebut tentang yang disebut oleh Menteri Besar pada pagi ini dalam jawapannya iaitu mengenai persoalan murtad ini dan persoalan murtad ini bukan persoalan kecil bukan persoalan sampingan bagi orang Islam, bagi saya dan bagi seluruhnya masyarakat Islam di Malaysia dan di luar Malaysia persoalan murtad ini adalah persoalan yang non *negotiateable* kita sebagai seorang Islam. Maknanya murtad sama ada orang Islam keluar daripada Islam ataupun usaha yang dibuat yang disebut oleh Ijok tadi yang tidak dibenarkan melalui undang-undang bagi orang yang bukan Islam memanggil, memujuk atau mengajak orang yang bukan Islam untuk meninggalkan agamanya memasuki satu agama yang lain. Hal ini dalam hal mengenai perlombongan dan hal mengenai perundangan ini amat jelas, tetapi apa yang berlaku sekarang ini kalau kita lihat dengan jawapan yang diberikan Ijok tadi jawapan yang sepintas lalu seperti itu, dia tidak akan menyelesaikan masalah. Jawapan yang mengatakan serahkan kepada keluarga, jawapan yang mengatakan serahkan kepada masyarakat Islam, jawapan yang mengatakan serahkan kepada JAIS semata-mata, ia tidak akan menyelesaikan masalah dan saya nak bagi tahu sebagaimana yang disebutkan memang kita sedang mengusahakan video itu dalam masa seminggu ini ataupun sekurang-kurangnya dalam masa 10 hari ini video itu akan muncul dan saya akan mengadakan satu sidang akhbar khusus untuk membincangkan video tersebut untuk pengetahuan masyarakat luas.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Pertanyaan Puan Timbalan Speaker.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Apa yang saya nak sebutkan...

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Pertanyaan sikit

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Meru. Silakan.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Alhamdulillah, terima kasih Gombak Setia. Cuma saya nak tanya sedikit sahaja tentang murtad ni. Saya nak tanya Gombak Setia adakah murtad ni baru berlaku tahun 2008 ni ataupun dah berlaku sebelum ni sebelum merdeka lagi dan kalau ada, mungkin bukan sekarang mungkin selepas ni, Gombak Setia boleh bagi saya *figures* murtad wallahualam.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Meru. Saya pun memang nak menyentuh Meru sebenarnya. Semasa...

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Puan Speaker minta laluan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ya. Kejap saya jawab Meru dulu, karang saya bagi kepada teman saya. Meru semalam ni rasa saya agak *personal* dalam ucapannya terhadap saya dan kita tidak menggalakkan teman-teman kita dalam ucapannya *personal pinpointing to certain figure* yang rasa saya dari segi norma-norma perbahasan barangkali saya rasa tidak secocok dengan tingkat kemampuan *intelligent* kita sebagai Ahli-ahli Dewan di negeri Selangor ini. Apa yang disebutkan yang saya tidak hadir misalnya dalam jamuan makan malam itu, saya rasa ini pilihan-pilihan peribadi. Kita mempunyai banyak jadual-jadual kita, banyak urusan-urusan kita, terserahlah kepada masing-masing orang untuk menyusun jadual-jadual masing-masing. Dalam menyusun jadual-jadual itu ada yang paling penting, ada yang penting, ada yang kurang penting, saya tidak mengatakan jamuan makan malam itu tidak penting, tetapi saya banyak hal barangkali kita ada pertelaghan, perselisihan dalam dua kaedah, dalam dua situasi nak pilih yang mana. Malam semalam saya telah pilih untuk tidak hadir dan saya telah beritahu awal-awal lagi kepada sekretariat tentang kehadiran saya itu. Dari segi normanya saya telah mengikut *standard normanya*-*normanya* yang diperlukan. *Standard ethic* yang diperlukan.

Yang keduanya mengatakan yang saya tidak hadir sebelah petang. Saya tidak tahu bila Meru dilantik untuk menjadi monitor kepada Dewan ini untuk tengok orang balik, untuk orang datang, untuk tengok orang pergi. Satu dunia Dewan di mana pun ke England kita tengok *the House of Common di England and House of Representative di America, House of Senate di America* tak pernah ada yang *full corum*, tak pernah. Saya Ahli Parlimen, Meru tak pernah jadi Ahli Parlimen. Saya pernah jadi Ahli Parlimen di persidangan yang lebih besar 222 orang. Kita tahu ada masanya ada *minister-minister* yang tak pernah datang. Ada kalanya *deputy minister* pun tak pernah datang dalam sesuatu perbincangan dalam sesuatu perbahasan. Adakah kita nak mengatakan dia tidak datang dia tidak menghormati dewan, atau dia tidak datang kerana dia tidak mengambil tanggungjawab terhadap menjawab soalan-soalan di dewan. Yang ini

berilah kita, kita *we are all adult*, saya nak beritahu Meru dengan izin dan tak sepatutnya kita bangkitkan soal-soal. Saya rasa timbulnya soal peribadi ni kerana Meru ni menghadapi masalah psikologi. Masalah psikologinya dia tidak dipilih menjadi EXCO. Itu saja, itu saja. Aa.. saya sebagai Pesuruhjaya Negeri Selangor, saya Pesuruhjaya PAS 8 tahun, Pesuruhjaya PAS.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Ini dah emosional, saya minta tarik balik.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sila-sila..

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Meru.

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Saya doktor, dia bukan doktor perubatan. Jadi masalah psikologi ni Y.B. Gombak Setia sepatut tidak boleh timbul benda ini. Ini personal saya, saya minta tarik baliklah.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Buat apa nak tarik balik pula, perkataan psikologi itu *is not bad at all you know*, dia kata dia doktor, saya ni ambil kursus tentang psikologi. Doktor tak semestinya doktor ambil kursus tentang psikologi. Dia banyak cabang-cabangnya, dia doktor biasa sahaja, *general doctors*. Okay, saya nak sebutkan satu lagi ni saya rasa psikologi ni mainkan peranan, saya tahu saya diberitahu, bukan dialah. Ada orang turun-turun naik, jumpa sana jumpa sini, jumpa sana jumpa sini, sampai nak tahu pakai baju apa dalam majlis untuk mengadakan angkat sumpah dan sebagainya. Saya tak tahu siapa orang itu. Jadi bila dah tak dapat benda itu ini yang namanya meroyan. Jadi sebab itu meroyan itu disampaikan dalam majlis macam ini, majlis rasmi macam ini dan ditumpahkan kepada saya, saya rasa tidak agak tidak adil. Lagi satu saya nak sebut meroyan ni, fasal saya dengan teman-teman dalam *road show* dah tiga, empat kali pergi Meru, saya nak beritahu sambutannya sangat hebat 2,000, 3,000 orang. Bila mereka mengadakan majlis ada 20 orang, ada 10 orang, ada 100 orang macam itu saja. Jadi, sebab itu dalam keadaan meroyan ni, meroyan ni saya rasalah, saya nak nasihatkan eloklah Meru ambil rehat dulu mana-mana ke.. duduk, memerhatikan keadaan dan melihat dan juga menyusun kembali dan melihat kebelakangan di mana kita. Kita PJ negeri Selangor, Pesuruhjaya negeri Selangor kita adalah di antara orang yang kanan di antara orang yang ada sekarang dalam Dewan Negeri, tak kan kita berbahas cerita yang remeh temeh seperti itu bahaslah cerita tentang ekonomi, tentang perkembangan pendidikan, tentang kemanusiaan, tentang di mana negeri Selangor dalam konteks pembangunan Malaysia 50 tahun yang akan datang itu yang kita bincangkan di Dewan ini, bukan nak cari, bukan nak catat bila dia masuk bila nak keluar, itu saya rasa bukanlah tugas seorang Pesuruhjaya PAS negeri Selangor dan bukanlah tugas sebagai seorang yang kemungkinan besar boleh diseniorkan kedudukannya dalam Dewan Negeri ini.

Saya nak menyebutkan saudara-saudara, teman-temannya tentang hal mengenai tentang yang disebutkan, Meru juga ada menyebutkan seolah-olah memperli satu organisasi yang saya pimpin. Saya Presiden JATI Malaysia. Dia menyindir tentang IMR, Islam, Melayu dan Raja. Apa masalahnya saya tak nampak masalahnya. Islam

memang kita perjuangkan Islam daripada dulu sampai sekarang. Yang saya ingat-ingatlah sejak 40 tahun yang lalu Hasan Ali yang saya rasa di antara orang yang ke depan dan ke belakang, ke kiri dan ke kanan memperjuangkan Islam dan saya bawa hakikat ini dalam kehidupan kita, hakikat ini dalam kehidupan berpolitik kita, hakikat ini dalam kehidupan bermasyarakat kita, hakikat ini dalam kehidupan bernegara, berummah kita. Apa masalahnya tentang itu, masalah agaknya iri hati kerana JATI mendapat sokongan yang hebat dalam pelancaran 1,000 manusia hadir dalam pelancaran JATI hingga kini walau pun umurnya masih lagi 30 hari begitu sahaja tetapi keahlian sudah meningkat menjadi 5,000 orang. Ini satu keadaan yang saya fikir menyebabkan Meru rasa sempit, terhimpit tapi Meru seorang sahaja yang lain mengalukan. Di mana sahaja saya pergi orang mengalu-alukan datang naik pentas mengalu-alukan. Bersalam dengan kita, berdakap dengan kita sangat mengalu-alukan IMR ini kecuali seorang sahaja dalam Dewan ini agaknya Meru, itu pun kerana tekanan psikologi yang berlaku pada diri Meru. Okay, nombor dua yang saya nak sebut tentang Melayu misalnya. Ini pun penyakit besar memang ada dalam PAS tak suka dengan perkataan Melayu ni. Fasal apa tak suka dengan perkataan Melayu. Saya nak namakan beberapa individu tapi tak sampai hati nak menamakan dalam PAS, PAS saya boleh cakap fasal PAS fasal saya 6 tahun saya menjadi Naib Presiden PAS, 6 tahun Naib Presiden PAS, 8 tahun Pesuruhjaya PAS Selangor saya boleh cakap fasal PAS walau pun PAS telah menamatkan keahlian saya dalam PAS tetapi itu tidak jadi masalah kepada saya. Tapi apa pun sebenarnya ialah masalah Melayu ini, apa masalah Melayu ini, saya nak bangunkan Melayu, saya nak bangunkan pendidikan orang Melayu yang tertinggal jauh, saya nak bangunkan profesional Melayu yang tertinggal jauh, saya nak membangunkan usahawan Melayu yang tertinggal jauh, saya nak membangunkan ahli-ahli fikir Melayu supaya tarafnya berfikirnya taraf secara dunia bukan sempit macam Ijok, *no, no*, bukan Ijok saya tarikh balik macam Meru. Semua itu saudara-saudara, sebabnya kita kena fikir. Apa masalahnya, saya minta Meru tolong baca, tolong baca. Saya dah sempat baca daripada muka ke muka namanya *Al-Muqaddimah* karangan Ibnu Khaldun. Dalam itu dia mempersoalkan secara terperinci apa dia *assobiah*. Bagi Ibnu Khaldun yang karangannya telah terjemah kepada seluruh bahasa Eropah telah diterjemahkan ke bahasa Indonesia dan telah pun diterjemah dalam bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Dalam bahasa Inggeris telah lama diterjemahkan oleh Profesor .... Semuanya kita boleh baca macam mana Ibnu Khaldun dalam mukadimah menyebut persoalan *assobiah*. Ada dua jenis *assobiah*. Satu *assobiah* yang namanya *assobiah* yang positif dan satu lagi *assobiah-assobiah* yang negatif. Yang negatif ertiinya menindas orang lain dalam kelompok-kelompok yang lain. Menindas kumpulan yang lain dalam kelompok yang sama. Menaikkan orang yang tak sepatutnya dinaikkan. Menghentam orang yang tak sepatutnya dihentam. Mengintip orang dalam Dewan yang tak sepatutnya diintip. Benda-benda ini *assobiah*. Satu lagi *assobiah* yang positif. Apa dia *assobiah* yang positif memajukan, membuka minda mereka, menggerakkan mereka, memotivasiakan mereka, memberikan bantuan kepada mereka, memberi nasihat kepada mereka, tunjuk ajar kepada mereka, kaunseling kepada mereka, gerakkan mereka, gerakkan minda mereka, gerakkan *spiritual* mereka *those are positive archaic* yang perlu ada dalam konteks kita membincangkan *assobiah*. Salahkah saya *am I wrong doing that* salahkah saya membuat prinsip ini dalam hidup. Saya akan memanangkan tangan

saya untuk membantu manusia nun tempat yang pernah saya wakili satu masa dulu Sungai Burong di Sungai Kajang. Nelayan-nelayan yang hidupnya kais pagi makan pagi kais petang makan petang dan betul dalam hadis mengatakan dan akan terjebak orang kepada kekuatan kerana kemiskinan, kerana kefakiran, salahkah saya membantu mereka, salahkah saya memperjuangkan mereka sebab itu yang ketiga tentang Institusi Raja.

Saya nak menyebut IMR, Islam, Melayu dan Raja disambut di mana-mana Islam, Melayu dan Raja di mana kita pergi tentang Raja saya nak sebutkan. Institusi Raja ini adalah sebagai payung. Dia payung memayungkan Islam, memayungkan Orang Melayu yang tulang belakangnya adalah Islam. Apa masalahnya, saya tak nampak masalahnya. Dia mana saya derhaka kepada Sultan. Untuk pengetahuan Meru, saya pernah jadi Ketua Pembangkang dekat sini lebih kurang 15 tahun yang lalu. Speaker pun bersama dengan saya, Sekinchan bersama dengan saya, saya Ketua Pembangkang. Saya pernah berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik di Selangor, *Chief ADO* di Selangor, Pemangku Ketua Pegawai Daerah di Kuala Selangor. Saya pernah berkhidmat di SUK nak menggambarkan bahawa saya adalah di antara orang yang menjunjung Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan. Takkallah kerana saya tak hadir satu Jamuan Makan Malam semalam yang menyebabkan saya dituduh tidak menghormati Sultan, derhaka kepada Sultan. Jadi saya rasa kena pergi, *go to your senses please* Meru dengan izin. Balik kepada akal kita. Balik kepada fikir kita. Saya nampak dari dulu lagi Meru *okay* tapi sejak tak dapat jadi EXCO ni tak jadi *okay*. Fasal apa dia jadi begitu.

Kemudian saya nak menyebutkan tentang saya nak melihat pembangunan di negeri Selangor. Pokoknya kita lihat di mana-mana buku pun ada 5 perkara yang dibincangkan mengenai pembangunan.

Pertama ialah rancangan pembangunan. Masa saya dekat sana, sebelah sana dulu dalam sidang yang pertama Dewan ini, saya telah kemukakan rancangan jangka panjang, paling jangka panjang 50 tahun bagi negeri Selangor yang disediakan bersama-sama dengan UPEN. Dah ada gambaran itu. Saya buat gambaran itu bukan sahaja fizikal, saya suka fizikal tetapi saya tidak memberikan kepercayaan total kepada fizikal. Fizikal *development* mudah, tak ada jalan buat jalan, tak ada air bagi air, tak ada api bagi api, tak ada telefon bagi telefon itu sangat mudah. Tidak ada masalah apa lagi keadaan negeri Selangor mempunyai kekuatan, kemampuan bagi melaksanakan perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat. Tetapi yang saya lebih perlukan ialah selain daripada perancangan itu ialah pelaksanaan, pelaksana kepada pembangunan. Pelaksana *implements* ini masalah dan saya tak suka masalah ini dibebankan kepada pegawai-pegawai, kakitangan kerajaan. Saya dah bersama-sama mereka berpuluhan-puluhan tahun sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dengan teman-teman saya yang ada di sini. Peringkat awalnya saya ngeri tengok bagaimana mengurus pegawai-pegawai kerajaan kita. Dalam mesyuarat-mesyuarat kita kata *stupid* dekat mereka, macam mana di peringkat awalnya kita kata *stupid*, perkataan stupid tu dah menjadi perkara biasa, macam mana kita mengurus manusia, macam mana kita mentadbir manusia, sebab itu saya sentiasa agaknya kerana ada *alignment* antara saya dengan

pegawai kerajaan *because at one times I am was one of them* dengan izin. Saya satu masa dulu bersama dengan mereka, pegawai-pegawai kerajaan, DO-DO, YDP-YDP, teman-teman saya di UPEN, teman-teman saya di jabatan-jabatan kerana saya ada lingo itu, bukan saya lingo dalam hubungan bahasa tetapi lingo dalam perkataan *psychological* lingo itu antara saya dengan mereka, ini yang perlu dipertahankan. Bagi saya akhir-akhir ni alhamdulillah sudah berlaku perubahan saya lihat. Tapi saya rasa, kita hentak, kita jatuhkan air muka dia

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Puan Speaker boleh saya mencelah.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Kita mengucapkan tahniah di atas semangat dan daya juang Dato' Dr. Hasan Ali, kita berminat hendak mengetahui apakah falsafah, prinsip JATI dan perjuangan. Kami istilah-istilah sahaja dari segi falsafah, prinsip JATI macam mana tu dia akan berlandaskan politik ke, NGO apakah kemungkinan matlamat yang ingin dicapai dan sumbangan yang dapat diberi kepada bangsa, negara, agama dan sebagainya. Dan apakah pandangan Dato' tentang politik-politik yang sedang kita perjuangkan yang dulu Dato' sendiri perjuangkan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. JATI ni tak masuk dalam kita punya *standing order* pun tak masuk dalam acara agenda kita pun tak masuk, dia bukan sebahagian daripada kerajaan negeri Selangor, dia bukan anak syarikat negeri Selangor, dia bukan Badan Berkanun Negeri Selangor, jadi tak cantiklah saya kalau dekat sini nak ambil kesempatan bercerita dengan JATI. Datanglah tengok jadual saya setiap malam, setiap malam *road show* saya, Bangi pun dah 2 kali, Sekinchan saya belum pergi lagi, tetapi saya nak pergi juga di Sekinchan. Tetapi apa pun yang saya nak sebut, JATI ini, JATI ini ialah satu badan NGO diluluskan oleh ROS *Register Of Society* sebagai satu badan NGO beroperasi untuk:

- (i) Mengagungkan Islam
- (ii) Memartabatkan Melayu.
- (iii) Mendaulatkan Institusi Raja.

Saya nak sebut Institusi Raja *not really individual* Raja, institusi, yang itu yang kita nak martabatkan sebab kalau kita lihat, saya nak pergi ke Institusi Raja ini. Institusi Raja ni dia punya payung. Apa yang akan berlaku nanti kalau misalnya adalah Pakatan Rakyat, sebagaimana yang war-warkan, yang kita baca dalam seminar dalam berbagai-bagai wadah wacana yang kita dapati ada gaya-gaya mereka bila dapat kuasa katakan *two-third majority* di Parlimen kalau itu mereka dapat ke Putrajaya dapat menguasai kerajaan *federal* ada kemungkinan sebahagian daripada penulis-penulis menganggap, menanggapi kemungkinan Malaysia akan ditukar coraknya daripada negara demokrasi kepada republik. Okey, itu mereka, mereka kata, bukan saya kata, mereka kata, tetapi mereka tak boleh buat. Walaupun ada *two-third majority* di Parlimen selagi, selagi

Majlis Raja-raja tidak menurunkan tandatangan untuk memberikan kelulusan keizinan ke atas pertukaran itu, walaupun telah mendapat kelulusan *two-third* daripada Parlimen, ini dia punya, begitu juga dengan *article one five three*. Memang sudah di Selangor pun, memang sudah dibayang-bayangkan *one five three* ini tidak relevan lagi, *one five three* ni ialah hak istimewa orang-orang Melayu sudah tidak diikut lagi, sudah tidak sesuai lagi, sudah tidak patut, patut-patut diubahsuai, patut diberi satu pendekatan baru dan sebagainya, digugurkan sahaja daripada peruntukan perlembagaan. Mereka tak boleh buat, yang ini mereka tak boleh buat kalau Majlis Raja-raja, Institusi Raja-raja dalam Majlis Raja-raja tidak menurunkan tandatangan untuk memberikan keizinan di atas pertukaran atau di atas pengguguran tersebut. Saya menganggap ini dulu masa Laporan Suruhanjaya dan juga sebelum-sebelumnya lagi waktu mereka menyajikan perlembagaan itu isi kandungan perlembagaan itu, saya betul-betul termenung kadang-kadang memikirkan eh.... pandangannya jauh betul. Bukan pandangan jauh atas, atas emosi atau sentimen saya orang Melayu, saya Islam, tidak, tetapi atas pandangan negara yang akhirnya sekarang ini penduduknya dalam lebih kurang orang Melayu 66.2% yang bukan Melayu ialah dalam 30% lebih begitu, saya rasa pandangan yang dibuat, peruntukan yang ada dalam perlembagaan itu betul-betul satu pandangan yang jauh, bukan berpandangan macam Meru punya hari ini, malam ini, bukan, bukan, jauh *very-very long short, very-very long short*. Inilah satu pandangan, dan saya tak tahu lah, bila saya renung balik itu, oh, ada orang yang fikir macam itu. Ada orang yang fikir sampai *intergenerational* seperti itu, ada orang yang fikir sampai 100 tahun macam itu, yang itulah dalam mukadimah saya tadi. Saya nak bawa dalam Dewan ini supaya perlahan-perlahan kita menanggapi, kita mengambil prinsip, prinsip *intelligent*, prinsip-prinsip kebijaksanaan, prinsip-prinsip hikmah *Walmaudhu'* yang ada pada mereka, yang mereka cipta, yang dapat melahirkan perlembagaan yang sedemikian. Saya apa....

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat, boleh memohon mencelah

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sila-sila

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih, saya ucap tahniahlah kepada Gombak Setia selepas di keluar ataupun dipecat daripada PAS, Yang Berhormat bergerak atas individu dan juga selepas you tak sampai berapa bulan Yang Berhormat boleh tubuhkan JATI, saya ucap tahniah. Ini satu kesungguhan yang jelas. Saya nak minta pendapat Yang Berhormat kerana Yang Berhormat pun pernah duduk di sebelah sana, tetapi apa yang menghairankan apa yang dikatakan Pakatan Rakyat hanya pada nama, saya tak pernah tengok ada permohonan pun sama ada atau tidak *Wallahu alam*, saya pun tidak tahu tetapi Pakatan Rakyat ini disebut Pakatan Rakyat tetapi logonya pun tak pernah ada, bila bertanding pilihan raya itu pun logo masing-masing, saya pun hairan tetapi oleh kerana Islam ni bagus, Islam kata, dia kata panggillah seseorang itu dengan nama yang dia suka, jadi dia pun suka perkataan yang dia suka patut panggil tak boleh jadi saya nak pendapat Yang Berhormat Gombak Setia, fasal pernah duduk dalam 2 keadaan, jadi kenapa, ini kenapa sindrom apa, duduk berumah bersama 3 keluarga semalam Ketua Pembangkang yang bagi tahu tetapi tidak pernah berkahwin, tak ada logo, tak ada perlembagaan parti, tak ada pun

tetapi bertanding dalam pilihan raya ikut logo masing-masing. Saya minta pendapat Yang Berhormatlah sebelum Yang Berhormat pergi ke perkara-perkara yang lain.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih, saya pun tak nak banyak komen tentang itu, tetapi Pakatan Rakyat ni setahu saya semasa saya berpakat dalam rakyat dulu, setahu saya memang tidak ada diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan dan sebagainya, tidak berdaftar, tidak berlogo, tidak berperlembagaan, tidak ada Undang-undang Tubuh, dia hanya *loose, loose* begitu. Jadi bila *loose* ni, bila renggang macam itu, bila, dia, dia cepat longlai, dan saya dah nampak, saya dah nampak kelonglaian itu dah mula nampak, dan disebutkan tadi tentang-tentang pemecatan tu, saya suka Timbalan Speaker mengambil sedikit kesempatan fasal ada salah faham tentang saya dipecat dalam daripada PAS bukan kerana saya minum arak, bukan kerana saya berjudi, bukan kerana saya pergi rumah urut, urut kaki ke, urut paha ke, urut atas paha ke, tak ada, tak ada, tak ada. Bukan saya terlibat dalam, dalam jumpa isteri orang pukul 3 pagi, tak ada, tak ada, tak ada. Bukan saya terlibat dalam zina, bukan juga saya terlibat dalam liwat, tak ada, tak ada, tak ada, tetapi saya dipecat atas dasar saya nak mempertahankan Islam yang asal, yang diperjuangkan oleh PAS.

Nombor 2, saya nak mempertahankan tentang komponen pergerakan perjuangan Melayu itu, tetapi bila saya sebut Melayu ni, saya nak beritahu teman-teman, satu Malaysia ni saya nak bagi tahu, saya bukan *chauvinism* atau rasis. Pergilah ke Gombak, pergi ke mana-mana, siapa sahaja MCA datang sila, DAP datang sila, orang Melayu datang sila, orang asli datang sila, tak ada, yang perlunya keperluan. Kalau dia perlu tak kisah bangsa apa, tak kisah agama apa, tak kisah keturunan apa, saya akan bantu mereka dan terus akan membantu mereka, tak ada. Beri saya satu insiden di mana Hasan melahirkan sifat rasis terhadap orang-orang lain kerana sifat saya mementingkan Melayu, ini sangat-sangat penting. Berikan satu-satu tempat, satu-satu potongan akhbar, berikan satu-satu cebisan daripada potongan video dan sebagainya, yang saya mengetepikan orang-orang yang bukan Islam dalam beberapa hal, mengetepikan mereka atas nama mereka bukan Islam. Saya orang Islam ini kita junjung sifat-sifat keadilan, orang Islam kita junjung sifat-sifat keharmonian, orang Islam kita junjung sifat-sifat yang akan memberikan kepada rakyat *mentalist, militarist, physically, emotionally* yang terbaik dalam hidup sama ada individu, sama ada rakyat, sama ada seluruh umat. Itu pegangan saya

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Tuan Speaker saya nak mencelah.

**Y B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sila, sila.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Boleh ke Gombak Setia nafikan bahawa Gombak Setia sebenarnya menghadapi konflik dalaman oleh sebab tidak mencapai hasrat sesuatu yang selalu diperkatakan oleh orang. Saya ingat tuduhan kepada Meru sebenarnya berlaku juga kepada, sebenarnya tidak berlaku, tetapi sebenarnya yang berlaku ialah pada Gombak Setia, betul atau tidak.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Apa, apa tuduhan tu, cuba bagi spesifik apa tuduhan itu.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Er.. diperkatakan bahawa oleh sebab ada kekecewaan tertentu oleh pihak Gombak Setia menyebabkan berlakunya peralihan ataupun barangkali pemberontakan ataupun ialah menjadi ialah keadaan yang sekaranglah maknanya.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Dalam kamus hidup saya sebagai *motivator* tidak ada perkataan kecewa, apa nak kecewa saya pun pernah jadi Ahli Parlimen, dalam PTD saya pernah menjawat jawatan sampai ke peringkat memangku Super Skil 'D' masa saya *resign* dulu. Apa masalahnya, saya pun pernah jadi Ahli Dewan Negeri, saya pernah duduk jadi Ketua Pembangkang, apa masalah, saya pernah berniaga mengepalai 12 syarikat-syarikat yang semuanya berjaya ketika itu sebelum saya masuk politik. Di mana, *Alhamdulillah* anak-anak pun nampaknya masuk universiti semua, tak ada anak-anak sehingga ini yang memberikan masalah kepada saya, yang tak balik malam ke, yang tak sembahyang ke, tak ada. *Alhamdulillah* dengan sokongan isteri dan sebagainya *Alhamdulillah* nampaknya segala-galanya sehingga ini nampaknya berjalan sebagaimana yang dirancangkan

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker,

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tetapi kekecewaan, apa dia kekecewaan. Kekecewaan ialah kalau kita hendakkan sesuatu tetapi tidak dapat. Saya sebenarnya masa kecil-kecil saya bercita-cita nak jadi posmen itu sahaja saya cita-cita. Fasal seronoknya saya tengok pakaian posmen, seronoknya saya tengok basikal posmen, seronoknya saya tengok motosikal posmen, saya nak jadi posmen, tetapi saya tak jadi posmen.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta lalu

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Jadi sebab itu, perkataan kecewa tu Bangi, saya rasa tidak timbul sama sekali, kot-kot Bangi di akhir-akhir ini ada elemen kecewa pada Bangi, minta maaf.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Gombak Setia. Saya nak bertanyakan Gombak Setia, adakah Yang Berhormat nampak hari ini dalam Dewan ini sendiri, walau pun ramai daripada ahli-ahli PAS yang berada di sini tahu sebab utama kenapa Yang Berhormat berpindah keluar daripada parti PAS atau dipecat dan beralih di sini tetapi mereka ini mempunyai satu sindrom dianinya di mana mereka ini masih menafikan dan masih sepatutnya perjuangkan apa yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat daripada Gombak Setia tetapi mereka ini duduk dalam Dewan kononnya perjuangkan Islam tetapi langsung tak perjuangkan Islam tetapi hanya bersandiwarah sahaja di Dewan ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya masuk PAS 15 tahun yang lalu. Ada 3 perkara yang mendorong saya masuk PAS. Tuan, Puan Timbalan Speaker, perkara ini ada kaitannya dengan perbincangan perbahasan kita hari ini. Pertama saya masuk PAS kerana tarikan untuk bersama-sama menegakkan negara Islam dan melaksanakan Hudud. Saya balik daripada overseas belajar di sana tujuh tahun setengah jadi saya nakkan satu suasana, satu *circular educated*, jadi *circular educated* tak hendak yang hidup dalam suasana hidup *circular*, anak saya *circular*, saya tak nak, saya hendak *framework* kehidupan yang diteraskan oleh satu pembentukan satu masyarakat yang namanya negara Islam. Dan sayalah bagi nak tahu, bila sebuah negara Islam ini *we do not, we do not denied opportunities* kepada orang yang bukan Islam. Kita tidak *denied* kekuatan-kekuatan yang ada pada bukan Islam untuk menonjolkan diri menjadi mereka manusia maju dalam sebuah negara yang mengangkat martabat Islam. Esok Islam pula mentang saya kata kita adil, kita adil kepada semua tetapi yang menyebabkan tidak adil kerana manusiawinya kita ini, fikir kita fikir *assobiah* kita yang menyebabkan kita tidak adil, tetapi Islam menuntut tidak adil, haram hukumnya. Ha... kan membantu keluarga saudara sendiri, mengetepikan orang fakir miskin haram hukumnya, memperkayakan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, nak mencelah sedikit

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Sila.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya dah dengar hampir setengah jam apa yang dilontarkan oleh Yang Berhormat Gombak Setia. Saya nampak cukup hebat, kononnya dengan Islam, dengan perjuangan Islamnya, dengan prinsipnya seorang yang berprinsip, tak melakukan apa, seolah-olah dalam Dewan ini, orang Islam yang paling, paling-paling seluruhnya yang paling maksum adalah Gombak Setia, tak ada lain paling *maksum* orang yang tidak berdosa langsung dan berprinsip. Kalau orang itu berprinsip, berprinsip kononnya, kalau orang itu berprinsip, bermaruah, hari ini orang tu dah tak adalah, orang yang dah dipecat dalam parti, kerusi tu dah tak ada jawatan, jawatan tu adakah Gombak sanggup lepaskan jawatan untuk kerusi Gombak Setia, he... he... Bangi satu, betul tak?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya faham, saya faham. Terutama sekali saya tak pernah kata saya ni yang terbaik, tak pernah. Selama saya berucap setengah jam *was there any word any sentence any friars which I said I am the best among all*, tak ada, minta maaf saya sebutkan ni, tak ada, memang tak ada. Saya sedari itu tanggapan *you*, tanggapan yang melencong, tanggapan yang *segmented*, tanggapan yang *psychologically* ada *problem* manusia macam *you*.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat Gombak Setia, jam di Dewan sudah menunjukkan pukul 1.00 tengah hari, jadi saya mohon supaya disambungkan selepas petang ini.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Okay, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan 1.00 tengah hari, dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan jam 1.00 tengah hari)**

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dewan disambung semula. Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Sebelum kita berehat sebentar tadi, soalan yang ditanyakan kepada saya kenapa saya dipecat daripada PAS?

Saya nak bagi tahu teman-teman bahawa topik ini sebenarnya berkaitan sangat dengan apa yang kita bincangkan dalam sidang ini. Sebab yang pertama saya bekas EXCO dan yang kedua saya juga dulu bekas ahli kepada parti yang bersama-sama dengan Pakatan Rakyat, dan yang ketiga masih merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga masih cuba berbakti kepada rakyat.

Saya dah menyebutkan tadi tentang yang tertarik untuk saya masuk PAS 15 tahun yang lalu ialah kerana perlembagaan PAS mengatakan PAS akan menegakkan negara Islam atas dasar menggunakan Al-Quran, *sunnah*, *ijma'* dan *qias*. Jadi, sebagai orang yang terlatih agak lama di luar negara saya memerlukan bimbingan, memerlukan kaunseling, memerlukan pedoman dan saya jumpa sebuah parti namanya PAS. Yang kedua yang saya ingat, zaman Almarhum Dato' Fadhil Nor. Dato' Fadhil Nor telah meminta Y. Bhg. Profesor Dato' Harun Din untuk menulis satu buku kecil yang dipanggil sebagai negara Islam, yang saya terlibat secara sepantas lalu menyemak draf untuk melihat *spellingnya*, gaya bahasa dan sebagainya. Dan lahirlah buku panduan yang namanya Negara Islam. Dalam buku panduan dan juga pelan buku panduan itu adalah cerna daripada Perlembagaan PAS. Maka sebab itu, saya rasa bersungguh-sungguh sangat untuk memberikan akhir-akhir nyawa saya ini untuk berjuang dalam sebuah parti yang memikul tanggungjawab membawa Islam ke mercunya.

Kemudian, tentang Melayu. Saya tertarik juga dengan Islam dengan pimpinan ulama. Nombor 2 ulama pimpinan ulama. Untuk pengetahuan saudara-saudara, teman-teman saya, sahabat-sahabat dalam dewan ini, PAS adalah parti yang slogan sub-slogannya dinamakan sebagai Kepimpinan Ulama. Jadi, maknanya kepimpinan tingginya adalah ulama, presidennya kalau ikut dalam buku kecil itu harus daripada kalangan ulama, timbalan presidennya harus daripada kalangan ulama dan kalau boleh salah seorang atau semuanya sekali pun presidennya pun daripada kalangan ulama. Yang ini pun menarik.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Gombak Setia. Y.B. Gombak Setia, saya mohon kita berbalik kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Okey. Saya akan balik ke situ, tapi pasal soalan ini kita kena jawab soalan dan kecuali Speaker mengatakan soalan itu tak relevan, maka saya tak jawablah. Tapi saya dah bagikan *preamble* tadi kenapa apa

yang saya sebutkan ini adalah relevan dan ada kaitan langsung dengan titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan sebab saya akan sebut selepas ini ialah Islam. Sultan itu adalah tunggak kepada Islam. Melayu, sultan adalah tunggak kepada Melayu. Dan ulama pun sebahagiannya adalah merupakan fungsi *functionary* kepada Islam yang juga menjadi di bawah payung Ke Bawah Duli Tuanku.

Jadi, kemudiannya tentang institusi tentang ulama saya nak mengatakan dulu 70% daripada kepimpinan PAS adalah ulama dulu terutamanya pimpinan pusat. Sekarang ini dah tinggal 30% sahaja. 70% dulu ulama, sekarang ni dah tinggal 30% saja. Jadi, ini pun menyebabkan salah satu daripada perkara saya nampak perlunya seseorang dalam PAS itu membangkitkan perkara ini dan untuk bukan saja pengetahuan pimpinan PAS tetapi juga pengetahuan kepada masyarakat di Malaysia ini.

Dan akhirnya tentang moral pemimpin-pemimpinnya yang menarik hati saya ialah yang dipancarkan melalui Tuan Haji Yusof Rawa Sheikh Yusof Rawa ketika itu, Dato' Fadhil Nor ketika itu dan juga presiden yang ada sekarang Ustaz Abdul Hadi Awang dan teman-teman yang lain yang telah menggambarkan satu bentuk moral yang baik yang patut saya menjadikan contoh suri teladan kepada moral itu.

Jadi, ini adalah merupakan faktor-faktor yang menyebabkan saya berjuang dalam PAS. Tetapi ini saya punya *point* ini, tetapi bila dah lama-kelamaan terutamanya dalam 5 tahun yang terakhir ini saya dapati perkara-perkara ini sudah terhakis. Dan sebahagian daripadanya sudah terhakis agak begitu serius misalnya daripada negara Islam sudah negara-negara berkebajikan iaitu menjadi sebab kenapa saya di *terminate* ataupun diberhentikan menjadi ahli parti. Sebab saya komen saya katakan negara berkebajikan itu tak sama dengan negara Islam. Bahkan dalam buku, negara Islam itu negara berkebajikan itu adalah *subset* kepada negara Islam. Jadi saya komen tentang itu. Jadi, nampaknya pimpinan PAS tak menerima dengan komen macam itu dan komen-komen yang lain, maka saya mendapat satu hadiah daripada mereka. Hadiah yang paling berharga untuk mereka agaknya. Saya tak tahu harga yang saya nak bagi pada diri saya, saya dipecat daripada parti.

Tapi saya nak menyebutkan, saya dipecat daripada parti bukan atas nama moral. Saya dipecat daripada parti bukan kerana akidah. Saya dipecat oleh parti bukan kerana syariah. Saya dipecat oleh parti bukan kerana akhlak. Tetapi saya dipecat oleh parti kerana cuba membangkitkan dalam *constraint* yang ada, dalam kemampuan yang ada, dalam kebolehan yang ada tentang beberapa kegagalan-kegagalan, kehakisan-kehakisan, kepupusan-kepupusan yang saya minta PAS kena balik kepada tempat asalnya. Inilah permintaan rakyat sebenarnya. Rakyat sampaikan kepada saya, penyokong PAS menyampaikan kepada saya, pimpinan-pimpinan PAS di peringkat kawasan, di peringkat negeri dan sebagainya menyampaikan kepada saya dan saya mengambil tanggungjawab itu dan melontarkan perkara itu akhirnya *the axe went to me* kapak itu yang mencantas saya, yang menggugurkan saya daripada menjadi ahli memilih saya untuk digugurkan keahlian saya.

Tapi apa yang saya nak sebut tentang isu yang saya dipecat ini sebenarnya, dia punya hujungnya ialah bila saya beri komen tentang Perhimpunan 9-01. 9-01 ialah perhimpunan menghimpunkan pemuda-pemuda dan rakyat Malaysia terutamanya mahasiswa-mahasiswa untuk berhimpun di mahkamah bagi mendengar keputusan yang akan diberikan oleh hakim mengenai kes yang melibatkan kepimpinan kepada PKR. Jadi, bagi saya kes ini ialah kes individu kes ini ialah kes *private*, jadi tidak perlulah melibatkan masyarakat, melibatkan orang muda dan melibatkan mahasiswa. Saya telah membuat satu *check* kepada universiti-universiti yang ada di sekitar Kuala Lumpur. Hampir semua universiti, 7 yang saya *check* semua universiti itu pelajar-pelajarnya berada dalam minggu peperiksaan. Ada yang sedang duduk peperiksaan, yang ada hari Isnin itu pun ada kertas-kertas peperiksaan yang mereka patut duduki. Saya bagi tahu kepada pelajar-pelajar itu yang mana kita nak pilih sekarang ini. Kita nak *excel* dalam pendidikan, kita nak *excel* dalam pelajaran, kita nak *excel* dalam peperiksaan, mencatat keputusan yang baik dan saya nak galakkan mereka, saya sebut kepada mereka kita kena isi Harvard, kita kena isi Yeil, kita kena isi Pedingston, kita kena isi Oxford, kita kena isi Cambridge, universiti yang terbaik di negeri China, universiti terbaik di Jepun, universiti yang terbaik di Singapura, di mana-mana pun, tetapi kalau misalnya pelajar-pelajar ini dilibatkan dengan 9-01, saya rasa harapan itu mak bapak itu berkecaci, harapan pelajar itu pun akan berkecaci sebahagianya kerana *divert* untuk mendengar satu keputusan mahkamah.

Jadi bila itu berlaku, berikutnya (besoknya) keluar satu kenyataan daripada pimpinan PKR yang mengatakan “ambil tindakan segera, minta PAS ambil tindakan segera”, tindakan yang drastik terhadap saya kerana mengeluarkan kenyataan yang berikut. Dan dua hari selepas itu, PAS mengadakan perjumpaan / mesyuarat dan memecat saya.

Saya nak sebutkan di sini saya nak sentuh sikit saja di sini lagi setengah minit agaknya, saya dipecat tanpa ada pertuduhan. Sehingga hari ini pun, tak ada sebaris pertuduhan terhadap kesalahan yang saya lakukan. Apa-apa pun tindakan disiplin sebagai bekas kepada ketua jabatan beberapa jabatan, saya tahu macam mana tindakan disiplin patut diambil. Ada pertuduhan-pertuduhan yang mereka kena menjawab dan saya yang nombor dua tidak diberi ruang walau satu minit pun untuk *appear* untuk kita berjumpa untuk diberikan kebebasan kepada saya untuk membela diri. Tak ada. Tidak ada satu ruang pun diberi kepada saya untuk membela diri terhadap kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh saya, terhadap pertuduhan-pertuduhan yang telah dikemukakan kepada saya. Ini saya rasa satu tindakan yang paling zalim dan saya bagi tahu kepada rakyat Malaysia dalam *road show* saya inilah tindakan yang paling zalim yang pernah dilakukan oleh sebuah parti yang namanya Parti Islam Se-Malaysia.

Jadi, saya mengharapkan apa yang berlaku ini biarlah berlaku pada diri saya sahaja, tidak berlaku kepada teman-teman lain. Tapi ada juga berlaku kepada teman-teman lain. Teman-teman lain itu lebih hebat lagi. Lebih hebat lagi. Kutuk itu, kutuk ini dalam PAS tapi mereka tidak dapat satu celaan pun daripada parti apalagi untuk dipecat daripada parti. Maknanya ada *double standard* orang ini kena pecat, orang ini tidak dipecat.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Timbalan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Peraturan-peraturan Tetap 36(1) – seseorang ahli hendaklah mengehadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Sebab / nampak apa yang di bawa oleh Y.B. Gombak Setia lebih kepada *personal* ataupun urusan parti, tidak berkaitan dengan apa yang titah ucapan Tuanku.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Okey, Terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya harap Gombak Setia ambil maklum.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Saya dah kata ini yang hujung. Ini yang hujung. Dan saya terpaksa menjawab. Bukan saja teman yang menanya tadi untuk menahu-tahukan jawapan. 5 juta rakyat Selangor ini nak tahukan jawapan dan 28 juta rakyat Malaysia pun nak tahukan jawapan. Sebab itu *okey*.

Yang berikutnya saya tadi menyebutkan tentang perjuangan kita. Perjuangan kita, perjuangan PAS dan perjuangan teman-teman yang faham yang yakin kepada perjuangan untuk menegakkan Islam. Tapi saya hairan ya betul-betul hairan macam mana PAS boleh terus bersekongkol dengan teman-teman? Terutamanya dengan DAP yang jelas-jelas menolak negara Islam?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Yang jelas-jelas menolak.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Okay, sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Terima kasih Gombak Setia. Saya ingin bertanya. Apakah pandangan pula Yang Berhormat terhadap UMNO? Apa pandangan Yang Berhormat terhadap UMNO?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Kita tak boleh apa pandangan UMNO macam itu saja. Apa pandangan UMNO satu soalan yang satu dunia ni boleh jawab berbagai-bagaian ya. Tapi apa aspek yang UMNO ini? Tetapi saya nak menyebutkan yang memecat saya bukan UMNO. PAS. Yang memecat saya ialah komponen daripada Pakatan Rakyat, dalamnya ada PAS.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan saya, apakah?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Dan UMNO tidak timbul dalam soal ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ya, ya. Tak apa, tak apa. Saya saja nak tanya, apakah pandangan Yang Berhormat terhadap perjuangan Islam dan Melayu oleh UMNO? Apakah pandangan?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Kalau setakat perjuangan yang bersandarkan kepada Al-Quran, *sunnah*, *ijma'* dan *qias*, saya tetap bersama-sama dengan siapa sahaja. Bukan UMNO saja. Apa parti pun yang melaksanakan Quran, *sunnah*, *ijma'* dan *qias*, tak ada masalah bagi saya. Tetapi kalau misalnya mereka tidak mengikut fakta-fakta atau prinsip-prinsip itu, bukan saya saja yang menolaknya. Agaknya orang yang faham tentang perjalanan Islam pun akan menolaknya. Jadi?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat. Jadi pada pandangan Yang Berhormat, adakah UMNO mengikut prinsip-prinsip yang Yang Berhormat nyatakan tadi itu?

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Itu, itu kena.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Yang Berhormat, saya mohon mencelah. Kita nak cerita pasal DAP ya. Dia bercerita pasal pakatan komponen Pakatan Rakyat, bukan komponen BN.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Y.B. Batang Kali, saya tanya Gombak Setia. Bukan tanya Batang Kali. Batang Kali tak payah lagi cerita bagi Gombak Setia.

**Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:** Komponen Pakatan Rakyat, UMNO tak.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tanya Gombak Setia. Saya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduk, duduk. Tak boleh dengar semua nak bercakap. Gombak Setia, saya minta teruskan perbahasan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** *Alright, okay.* Tetapi saya tidak pernah mendengar dalam UMNO ada kenyataan seperti ini. Saya kot. *DAP Secretary General in Penang, Chief Minister, Lim Guan Eng have said his central executive committee would resign and block if hudud will included in PR's common policy prime work or is Buku Jingga economy agenda.* Jadi, saya ingat ini satu benda yang apa. Nik Aziz kata Dato' Nik Aziz kata apa *okay*. Keluar, keluarlah! Dia pernah cakap begitu. Tapi apa yang terjadi sekarang ini tak disambut oleh orang-orang dalam PAS terutama yang saya namakan parasit-parasit dalam PAS ini. Inilah masalah besar yang sedang timbul dan melanda parti PAS. Jadi apa yang hendak saya sebutkan Puan Timbalan Speaker ya, hal mengenai Islam ini kita kena, kena sila.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Gombak Setia, saya bukan Orang Melayu, tapi saya selalu dengar ucapan itu parasit-parasit, apa sebenar parasit saya tak fahamlah. Boleh tolong bagi sedikit penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Kita gunakan perkataan parasit ini untuk refer, rujuk kepada beberapa individu dan kumpulan individu dalam parti. Antara sifat mereka ialah mereka bertanggungjawab menggugurkan perkataan Islam dalam Negara Islam, mengantikannya dengan negara berkebajikan, itu satu. Ini satu defector. Ini satu peralihan yang sangat besar kepada siapa yang faham tentang perjuangan PAS. 15 tahun saya dalam PAS dan teman-teman mungkin ada lama lagi dalam PAS ini merupakan satu isu yang paling *tiny, very tiny issue* dengan izin. Sila-sila.

**Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN:** Pertanyaan. Saya nak tanya Gombak Setia, sebenarnya perkataan negara berkebajikan itu adalah diputuskan dalam muktamar pusat dan dalam muktamar itu semuanya seorang pun tidak ada yang menentang, malah Datuk Nik Aziz surah meluluskan ni apa nama ni negara kebajikan itu, ini bukan mana-mana parasit itu adalah satu pengumuman yang disetujui oleh semua pihak tidak ada pihak yang membangkang.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Ok saya setuju dengan pendapat Meru itu memang diputuskan oleh muktamar. Muktamar memutuskan polisi pelaksanaan polisi bagaimana nak menjalankan Negara Islam atau negara berkebajikan itu adalah terserah kepada *functionary-functionary* parti yang itu tidak *spell out* dalam muktamar. Muktamar polisi. Polisi umum muktamar Polisi Umum tetapi saya nak menyebutkan bila misalnya salah seorang daripada parasit ini dalam PAS mengatakan bahawa PAS bersedia menerima ke jawatan Timbalan Presiden orang yang bukan Islam, macam mana. Adakah itu bersesuaian dengan muktamar? Adakah itu misalnya Meru akan bersama-sama beraikan pendapat yang sedemikian? Bayangkan seorang Timbalan Presiden Parti Islam sudah diketahui DAP Ketahui, MCA ketahui MIC mengetahui seluruhnya mengetahui bahawa Parti Islam semestinya pimpinan tinggi untuk Pimpinan Ulama pun *spell out* Presiden dari kalangan ulama, Timbalan Presiden daripada kalangan ulama macam mana Timbalan Presiden kalangan ulama digantikan dengan orang yang bukan Islam. Orang yang aqidahnya tidak bersama dengan Islam. Syariatnya tidak bersama dengan Islam, akhlaknya *wallahhuaklam*. Sama ada selari atau tidak selari dengan Islam. Orang yang tak faham dengan Quran. Orang yang tak faham hadis. Orang yang cita-cita tentang keimanan dalam konteks kita cinta saya tak tahu tentang keimanan itu pun diletakkan dalam kumpulan seumpama ini.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Puan Timbalan Speaker. Minta mencelah sedikit. Y.B. Gombak Setia, saya dah dengar tentang Islam dan sebagainya Sekinchan ingin nak tahu satu, pernah menjadi jawatan sebagai EXCO Agama, tiga tahun lebih apa peranan Y.B. sebagai EXCO Agama adakah Y.B. memanggil mesyuarat-mesyuarat perjumpaan dengan badan-badan bukan Islam untuk menerangkan apa itu Islam dan

sebagainya, beritahu berapa kali ada buat pertemuan-pertemuan dengan Islam orang bukan Islam.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Dalam JAIS ada bahagian besar namanya Bahagian Dakwah, Dalam JAIS ada bahagian besar namanya Bahagian Pendidikan. Dalam JAIS ada bahagian besar namanya ialah Bahagian Keluarga. Okay. Seluruh bahagian-bahagian ini ada program-program khusus sama ada untuk orang Islam, orang kita maksudnya Orang Asli termasuklah orang-orang bukan Islam, Orang Cina dan Orang India. Okay, apa yang berlaku sekarang ini ialah sehingga ini kita belum lagi mempunyai bilangan pendakwah-pendakwah yang cukup kalau misalnya mereka berbahasa Inggeris kita tidak mempunyai orang yang cukup untuk orang yang boleh berbahasa Inggeris untuk menyampaikan Islam kepada kumpulan yang sedemikian. Nombor dua, kita belum ada bilangan yang cukup yang terlatih berilmu, terlatih berketerampilan untuk kita mendedahkan Islam membawa Islam ke keribaan teman-teman daripada yang bukan Islam sama ada orang Asli sama ada orang Cina sama ada orang India. Sebab itu kita lihat bahawa pendakwahan masih balik masih pergi ke takuk lama masjid ke masjid, surau ke surau. Masjid ke masjid, surau ke surau. Pada waktu yang sama, wacana-wacana diadakan saya ingat semasa saya di JAIS, setiap dua bulan, setiap dua bulan setengah begitu, saya merasmikan wacana-wacana yang seperti itu. Wacana yang melibatkan orang Islam, Wacana yang melibatkan orang bukan Islam, wacana yang melibatkan Orang Asli tetapi saya mengatakan ruang masih banyak, ruang masih besar, ruang masih tersebar luas untuk kita memperbaikinya. Dan saya harap dengan Menteri Besar, dengan Ijok yang mengepalai sekarang ini portfolio itu saya rasa ruang itu kemungkinannya dapat diperluaskan dapat diperbesarkan lagi. Apa pun saya cuba sedaya upaya setakat yang saya mampu 3 tahun 11 bulan untuk melakukan apa yang perlu dilakukan. *Alhamdulillah* kalau kita tengok masjid macam mana ya, masjid dan surau berkimarahan terutama dalam bulan Ramadhan dan sebagainya. Satu Malaysia mengatakan menunjukkan di Selangor ini adalah negeri yang paling makmur tentang kimarahan masjid dan surau dan sebagainya. Pernah kita mengadakan di Kompleks Belia, pagi-pagi pukul 3.30 pagi 7,000 orang yang tahun lepas kita mengadakan di Masjid Negeri sekitar dalam 15,000 orang pukul 3.30 pagi untuk mengimarahkan pagi-pagi di musim Ramadhan tersebut. Jadi inilah ditambah dengan pendidikan daripada Selat Klang telah mempunyai program-program yang begitu banyak walaupun program itu tidak mengambil nama JAIS, tetapi *contentnya* adalah berkaitan. langsung dengan apa yang dijalankan oleh JAIS. Jadi ini adalah merupakan program-program dan untuk menafikan program-program itu wujud saya rasa hanya kita takda telingalah takda mata untuk memerhatikan program-program itu wujud. Tapi apa yang saya hendak sebutkan, saya mengharapkan dalam bila saya memberikan jawapan tadi tentang IMR dan sebagainya bahawa tentang pembangunan ada 5 unsur saya mengatakan tadi rancangan pembangunannya perlu perlaksanaan pembangunannya perlu penerima nikmat pembangunan itu adalah perlu, kepimpinan dan pengikutan dalam pembangunan itu sangatlah perlu. Yang ini Puan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh sikit tentang soal kepimpinan ini. Semalam dua hari yang lepas satu *press conference* dibuat oleh seorang insan yang bercerita tentang dia mencabar, bawa saya ke Mahkamah dia kata, kalau orang nak menafikan tuduhan yang dibuat tentang by

*sexual* yang melibatkan seorang pemimpin dan melibatkan juga isteri-isteri pun terlibat, saya tak tahu isteri mana yang terlibat, dan ini sebenarnya satu perkara yang sudah lama sebenarnya berlegar dalam kepala kita oleh kerana individu itu merupakan kepimpinan yang tertinggi sudah tentulah tiap-tiap orang daripada rakyat Malaysia ini yang sedar perkara ini ada satu soalan yang besar dalam kepala masing-masing siapa yang terlibat, mengapa terlibat, bagaimana terlibat, dengan siapa terlibat dan sebagainya. Yang inilah yang saya rasa dalam persidangan media yang diadakan dua hari lepas dengan mencabar bawa saya ke Mahkamah. Saya tak tahu selepas itu bagaimana ceritanya tetapi apa pun bagi saya secara peribadi kawan saya juga sebenarnya orang yang terlibat kawan saya di Universiti satu pengajian dan sebagainya satu umur dengan saya dan sebagainya. Tetapi atas nama moral, ada perbezaan mungkin antara beliau dengan saya sebab itulah kita memerlukan juga satu orang yang datang tampil ke depan kat situ memberitahu *by sexuality by* yang berlaku kepada individu-individu yang telah dinamakan

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Puan Timbalan Speaker, Peraturan Tetap 36(i) iaitu kita hanya berbincang berkaitan dengan 36(i) seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja yang tidak boleh keluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu. Kita telah dengar panjang lebar dan hanya kita dengar banyak hal peribadi. Hal peribadi bincang di tempat lain dan di Dewan yang Mulia ini seharusnya bincang bagaimana kita majukan ni negeri kita atas titah ucapan dan kita harap dapat kita kembali ke ni ucapan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Gombak Setia. Saya dah beri peluang untuk bercakap, banyak perkara yang tidak menyentuh jadi saya harap Gombak Setia balik ke pangkal jalan ya.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya tidak faham apa yang tidak menyentuh. Individu yang dinamakan itu juga menjadi Penasihat Ekonomi Negeri Selangor di mana yang tidak berkaitan. Saya bercerita dalam konteks lima perkara untuk kita membawa pembangunan negeri Selangor ini salah satu daripada perkara itu adalah kepimpinan dan pengikutan itu dalam konteks itu.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya ingin baca Peraturan 36(vi) seorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli yang lain. Saya ingin mengingatkan.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Di mana sangkaan jahatnya yang saya tak tambah apa pun dari apa yang terkeluar dalam akhbar. Akhbar dibaca oleh 28 juta manusia di mana sangka jahatnya. Saya tak faham, betul-betul tak faham minta maaflah.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Mungkin saya boleh tolong, peraturan mesyuarat 36(ix) dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat sesiapa ahli Parlimen atau Dewan Negeri atau sesiapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan dalam menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau sebagai Ahli Dewan Negeri

atau Pegawai Kerajaan Y.B. menyebut tentang Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor. Jadi apa yang dibincangkan di sini apa adakah kelakuan atau sifat beliau itu yang menyebabkan kerajaan negeri Selangor mengalami kerugian ataupun penyelewengan dianya tidak ada kena mengena dengan jawatannya sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri Selangor, jadi kita tiak boleh bincang perkara ini di bawah peraturan mesyuarat ini.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Tuan Speaker minta laluan. Saya nak minta pada Y.B. Gombak Setia inilah kita semua nampak bila kena batang hidung sendiri mulalah melenting, tapi yang kita tahu tiga, empat tahun kebelakangan ini duk bantai Perdana Menteri, isteri Perdana Menteri, masa tu Puan Speaker tak ada lah mengatakan peraturan mesyuarat dan sebagainya dan yang Kampung Tunku pun tak ada lah sebut duk cakap sewenang-wenangnya duk bantai kiri kanan tak apa tapi bila kena batang hidung sendiri aaa inilah *double standard* Y.B.-Y.B. ditunjukkan oleh pihak kerajaan negeri Selangor.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Templer, telah membuat tuduhan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Bukan tuduhan, tadi saya hanya sebagai Ahli Dewan, *exercise kuasa* saya Y.B.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Boleh semak handsard kalau sekiranya saya tidak berlaku adil jangan buat tuduhan.

**Y.B. DATO' SUBAHAN BIN KAMAL:** *Insya-Allah*, ini pandangan saya

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya belum habis bercakap lagi. Saya tak pernah mempergerusikan Dewan ini yang dibangkitkan isu tentang isteri Perdana Menteri, buktikan dengan membuat dakwaan tanpa bukti. Tarik balik kenyataan tersebut sehingga boleh dikemukakan bukti tersebut. Tarik balik kenyataan. Teruskan Gombak Setia.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Terima kasih. Saya sangat tidak bersetuju kalau dinyatakan bila saya sebutkan fakta itu dan saya tidak menyebut nama pun hanya saya menyebutkan sebuah sidang akhbar telah diadakan dan saya memetik matan-matan kepada sidang akhbar itu. Itu sahaja. Dan matan-matan itu ada kaitan langsung dengan kita dengan negeri Selangor ini lagipun saya letakkan dalam konteks kepimpinan itu yang saya letakkan konteks kepimpinan pembangunan negeri Selangor ini. Apa pun yang disebut oleh Kampung Tunku itu yang tidak ada kaitannya dia ekonomi tidak ada kaitan dengan moral dan sebagainya. Saya ingat ini satu pandangan yang *very archaic* minta maaflah dengan izin *very archaic* kita katakana pembangunan sepada. Apa yang sepada ni pembangunan secara integriti apa yang *integrated* ijok dalam 2 kali pembentangan bajet di hujungnya nak lahirkan Selangor *baldatul taiyibatul warabur ghaffur*. Apa ertinya adakah *baltul taiyibatul warabutr ghaffur* jalan raya sahaja, pelabuhan sahaja, industri sahaja, saya tak izinkan, kalau

saya tak izinkan. Speaker tak tegur, jangan tegurlah Kampung Tunku saya tak izinkan, Saya punya *floor*, sorry saya tak izinkan. Nantilah lepas pilihan raya jadi speaker.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya minta penjelasan sahaja.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Tak ada, tak ada no, no, cukup-cukup, saya pun dan *running out of time*. Saya pun tak nak ambil *time* orang lain.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Cukup kerana takut ke.

**Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI:** Saya, saya itulah namanya *intergrated development* yang kita hendak pendekatan yang sepadu. Menteri Besar pun selalu sebut sebenarnya pendekatan yang sepadu. Apa sepadunya? Fizikal, intelektual, emosional, spiritual. Tanya Selat Kelang. Tanya Selat Kelang apa dia. Tapi kalau misalnya kalau dikatakan orang itu misalnya hanya jaga ekonomi sahaja , *forget about his morale character* tak boleh, saya tak setuju sama sekali. Bukan itu jenis orangnya yang patut kita ada. Bukan itu sepatutnya yang mengepalai kita untuk memberikan input-input kepada pembangunan pada negeri Selangor yang akan datang ini. Cabaran pembangunan yang akan datang ini untuk dua puluh tahun, tiga puluh tahun yang akan datang bukan cabaran fizikal semata-mata, tapi cabaran moral, cabaran akhlak, cabaran kemanusiaan, itulah cabarannya dan kita memerlukan orang yang mampu memberikan kepimpinan yang sedemikian. Dan saya nampak orang ini tak mampu nak memberikan kepimpinan yang sedemikian. Itu yang saya bincangkan. Tak ada, tak ada, bukan saya nak *zero down* kepada siapa-siapa. Tak ada tak ada. Bukan saya nak *pin point* orang-orang . Tak ada, tak ada *no finger point*. Tak ada. Okay.

Yang berikutnya sikit saja lagi Yang Berhormat Timbalan Puan Speaker ya. Dalam hal tentang perbelanjaan dan sebagainya saya dapati, saya nak pergi kepada integriti sikitlah ya. Dulu ada cadangan tak salah saya, dari Hulu Kelang pun ada cadangkan, tak salah saya kena ada limit beberapa orang ahli lembaga pengarah yang duduk dalam anak-anak syarikat supaya ada limit kepada elauan yang diberikan kepada mereka. Saya nak bagi contoh ya, satu orang ya, satu orang, ini baru tiga yang kita dapat ni. Satu orang duduk dalam tiga, tiga anak syarikat dalam satu tahun *claim* dibuat pada 23 Disember, tiga-tiga 23 Disember kepada anak syarikat yang berbeza. Anak syarikat pertama ialah Kumpulan Darul Ehsan Berhad ke Shanghai percutian ke Shanghai dengan belanja RM43,550 satu orang. Pada 23 hari bulan juga pada hari yang sama buat tuntutan kepada Pengurus Besar Selaman Sdn. Bhd. Ke mana dia pergi. Chiangmai berapa? RM40,450. Yang ketiga kepada Setiausaha Syarikat Central Spectrum. Ke mana dia pergi? ke Perth, Australia. Berapa belanjanya, RM47,850. Saya nak sebutkan, saya baca ni tak sedaplah hati saya. Bukan saya iri hati, bukan, saya hendak memikirkan tentang rakyat-rakyat di desa, di kota. Walaupun kita dah berikan orang yang bekerja dengan anak syarikat dan sebagainya *minimum ways*, tapi nun di sana di sungai Kajang, di sana nun di sana di Bagan Tengkorak, nun di Sawah Sempadan di sana, nun di kampung Abdullah Hukum. Kampung Abdullah Hukum tak masuk dalam kita. Orang-orang ini hidup sebahagiannya dalam keadaan kita hebat sekarang ini, masih lagi saya namakan kais pagi, makan pagi, kais petang

makan petang. *Here you are.* Ada orang dalam tahun yang sama ke Perth. Ada orang dalam tahun yang sama ke Chiangmai, ada orang pada tahun yang sama ke Shanghai. Ini baru tiga anak syarikat. Saya tak tahu berapa anak syarikat dia duduk. Ini perkara ini Yang Amat Berhormat saya minta tolong, tolong sangatlah, kalau tak salah saya Hulu Kelang pernah menimbulkan dan beri satu cadangan. Kena ada *limit*. Maknanya seorang Ahli EXCO sama ada Ahli EXCO atau Ahli EXCO yang mempunyai jawatan kerajaan duduk dalam situ, Ex-Officio boleh menduduki anak-anak syarikat seberapa banyak. Tapi elaaunnya hanya dua sahaja. Misalnya dengan satu *content* yang ditetapkan. Tapi kalau 48, 47 ribu, kalau 40 ribu, kalau 43 ribu tak masuk lagi percutian sebagai anggota EXCO yang dibenarkan oleh kerajaan negeri, termasuk lagi lawatan-lawatan yang biasa dibenarkan bila dia nak buat kerja kat dalam negeri ni. Saya pun tak faham ya, jadi soal itu saya merasakan, sebelum saya mengakhirkan ucapan saya ini, kena tengoklah, Yang Amat Berhormat kena tengok, saya yakin kepada Yang Amat Berhormat dan saya dengan Yang Amat Berhormat untuk pengetahuan saudara-saudara tak ada masalah, tak ada masalah dengan Yang Amat Berhormat dan saya yakin kebolehan dan kemampuan untuk kita membersihkan perkara-perkara yang sedemikian. Dan akhirnya Puan Timbalan Speaker ya, bukan itu saja saya ingat yang ini kita kena teropong semua sekali anak-anak syarikat termasuk badan-badan berkanun supaya ada satu *regularity*, supaya ada satu koordinasi dari segi faktur yang difikirkan dari segi *content* yang diberikan, dari segi peraturan-peraturan kita untuk menganugerahkan sesuatu kepada mereka-mereka yang bekerja. Saya faham mereka bekerja keras, memang saya faham, tapi kena fikir samalah, kena fikir samalah dengan orang yang tidak bernasib baik yang bilangannya besar di dalam Negeri Selangor yang tercinta ini. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan, menjunjung kasih saya ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat yang pernah memberikan kepimpinan kepada saya semasa saya menjadi Ahli EXCO dan *alhamdulillah* saya rasa saya telah menjalankan tugas dengan sepatutnya, dengan semampunya walaupun ada kelonggaran, kelemahan-kelemahan di sana sini, tetapi kita bersama-sama lah memikul tanggungjawab itu. Apa pun kepada seluruh Ahli Dewan kita ucapkan terima kasih, mungkin ini adalah perhimpunan yang terakhir sebelum pilihan raya, kita harap dapat berjumpa lagi. Sekinchan mungkin kita dapat berjumpa lagi tapi kemenangan setakat 200 undi itu susah nak dipertahankan untuk berjumpa lagi. Sekian, terima kasih.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Alam Shah

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya lihat Gombak Setia berucap panjang lebar, tapi saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Gombak Setia selama tiga tahun sebagai EXCO tidak pernah, tidak pernah sekali pun melawat Kota Alam Shah. Tidak pernah, saya tidak tahu sama ada beliau tahu di mana Kota Alam Shah. Sebagai EXCO, pembangunan dan infrastruktur tidak membuat apa-apa pun. Tidak turun padang. Saya tidak tahu sama ada beliau ada melawat masjid-masjid dan surau-surau yang ada di Kota Alam Shah. Satu yang memalukan. Tapi berucap panjang. Semasa beliau menjadi EXCO, banyak soalan saya tanya, cukup bergaya masa menjawab. Tapi tidak jawab soalan yang saya tanya. Bukan saja tidak menjawab, tidak membuat kerja yang sepatutnya

beliau melakukan semasa beliau menjadi EXCO. Sekarang saya cukup kesian kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Ahli-ahli EXCO kerana telah bertahan dengan duri dalam daging ini selama tiga tahun. Baru terlepas. Walau bagaimana pun saya tidak mahu berucap panjang lebar tentang Gombak Setia, tapi saya ingin menyambung ucapan saya untuk memberikan ucapan terima kasih kepada Puan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta di dalam ucapan terima kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Pertama, Puan Timbalan Speaker saya ingin mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang jelas bertitah berasa gembira, berasa berpuas hati, penuh kepercayaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ke atas Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar iaitu Yang Berhormat Ijok di dalam mengendalikan pemerintahan kerajaan negeri Selangor selama ini. Yang Amat Dato' Menteri Besar adalah Menteri Besar yang paling komited dan yang terbaik. *The best so far* yang boleh saya katakan apabila dibandingkan dengan Menteri Besar-Menteri Besar sebelum ini. Tiada skandal, tiada rasuah, tiada hukuman penjara selama satu tahun. Hasil penjualan pasir telah meningkat. Ekonomi Negeri Selangor ke peringkat paling kukuh, stabil menjadi penyumbang utama KDNK Negara. Menteri Besar kita telah berjaya.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Templer minta mencelah. Silakan.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Saya nak tanya juga kepada Yang Berhormat Kota Alam Shah. Memang hebat Y.B. Menteri Besar ini. Saya pun setuju kerana itulah hari ini Selangor menjadi negeri yang berlonggok sampah kerana kehebatan Menteri Besarnya jugalah. Adakah setuju, betul.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Saya tidak setuju dengan pertanyaan penjelasan daripada Yang Berhormat dari Taman Templer. Sebab ada sabotaj dari Barisan Nasional dalam isu sampah. Sabotaj, tapi itu tidak mengapa saya ingin teruskan dengan apa yang ingin saya hujahkan di sini, Menteri Besar kita telah berjaya mengharungi berbagai rintangan. Cuba lihat Gombak Setia ada di dalam EXCO Negeri Selangor. Menteri Besar kita telah melalui berbagai tohmahan dan melalui pelbagai isu dan akhirnya telah berjaya mengukuhkan negeri Selangor sehingga boleh bertemu dengan pilihan raya yang akan datang iaitu pilihan raya yang ke 13. Saya juga ingin pohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya jika boleh membentangkan *report card* Ahli-ahli EXCO bagi menunjukkan kepada rakyat negeri Selangor betapa hebatnya barisan EXCO selama ini. Tetapi saya sebagai ADUN Kota Alam Shah ingin merakamkan rasa gembira dan terima kasih kepada tiga Ahli EXCO, tiga EXCO wanita khususnya. Wanita besi saya panggil. Tiga Ahli EXCO wanita iaitu Yang Berhormat Batu Tiga, Yang Berhormat Selat Kelang dan Yang Berhormat Bukit Lanjan. Cukup hebat. Baru-baru ini saya cukup gembira dengan Bukit Lanjan yang ADUN akan menubuhkan satu mahkamah khas bagi menangani isu-isu berkaitan dengan alam sekitar. Bermakna beliau ada menulis kepada Ketua Hakim Negara untuk menubuhkan satu mahkamah khas bagi menangani masalah tersebut. *Simple* saja. Ini adalah satu yang baik bagi kita. Yang Berhormat dari Batu Tiga, Skim Usia

Warga Emas cukup berjaya. Dan Yang Berhormat dari Selat Kelang isu mengenai pendidikan cukup berjaya. Kita telah mencapai peringkat kejayaan yang paling tinggi di negeri Selangor dan saya ingin merakamkan sekali lagi rasa gembira saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga wanita besi, *iron ladies* di Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Kota Alam Shah boleh mohon penjelasan sedikit. Puan Speaker.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER :** Silakan Yang Berhormat Permatang.

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Terima kasih. Saya ucapkan terima kasihlah kepada Kota Alam Shah. Saya nak minta penjelasan sikitlah mengenai skim mesra usia emas yang disebut. Tadi pun dalam ucapan jawapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kami ADUN-ADUN Barisan Nasional memang tak berapa puas hati pun memang tak puas hati apabila ada Menteri Besar memberitahu Yang Amat Berhormat Menteri Besar beritahu bahawa waktu Barisan Nasional dalam kerajaan Barisan Nasional dahulu berlakunya ada pihak ketiga yang menyampaikan sumbangan ini. Sebab untuk makluman Kota Alam Shah sumbangan berupa SMUE ini sebenarnya dilaksanakan di zaman Barisan Nasional. Waktu itu dikendalikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah tiap-tiap daerah. Dan siapa yang meninggal dan siapa yang terlibat keluarga boleh memohon ke Pejabat Daerah dan diuruskan oleh Pejabat Daerah dan dibayar oleh Pejabat Daerah. Tapi dalam kenyataan yang di buat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar seolah-olah tidak ada rekod yang ini merupakan satu penghinaan kepada Pegawai-pegawai Daerah, Pejabat-pejabat Tanah dan juga Pejabat Tadbir Daerah seolah-olah mereka sebelum ini membuat kerja tanpa rekod. Jadi ini satu tuduhan yang berat kepada Pegawai-pegawai Kerajaan kita, seolah-olah Barisan Nasional sewaktu program ini dilaksanakan mereka tidak ambil mudah, tidak ada rekod, ambil siapa nak bayar, bayar dan sebagainya. Jadi ini satu tuduhan yang begitu berat. Saya nak tanya Kota Alam Shah ini apa pendapat Kota Alam Shah, kalau tidak kita boleh rujuk mana-mana Pejabat Daerah semuanya rekod di buat dengan elok dan teratur. Tidak ada bayaran di buat sesuka hati dan tidak ada pihak ketiga sebenarnya yang buat pembayaran bagi pihak kerajaan negeri pada waktu itu. Saya nak tanya.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Ya saya ingin jelaskan atas isu skim usia emas ini yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah. Memang tiada publisiti. Memang wang itu tidak dibayar. Ramai penduduk negeri Selangor tidak dimaklumkan tentang skim tersebut. Bukan seperti sekarang EXCO kita ada membuat publisiti yang meluas sehingga semua rakyat yang telah mencapai umur 60 tahun dan ke atas sudah mengetahui tentang skim usia emas ini dan skim ini cukup berjaya. Mengapa ia berjaya pada masa Pakatan Rakyat memerintah, mengapa tidak, mengapa ia telah gagal semasa Barisan Nasional. Adakah Barisan Nasional

**Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK:** Gagal di mana Yang Berhormat, boleh bagi tahu Barisan Nasional gagal dalam perkara sebab ia dikendalikan dengan

betul. Permohonan ada di bayar. Dan saya dengar juga dalam laporan akhbar ramai di kalangan pusat-pusat khidmat Pakatan Rakyat sendiri buat kenyataan dalam surat khabar bahawa program SMUE ini tak dapat sambutan, tak dapat bayaran, ada yang ditapis dan sebagainya. *Complain* daripada kalangan pemimpin Pakatan Rakyat sendiri, surat khabar sinar selalu saya baca. Dengar tak adalah katakan program ini begitu berjaya dan sebagainya.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Tapi sekarang berjaya, amat berjaya. Skim Mesra Usia Emas amat berjaya dan ramai yang telah memperolehi manfaat daripada skim berbanding yang ada sebelum ini, berbanding dengan apa yang dikendalikan oleh Barisan Nasional. Sampai borang itu tidak diterima, tidak mahu diterima dan bayaran tidak dibuat selepas dibuat. Sekarang selepas kematian dalam tempoh satu bulan kamu dapat satu ribu ringgit dan dalam tempoh dua bulan lagi kamu dapat *balance* RM1,500. Cepat dan dibuat secara meluas dan terbuka. Bukan secara senyap sunyi dan tidak dimaklumkan kepada siapa-siapa seperti yang di maklumkan oleh Barisan Nasional sebelum ini.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Kuala Kubu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya rasa ini Kota Alam Shah ia baru dalam politik. Kalau di masa zaman Barisan Nasional tidak perlu daftar. Sesiapa kalau usia enam puluh meninggal dunia boleh *claim* dengan Pejabat Tanah secara automatik. Kerana ini wang rakyat tapi hari ini bila ambil alih kerajaan pada PR kena daftar, kena pilih kasih yang turun pun bagi *cash* kepada orang politik yang bagi. Zaman kita orang politik tak terlibat, kami serahkan kuasa itu kepada Pejabat Tanah kerana ini wang rakyat. Biar Pejabat Tanah yang urus tapi hari ini penyelaras turun bayar tapi mana resitnya? Mana bilnya? Tak ada. Itu sebab saya tanya sama ada sistem dulu yang lebih baik kah atau sekarang? Dulu kita secara automatik, sekarang pilih kasih.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Saya ingat Kuala Kubu Baharu lagi baru daripada saya. Dia memang tidak tahu sistem itu memang ada sebelum ini tetapi dia sendiri tidak tahu sistem itu ada. Baru selepas Pakatan Rakyat membuat publisiti yang meluas, publisiti yang meluas baru barisan ahli-ahli politik dari Barisan Nasional ketahui yang sistem itu wujud sebelum ini dan kalau Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu tahu.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Saya nak buat penjelasan.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Dah tak ada.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Pada zaman dulu semua rakyat tahu secara automatik kalau ada ahli keluarga meninggal dia akan *claim* ke sana.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuala Kubu kalau ingin mencelah kena minta izin kepada Kota Alam Shah dulu. Jangan terus tak minta izin. Ini kena belajar lagi ya.

Kena belajar lagi, cara-cara duduk dalam Dewan ni, cara-cara nak mencelah ye. Mana dia ada duduk.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Tapi sekarang mencelah tanpa kebenaran kali kedua. Tapi cuba lihat Kuala Kubu Baharu bayaran RM500.00 bukan itu untuk memancing undi? (Ketawa) Bukan kah itu untuk memancing undi.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Puan Speaker, boleh celah?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Kalau sudah ada.... saya tidak beri kebenaran, saya sudah beri peluang tadi.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Alam Shah tidak benarkan.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Pasal dia kata nak memancing undi. Saya mesti nak bagi penjelasan.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Saya ingin teruskan, Puan Speaker.

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN:** Orang Kelantan 80% dapat.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Cukup. Saya sudah pun berikan peluang kepada Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Macam mana Yang Berhormat Sg. Pelek?

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Cukup.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Belum tanya pun cukup.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Cukup dari MCA, satu cukup.

**Y.B. TUAN YAP EE WAH:** Satu cukup.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Satu cukup. Satu kerusi, dua tidak perlu. Sebab MCA saya tahu cuba lihat saya pun tidak tahu apa yang terjadi kepada Perdana Menteri kita. Perdana Menteri kita turun padang memancing undi India. 5 rumah terbuka dalam satu hari. 5 rumah terbuka Deepavali dalam satu hari. Ponggal sudah lama habis baru nak *celebrate* Ponggal. Pergi ke Batu Caves, saya ingat satu hari nanti bila Palanivel ambil kavadi Perdana Menteri akan ikut belakang menyanyi velvet saya ingat.

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Hah! Ni, Puan Speaker, ni....

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Hanya untuk memancing undi, saya ingat saya sudah beri peluang kepada....

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Dak Ni.. Puan Speaker yang tadi saya cakap tadi yang Peraturan 36(6)

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang kata nak baca Peraturan. Berapa?

**Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL:** Peraturan 36(6), mengeluarkan sangkaan jahat kepada sesiapa. Hah! Tadi yang masa Kg. Tunku sama menyebut, saya maklum pada Puan Timbalan Speaker kata tak pe kata tak pernah buat hah ini dia sangkaan jahat kepada Perdana Menteri. Perdana Menteri mestilah kena turun padang. Itu elok tu sepatutnya digalakkan. Ponggal kalau dua bulan pun tak apa... apa salahnya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat, saya 36(9) bukan 36(6).

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Hanya untuk memancing undi, saya ingat saya sudah beri peluang kepada....Memandangkan salah peraturan Puan Speaker, saya pohon bantahan itu ditolak sebab salah peraturan.

**PUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baik apa pun, teruskan.

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Saya ingin teruskan dengan hujahan saya. Terima kasih Puan Speaker. Selain daripada peningkatan dan kemajuan ekonomi negeri Selangor saya pohon agar tahap kesihatan rakyat jelata dipertingkatkan dan di naik taraf sebab kesihatan merupakan satu faktor yang penting dalam negeri Selangor. Sebagai contoh, Puan Speaker, Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah, Klang umumnya adalah Hospital yang ke tiga tersibuk di negara ini selepas Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Besar Tun Aminah di Johor Baru. Saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar cuba EXCO Kesihatan melawat Hospital yang ke tiga tersibuk di negeri Selangor. Saya dimaklumkan, saya telah membuat tiga lawatan, saya dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah bahawa EXCO Kesihatan kita masih belum melawat Hospital Besar Klang tersebut. Saya pohon agar beliau, melawat dan mengambil langkah-langkah yang boleh mengatasi sepuluh punca utama kemasukan individu ke Hospital tersebut. Saya ingin senaraikan sepuluh punca utama kemasukan individu ke Hospital Besar Tengku Ampuan Rahimah. Pertama, bersalin secara semula jadi *normal delivery*, ramai yang masuk. Kedua, adalah atas kecederaan dan keracunan. Ketiga, adalah jangkitan kuman dan parasit. Keempat, adalah penyakit jantung dan saluran darah. Kelima, adalah jangkitan paru-paru. Keenam, adalah komplikasi kehamilan. Ketujuh, adalah penyakit berkaitan dengan perut. Kelapan, adalah jangkitan pundi kencing dan kerosakan buah pinggang. Kesembilan, adalah komplikasi kehamilan di usia kandungan 28 minggu dan yang kesepuluh, adalah penyakit-penyakit kronik.

Dan juga Puan Speaker, saya ingin senaraikan 10 punca utama kematian rakyat di negeri Selangor yang seperti berikut; Pertama, punca kematian pertama, ramai yang mati akibat jangkitan kuman atau virus dalam darah. Yang kedua, adalah kemalangan maut *accident*. Yang ketiga, adalah strok. Yang keempat adalah ammonia. Yang

kelima adalah penyakit jantung. Keenam adalah penyakit barah paru-paru. Ketujuh adalah penyakit barah dan tumor. Kelapan, adalah komplikasi kehamilan di bawah kandungan 28 minggu dan sebagainya. Kesembilan, penyakit kelamin. Kesepuluh, adalah penyakit yang berkaitan dengan perut dan atau *deadeyes system*.

Puan Speaker, saya pohon jika boleh kerajaan negeri Selangor menubuhkan satu *task force* untuk mengatasi masalah kesihatan di negeri Selangor. Kalau boleh saya dapat kebanyakannya daripada penyakit-penyakit ini adalah berpunca daripada *life style* dengan izin. *Life style* rakyat negeri Selangor dan saya pohon jika boleh kita adakah satu *fitness center* di setiap daerah ataupun di setiap DUN jika boleh untuk mengatasi masalah *life style* yang dipentingkan oleh rakyat negeri Selangor. Kita seharusnya menangani masalah-masalah ini secepat mungkin sebelum lebih ramai rakyat kehilangan ahli keluarga mereka yang tersayang. Di negeri Selangor kita mempunyai 10 buah hospital besar dan 6 daripadanya adalah Hospital Pakar, 4 adalah Hospital Besar yang biasa. Kita seharusnya menaik taraf kemudahan-kemudahan di Hospital-hospital di negeri Selangor supaya kita dapat membantu semua hospital-hospital ini seperti mana yang kita sedang membantu sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah Tamil, sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Agama. Kita juga harus melihat tentang keadaan dan kesejahteraan rakyat kita melalui hospital dan di sini saya ingin mengajukan soalan tentang apakah peranan kita bagi mengatasi kadar kematian akibat penyakit-penyakit yang saya sebutkan tadi.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang EXCO sekali lagi walaupun saya ada membangkitkan agar EXCO Kesihatan melawat Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Saya juga pohon Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyelesaikan keraguan dan kekeliruan yang dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat tentang EXCO Yang Berhormat Sijangkang. Saya menyokong penuh Yang Berhormat Sijangkang telah dipilih sebagai EXCO baru-baru ini tetapi saya ingin tahu adakah terdapat campur tangan pihak ketiga dalam melantik beliau sebagai EXCO. Mengapa? Mengapa Yang Berhormat daripada Meru diperli dan diketawakan? Kita mesti menyelesaikan masalah ini. Mengapa Y.B. Meru tidak dilantik sebagai EXCO?

Seterusnya Puan Speaker, saya ingin memetik sebahagian daripada ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor tentang PBT. Dalam ucapan beliau, beliau ada menyebut, dalam hal ini Beta berkenan pandangan Dato' Menteri Besar yang mahu setiap PBT lebih mengusahakan cara untuk memberi kesejahteraan kepada penduduk setempat daripada memikirkan kelayakan berstatuskan bandaraya. Saya ingin menyentuh tentang Majlis Perbandaran Klang. Puan Speaker, saya sebagai ADUN Kota Alam Shah ingin melahirkan rasa tidak puas hati tentang Majlis Perbandaran Klang. Banyak aduan-aduan telah diterima, khususnya tentang sampah sarap, kerosakan jalan-jalan dan longkang-longkang yang tersumbat serta masalah banjir yang kerap berlaku. Saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, belanjalah wang yang kita ada. Kita kaya ada *reserve* yang banyak. Kita harus menyelesaikan masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat di negeri Selangor. Mesti diatasi. Rakyat tidak mahu mendengar alasan-alasan. Ada seorang EXCO turun padang dan memberitahu rakyat, kita boleh belanja tapi kita tidak boleh *guarantee* masalah banjir itu akan diselesaikan.

EXCO itu tidak boleh memberitahu rakyat sebegitu. So, rakyat tidak mahu mendengar masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Ada seorang Ahli Parlimen turun padang dan memberitahu sekarang hujan tebal dulu ringan, nipis, sekarang tebal sebab itu banjir tapi rakyat tidak mahu tahu sama ada ianya tebal, nipis ataupun sebagainya. Mereka mahu hidup selesa, aman damai tidak mahu kerosakan harta benda mereka. Mereka mahu rumah, harta yang mereka beli itu meningkat nilainya pada satu hari kelak. Mereka tidak mahu rumah yang mereka beli tu, selepas 25 tahun turun nilainya ataupun rosak teruk akibat banjir dan saya harap mengapa simpan duit banyak-banyak dalam *reserve*? Belanjalah, belanjalah untuk rakyat. Untuk rakyat kita sendiri, untuk orang-orang kita sendiri, untuk mengatasi masalah yang menimpa rakyat selama ini iaitu masalah banjir dan sebagai permulaan saya pohon Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar meningkatkan peruntukan setiap ADUN daripada RM500,000.00 kepada RM800,000.00 supaya kita sendiri boleh mengatasi sedikit sebanyak masalah banjir yang dihadapi oleh rakyat di negeri Selangor.

Puan Speaker, perkara selanjutnya yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai ADUN Sri Muda. Puan Speaker, ADUN Sri Muda kini menghadapi satu pertuduhan yang sangat serius iaitu di Bawah Akta Hasutan dan di Bawah Akta Hasutan ini saya fikir adalah satu Akta yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan namun sehingga ke hari ini ia masih diguna pakai oleh Barisan Nasional dan saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya menghantar satu delegasi dengan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri untuk bertemu dengan pengadu yang membuat pengaduan atas Sri Muda supaya aduan beliau ditarik balik supaya memudahkan peguam Sri Muda untuk membuat satu *representation* kepada peguam negara agar pertuduhan ke atas beliau dapat ditarik balik.

Dan akhir sekali Puan Speaker, saya ingin menyentuh tentang aspek ekonomi kaum India di mana saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan EXCO agar memberi 7% diskaun kepada golongan miskin semua kaum dalam pembelian harta ataupun dalam pembelian rumah semua jenis rumah yang dibangunkan oleh PKNS dan saya juga pohon agar satu dana RM100 juta disediakan untuk membantu golongan miskin semua kaum untuk berdiri di atas kaki sendiri untuk menjalankan perniagaan yang mereka boleh jalankan dan supaya mereka boleh berkembang dan maju dalam negeri yang maju ini.

Puan Speaker, selain daripada itu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli EXCO yang telah bertungkus-lumus selama 4 tahun yang lalu untuk membangunkan negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bangi.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih, Tuan Speaker. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Bangi berdiri menjunjung kasih di atas ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor Darul Ehsan yang dalam titah baginda menekankan tentang kemajuan dan kemakmuran negeri Selangor dalam mana

jumlah rizab negeri Selangor sebanyak 1.9 billion dengan KDNK Selangor sebanyak 5.3%. Ini mencerminkan kebijaksanaan kepimpinan negeri Selangor di dalam mengendalikan ekonomi dan hasil kemajuan kepada negeri Selangor bahkan sebagaimana telah disebutkan bahawa negeri Selangor memberi sumbangan terhadap kerajaan persekutuan sebanyak 22% dan apa dia ni dengan pelaburan RM8.74 billion yang menghasilkan, sebanyak yang dihasilkan daripada 263 projek yang memberi peluang kepada 15,000 peluang pekerjaan. Di samping itu, berbagai skim dianjurkan oleh apa dia ni pihak kerajaan negeri melalui terutamanya merakyatkan ekonomi negeri Selangor yang diperuntukkan sebanyak 500 juta itu di samping skim Selangorku sebanyak RM300 juta. Dengan apa dia ni, kemajuan ini sebenarnya memberi keyakinan kepada kita terutama wakil-wakil rakyat di negeri Selangor tentang kemantapan bukan sahaja ekonomi tetapi juga politik di negeri Selangor ini. Tetapi walau macam mana kita melihat usaha terutama Kerajaan BN untuk menjatuhkan negeri Selangor umpamanya pada 19hb Disember tahun 2011, pihak BN yang diketuai oleh apa dia ni Dato' Seri Najib telah menyalurkan sebanyak 2.71 billion kepada UMNO Selangor bagi menggunakan wang ini agar dapat menawan negeri Selangor. Tetapi kita yakin, rakyat dapat melihat tentang kemajuan-kemajuan dan pencapaian yang apa dia ni, dilakukan oleh pihak pimpinan negeri Selangor ini sendiri dan kita yakin juga dengan masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pimpinan Persekutuan itu sendiri diperhati oleh rakyat dan kita melihat umpamanya masalah-masalah besar sebenarnya jauh lebih besar yang ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang daripada apa dia ni dari Seri Serdang sebagaimana yang ditimbulkan semalam. Umpamanya, masalah-masalah yang dihadapi oleh kerajaan persekutuan yang melibatkan juga keyakinan ataupun nilai-nilai daripada rakyat negeri Selangor sendiri umpamanya kita lihat kalau di Selangor tidak berlaku soal apa dia ni pembolotan hasil negeri oleh peringkat apa dia ni oleh kroni apa yang boleh disifatkan sebagai kroni tetapi umpamanya kalau kita lihat pada kerajaan persekutuan, Petronas yang memberi hasil utama kepada negara dibolot oleh syarikat kroni UMNO BN umpamanya Mokhsani diumumkan antara yang terkaya di Malaysia dalam masa yang beberapa tahun mereka memegang apa dia ni satu anak syarikat yang telah memberi hasil apa dia ni yang banyak kepadanya sehingga dia menjadi antara yang disebutkan sebagai antara yang terkaya di Malaysia ini sendiri.

Rakyat umpamanya tidak boleh lupa dan tidak boleh menerima tentang penyelewengan apa dia ni FDN *National Feed Lot* apa dia ni yang menyebabkan kerugian sebanyak RM450 juta sehingga umpamanya kita melihat Daim Zainuddin Menteri Kewangan yang dulu pernah menyatakan dia menyatakan kepada *cowgate*, *cowgate* akan menelan BN itu sendiri. Begitu juga apa dia ni berlaku penggunaan wang rakyat untuk pertunangan anak menteri, Perdana Menteri sendiri yang melibatkan RM400,000.00 itu sendiri. Bahkan berlaku penggunaan wang zakat bagi guaman seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya ingat ini perkara-perkara besar yang apa dia ni tidak boleh ditutup dari penglihatan rakyat itu sendiri umpamanya juga berlaku penyelewengan atau pun tindakan apa dia ni menggunakan FELDA. Menjual.... FELDA...Saham FELDA Global Venture yang boleh membawa risiko kepada kehilangan tanah rakyat di FELDA itu sendiri. Begitu juga memansuhkan skim kakitangan kerajaan pada bulan Februari 2012 yang banyak menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat sendiri. Begitu juga skim pemilikan rumah bagi golongan berpendapatan rendah kerana apa dia ni

walaupun ditawarkan oleh tanpa pinjaman, peruntukan diberi pinjaman 100% bagi golongan berpendapatan rendah ini iaitu kurang daripada RM3,000 sebulan tetapi tidak ada bank yang mahu memberi pinjam kerana tidak ada cagaran tertentu yang boleh menjamin bahawa pinjaman boleh dipulang balik. Begitu juga persoalan yang berhubung dengan apa dia ni kerugian-kerugian yang berlaku umpamanya kepada MAS sendiri yang rugi sebanyak 2.5 bilion. Begitu juga, kerugian yang dialami oleh Proton sendiri yang melibatkan 3.4 bilion. Bahkan rasuah-rasuah yang melibatkan bekas, rasuah yang melibatkan Menteri Besar Selangor sendiri yang didapati bersalah. Ini adalah apa dia ni perkara-perkara yang rakyat boleh menilai sendiri tentang apa dia ni, prestasi yang dicapai oleh pentadbiran kerajaan persekutuan.

Kita boleh melihat umpamanya hutang negara sekarang telah berjumlah sebanyak RM456 bilion yang menyebabkan setiap orang daripada kita terhutang lebih kurang RM600.00 seorang rakyat. Begitu juga umpamanya Saham Bumiputera yang dulu berjumlah sebanyak RM54 bilion telah susut tinggal menjadi RM2 bilion. Jadi ini sebenarnya membuktikan berlakunya penyelewengan dan mungkin rasuah yang berlaku dalam pentadbiran-pentadbiran persekutuan itu sendiri sehingga menyebabkan kedudukan dari segi indeks apa dia ni rasuah yang dulu berada pada peringkat 42 di dunia sekarang apa dia ni makin apa dia ni meningkat kedudukannya. Maaf-maaf... dulu pada kedudukan 60 sekarang jadi berkedudukan ke 42. Jadi kalau kita lihat kesemua penyelewangan-penyelewangan yang berlaku ini dibanding dengan apa dia ni pemerintahan yang kita apa dia ni bagi negeri Selangor sebenarnya apa dia ni jauh lebih baik pemerintahan yang berada di negeri Selangor. Umpamanya kalau kita lihat pendapatan hasil negeri Selangor makin bertambah sebagaimana yang kita maklum simpanan apa dia ni bajet bagi negeri Selangor dari setahun ke setahun semakin bertambah yang mencerminkan bahawa tentang kemajuan ekonomi negeri Selangor itu sendiri, umpamanya pada tahun 2012 ini, bajet kita adalah merupakan sebanyak RM1.6 bilion. Ini adalah lebih baik daripada tahun 2011 yang berjumlah sebanyak RM1.430 bilion manakala simpanan kerajaan negeri Selangor adalah apa dia ni pada akhir 2011 berjumlah sebanyak RM1.9 bilion dan apa dia ni, ini adalah satu prestasi yang dapat dicapai dengan baik, maaf Tuan Pengurus. Berbanding dengan tahun 2007 dalam mana simpanan kerajaan pada masa itu hanya berjumlah sebanyak RM500 juta sahaja.

Begitu juga kita lihat hasil pasir, walaupun sudah disebut beberapa kali tetapi ini satu bukti tentang kemajuan ataupun kemampuan kita dari pentadbiran yang mana hasil pasir pada tahun 2007 lebih kurang RM4 juta sahaja pada tahun 2011 naik kepada RM16 juta dan apa dia ni cabaran yang dibuat oleh Menteri apa dia ni Pertanian tentang penyelewengan apabila mereka dicabar untuk dibuktikan berdepan dengan SELCAT mereka tidak berani berdepan. Begitu juga kalau kita lihat tentang peningkatan simpanan Yayasan Selangor daripada tahun 2007 yang hanya berjumlah RM20 juta bertambah pada 2012 sebanyak RM51 juta. Dan ini dapat dimanfaatkan kalau kita lihat dari segi statistik pada tahun 2007 yang dapat faedah daripada Yayasan Selangor ini seramai 714 pelajar pada 2011, 2,253 pelajar dan dijangka pada tahun 2015 akan melibatkan seramai 5,000 pelajar. Kita juga melalui Yayasan Selangor di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat dapat mengesahkan tentang kehilangan sebanyak RM500 juta tiris, lesap pada masa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Dalam

mana kita melihat ada yang menerima bonus sebanyak 2 bulan melibatkan sebanyak RM900,000.00. Begitu juga umpamanya kita lihat ada disebutkan bahawa kemungkinan ini akan boleh melibatkan beberapa Menteri Besar sebelum daripada ini boleh diheret kepada ke muka pengadilan. Begitu juga kita lihat umpamanya semasa pemerintahan kerajaan negeri Selangor berlaku pertambahan peruntukan, pertambahan pendapatan yang boleh kita mengadakan apa yang dinamakan Skimsel sebanyak RM50 juta dan Mimbar sebanyak RM20 juta. Begitu juga kita menawarkan Skim Usia Emas sebanyak RM500 juta yang mampu memberi tawaran kepada warga-warga emas di Negeri Selangor ini. Bahkan dengan tawaran-tawaran berkenaan kita mendapat maklumat ini memberi satu yang menggembirakan kepada warga-warga emas. Umpamanya dengan *shopping*, Jom *Shopping* yang ditawarkan kepada mereka walaupun jumlahnya dalam RM100 sahaja tetapi sebagai contoh kami di DUN Bangi telah mendaftarkan sebanyak 1,900 orang warga emas. Setakat ini kita telah memanggil sebanyak 800 orang untuk Jom *Shopping*. Dan mereka sebenarnya berebut-rebut dan bertanya mana-mana yang tidak mempunyai peluang Jom *Shopping* untuk mengikuti Jom *Shopping* ini. Walaupun perkara ini jumlahnya kecil tetapi sebenarnya dapat memberi kemesraan kepada rakyat di Negeri Selangor itu sendiri. Bahkan kalau kita lihat dari segi merakyatkan ekonomi ini sendiri kita dapat mengadakan berbagai-bagai-bagai kegiatan yang melibatkan rakyat Negeri Selangor sendiri dari segi berbagai-bagai kegiatan seperti mengadakan kegiatan-kegiatan pertemuan antara golongan-golongan warga emas di kawasan kita sendiri. Selain daripada itu, pada masa pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat ini sendiri kita banyak mengadakan berbagai-bagai-bagai kegiatan yang bersifat kebajikan. Umpamanya gotong-royong, sambutan mesra rakyat, perayaan-perayaan, keagamaan, kemasyarakatan, membantu kegiatan keagamaan dan kegiatan masjid, surau, membantu sekolah-sekolah rakyat, menjalankan kegiatan perkhidmatan pendidikan, seperti tuisyen, *back to school* dan sebagainya yang sebenarnya memberi bantuan kepada golongan-golongan miskin di kawasan-kawasan ADUN-ADUN masing-masing. Bahkan dalam masa dengan menggunakan peruntukan yang diberi oleh kerajaan negeri, tiap-tiap ADUN dapat menjalankan berbagai-bagai kegiatan di kawasan masing-masing seperti umpamanya kegiatan-kegiatan kemasyarakatan, sukan dan berbagai-bagai lagi. ADUN Bangi ingin menyebutkan bahawa melalui kebajikan juga kita dapat menolong umpamanya berlaku bencana alam baru ini di Hulu Langat berlaku bencana alam pada lapan hari bulan tiga tahun dua ribu dua belas. Sebenarnya pada masa berlaku bencana alam ini kita daripada Pakatan Rakyat, khususnya daripada PAS dapat memberi pertolongan terawal terhadap mangsa-mangsa banjir. Bahkan kerajaan negeri Selangor, saya fikir kita belum sebut lagi oleh sesiapa pun pada ini, dalam banjir ini kita telah dapat membantu mengeluarkan peruntukan sebanyak RM300,000.00 kepada mangsa banjir di Hulu Langat dan Ampang juga. Termasuklah zakat sendiri dapat mengeluarkan sebanyak RM220,000.00 yang mana jumlah semua adalah RM520,000.00. Ini sebenarnya melenyapkan tuduhan-tuduhan oleh pihak pembangkang terutama daripada BN yang mengatakan kita tidak mengambil tindakan terhadap mangsa-mangsa banjir di Hulu Langat itu sendiri. Hasil daripada bantuan berjumlah RM520,000.00 ini dapat diagihkan kepada sejumlah 1,736 keluarga di Hulu Langat itu sendiri.

Tuan Speaker, Tuanku mengharapkan agar kita memberi perhatian terhadap alam sekitar dan kawasan hijau di Negeri Selangor ini sendiri. Kita merasa dari segi alam sekitar ini saya fikir contoh yang baik sekali ialah Shah Alam ini sendiri dalam mana dia merupakan sebuah bandar dalam taman. Dan ini adalah merupakan keinginan bagi semua tempat kalau dapat ertiinya tempat masing-masing diwujudkan macam semacam bandar dalam taman ini sendiri. Sebenarnya kalau kita lihat Shah Alam ini walaupun barangkali memerlukan peruntukan tertentu untuk menghasilkan sebuah dalam taman hijau yang begitu indah. Sebenarnya keindahan yang berterusan itu bukan suatu yang boleh dinilai dengan peruntukan sejumlah peruntukan tertentu kerana dia sebenarnya memberi semacam suatu nilai estetika yang berterusan yang akan menjadi warisan bagi masyarakat ataupun negara kita sendiri. Bayangkan umpamanya kita ada mempunyai kawasan seperti keliling kita ni berada misalannya Masjid Negeri ada bangunan MAIS, JAIS dan Bahagian Perundangan Syariah dan ada bangunan-bangunan yang bercirikan keislaman campur dengan bangunan-bangunan yang bercirikan roman dan juga moden semasa dan semasa. Kombinasi antara semua elemen ini sebenarnya telah mewujudkan suatu ciri seni bina yang unik di Shah Alam ini sendiri yang merupakan suatu keindahan yang murni dan asli di Shah Alam ini sendiri. Kita di dalam PADAT melihat bahawa selama ini kita mencari-cari identiti tentang Negeri Selangor ini sendiri tanpa kita menyedari bahawa elemen itu sebenarnya berada di depan mata kita. Sebab itu dalam PADAT sekarang kita nak menekankan beberapa aspek untuk menimbulkan identiti yang kukuh di Negeri Selangor ini. Kalau kita pergi umpamanya di Granada, Alhambra dan sebagainya dengan binaan-binaan yang unik pada zaman Islam sebenarnya binaan sedemikian terdapat di tempat kita ini iaitu di Shah Alam ini sendiri. Sebab itu kita perlu promosikan ciri-ciri seni bina moden campuran antara Islam, Barat dan setempat ini sebagai ciri-ciri seni bina yang unik di tempat kita. Dan kita harap di tempat ini tidak akan dicampur adukkan dengan elemen-elemen yang kontra ini yang boleh merosakkan dari segi seni bina itu. Kita melihat ertiinya seni bina yang sedemikian perlu diwujudkan juga di tempat-tempat yang lain, yang bersesuaian. Kami melihat di Bangi umpamanya tidak ada apa sesuatu yang estetik yang boleh memberi kedamaian, kerehatan dari segi minda kita, mata kita kerana bangunannya biasa sahaja, tidak disedari tentang pentingnya estetika yang perlu diwujudkan. Sebab itu ertiinya kita harap kesedaran-kesedaran, semalam dibangkitkan bahawa nak digantikan bandar-bandar lama dengan bangunan-bangunan yang baru. Sebab itu kita mengharapkan supaya ada kesedaran dari segi nilai warisan yang perlu kita pertahankan sebelum dia diruntuhkan perlu dibuat penilaian. Umpamanya kerajaan negeri Melaka dia berjaya menarik pelancongan ke Negeri Melaka bukan sangat ada bangunan yang besar tetapi ada warisan Kota Melaka itu sendiri yang hanya terdiri daripada batu-batu yang dari segi zatnya sebenarnya tidak begitu mahal harganya tetapi kerana elemen warisan yang ada pada Kota Melaka itu sendiri. Sebab itu kita di Negeri Selangor juga sebenarnya mempunyai banyak elemen-elemen ini yang kalau kita lihat umpamanya masjid-masjid yang didirikan di Negeri Selangor ni daripada Masjid Sultan Sulaiman sehingga kepada Masjid Salahuddin yang sebenarnya tidak kita gembar-gemburkan ataupun kita bicarakan dan meningkatkan daripada peringkat nasional dan internasional. Jadi dengan kesedaran yang ada kita harap semua ini akan kita gembelingkan untuk memperkenalkan elemen estetika yang ada di Shah Alam ini sendiri. Begitu juga Tuanku juga menekankan tentang perlunya

masalah alam flora dan kebersihan perlu ditekankan kepada Negeri Selangor kita sendiri. Kita merasa dukacita umpamanya sejak pada akhir tahun 2011 sehingga bulan tiga berlaku kekecohan dari segi masalah sampah di Negeri Selangor ini sendiri. Kita faham ini adalah masa transisi tetapi oleh kerana barangkali oleh kelemahan yang ada dalam pentadbiran dan juga ada elemen sabotaj daripada pihak pemegang konsesi dari segi sampah itu sendiri mereka melakukan sabotaj menyebabkan berlaku kekecohan dari segi pembersihan dan pengangkatan sampah. Kita harap perkara ini kita dapat masih lagi belum dapat berjalan dengan licin tetapi kita harap perkara ini tidak diseret sehingga ke masa dekat pilihan raya kerana ini boleh membahayakan kita. Walaupun kita nampak sikit, sampah tidak diangkat dan sebagainya ini menjadi rungutan dan kemarahan rakyat di negeri, khususnya di tempat-tempat yang tidak sempurna dari segi pembersihan sampah dan sebagainya. Sebab itu kita berharap terutama pihak PBT-PBT, memberi perhatian yang penting dari segi pembersihan ini, kita mahu, kami selalu melihat Shah Alam ini sebagai contoh yang baik, yang bersih, hijau dan sebagainya. Kita harap di tempat-tempat lain memberi tumpuan juga dari segi pembersihan kehijauan setempat dan ertinya susun atur dari segi bandar dan sebagainya supaya dapat menarik perhatian ataupun sekurang-kurangnya memberi kerehatan dari segi minda rakyat di tempat mereka tinggal dan sebagainya.

Kita berterima kasih kepada Tuanku yang mengingatkan supaya kerajaan negeri menjaga dari segi tanah rizab Melayu. Kerana tanah-tanah ini tidak akan dapat diganti sekiranya digunakan ataupun diambil alih diguna bukan untuk tanah rizab Melayu. Kita dimaklumkan semalam bahawa kita masih mempunyai sebanyak 456,754 ekar tanah rizab Melayu tetapi kita mengharapkan pada kerajaan negeri tidak hanya menyimpan tanah rizab Melayu begitu sahaja dengan tidak mendatangkan faedah dan kepentingan kepada pemilik-pemiliknya. Sebab itu perlu difikirkan apakah kaedah terbaik yang dapat memberi faedah pulangan kepada pemilik-pemilik rizab Melayu ini sendiri supaya dia tidak tertinggal begitu sahaja. Selain daripada itu, selain daripada fakta-fakta angka, Tuanku juga menekankan perlunya antaranya nilai-nilai sejagat yang perlu kita pertahankan. Umpamanya sifat telus dan terbuka dalam pemerintahan Pakatan Rakyat ini. Memang kita tekankan selama ini. Dan barangkali inilah satu yang mencirikan keistimewaan pemerintahan kerajaan negeri Selangor yang menekankan dari segi tulus dan sifat telus dan terbuka dalam pemerintahan. Begitu juga kita seharusnya menurut titah Tuanku seharus menjunjung nilai keadilan dan demokrasi yang saya fikir kita memang selamanya ini mendukung nilai-nilai ini supaya kita dan menghindar diri daripada sifat rasuah. Kita seharusnya berterima kasih ataupun berbangga bahawa kerajaan pakatan rakyat kita setakat ini masih dapat bertahan daripada tercebur di dalam elemen rasuah dan sebagainya walaupun ada tuduhan-tuduhan pihak pembangkang terhadap kita tetapi setakat ini kita dapat memperkasakan mempertahankan diri daripada tuduhan-tuduhan bersifat rasuah dan sebagainya. Dan juga sifat menekankan dari segi kemanusiaan. Saya ingat elemen ini yang bersifat subjektif adalah satu elemen yang penting yang seharusnya diperkasakan kerana nilai-nilai kemanusiaan ini adalah mencerminkan nilai-nilai keluhuran kepada individu dan masyarakat itu sendiri. Sebab itu kita perlu kembangkan nilai-nilai kemanusiaan ini di tengah masyarakat dalam masa perkembangan kehidupan moden yang dipengaruhi oleh Sains dan Teknologi. Kita mempersoalkan juga umpamanya pihak pemerintah

peringkat Persekutuan yang hanya mahu menekankan dari segi Sains dan Teknologi. Sebenarnya kalau kita hanya menekankan Sains dan Teknologi, kita seolah-seolah menutup satu elemen yang penting yang ada di dalam diri manusia, elemen hati nurani dan akhlak dan sebagainya ya, kalau apa dia ni dapat dibesarkan dan dihidupkan di tengah masyarakat sebenarnya kita menghidupkan dari segi peradaban masyarakat itu sendiri. Mungkin kita boleh maju dari segi pemodenan, moden, maksud saya moden ini kita maju dari segi elemen-elemen tampak. Maksudnya dari segi bangunan-bangunan, kota, kenderaan ertinya semua elemen-elemen yang kita nampak dengan mata kepala kita. Tetapi satu elemen yang penting yang sebenarnya amat bernilai dan berharga tinggi umpamanya kita sebutkan nilai kasih sayang yang kita tanam. Memang kita merasakan umpamanya kasih sayang di kalangan keluarga kita umpamanya. Kita tahu sayang kepada anak, isteri dan sebagainya tetapi elemen ini perlu kita perbesar perluaskan ketengah masyarakat. Umpamanya apa yang kita perjuangkan umpamanya kehijauan, membela hutan umpamanya jangan dirosakkan, menjaga sungai, menjaga elemen-elemen keaslian di tengah masyarakat, menghormati orang tua. Ini nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang sebenarnya amat besar nilainya tetapi kita tidak boleh beli dengan wang ringgit dan sebagainya. Bagaimana umpamanya soal kasih sayang dalam masyarakat kita mempunyai warga-warga emas, kita mempunyai orang-orang yang sakit, kita mempunyai orang-orang yang miskin. Jadi pada mereka ini sepatutnya kita curahkan rasa kemanusiaan dengan membela mereka menurut apa dia ni, sepatutnya. Bagi orang tua saya ingat kita sudah adakan Skim Warga Emas. Saya telah berulang kali bila kita pergi Jom *Shopping* tu RM100 ada disebut sikit sangat, kadang-kadang habis tambang sahaja dia pergi balik beli tapi kerana suka saja dia pergi. Dia membelanjakan RM100 tu kadang tambang dah habis. Sebab tu saya dah ulang banyak kali kalau boleh beri lebih kurang RM1,000 lah pada mereka ni. RM2,500, RM1,500 tu lepas dia meninggal, tak apalah waris dia guna. Seratus ringgit dia pergi tu sikit sangat saya katalah, memang habis dia atas tambang saja, kerana suka hati dia. RM1,000 bolehlah ya.....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bangi, Bangi....nak Tanya sikit..

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya..ya....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, nak celah sikit. Berkaitan dengan Jom *Shopping* ni minta penjelasan Bangi kenapa seratus tu dibayar dengan tambang, ada ke Bangi tidak menyediakan tambang untuk mereka supaya mereka ada bas dan sebagainya....

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih apa ni sebenarnya bukan kita apa dia ni....tak sediakan kenderaan, tapi dia orang ni, kemanusiaan tadi lah rasa suka hati dan mesra. Dia kita sedia bas, kita banyak kali sedia bas. Kadang-kadang bas besar tu empat lima orang sahaja yang naik yang lain pergi dengan motokar sendiri, ibu bapa dia hantar, cucu dia hantar tapi dia suka hati ya...ha...itu dia suka. So dah banyak kali bas kita sewa minta daripada MPKJ, dia hantar bas tak padan tiga empat orang naik yang lain dia pergi dengan kereta dia sendiri. Ertinya dia sanggup belanja walaupun lebih daripada seratus. Bukan nilai seratus tu agaknya yang di

sanjung atas penghormatan yang kita beri pada mereka ya dan gembira dapat bersama, bertemu sama orang tua ni sama, kita pun tua juga lah, bertemu dengan dia orang. Tapi kira-kira tak padan seratus ringgit tu, seratus ringgit tak padan kena nilai sekarang ya, kita dok sebut, saya dok janji *Insya-Allah* RM1,000 janji tu ya...jadi saya kata nak sampaikanlah dalam Dewan pada kali ni, *Alhamdulillah* dapat sampaikan ya. Kalau jadi tiga ribu cantik juga. Seribu untuk dia guna masa belum meninggal dua ribu selepas dia meninggal. Tak salah kita tambahkan, kita hasil negeri makin bertambah dan ini besar rasa kemanusiaan tu kita dapat beri pada orang, orang tua. Ya, terima kasih....

**Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN:** Adakah ini rakyat yang minta atau Bangi yang minta.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Semua, semua pihak, Bangi dan rakyat sendiri, Sebenarnya kita tambah juga dengan duit kita senyap je rasa kemanusiaan juga

**Y.B. TUAN MANOHARAN A/L MALAYALAM:** Bangi minta celah sedikit. Adakah Bangi setuju kita beri mereka wang itu masa mereka masih hidup untuk lebih *enjoy* wang itu daripada memberi mereka selepas kematian.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Terima kasih. Saya ....ertinya kalau kita beri semua tiga ribu saya takut jadi penyelewengan pula, waris dia ambil guna pula kan, kita perlu fikir mekanisme lah kita buka akaun ke untuk seribu kita apa ni, monitor dia jangan masuk seribu dia guna seribu terus ya ...ah ya...kalau masuk dulu seribu dalam akaun dia boleh apa ni ada dividen sebagainya dan dia boleh guna panjang masa sikitlah buat syarat mesti guna dalam masa yang berterusan jangan guna serentak. Jom *Shopping* janganlah seribu serentak, ertinya sebahagian daripadanya tetapi ada akaun yang kita apa dia ni, masukkan dalam akaun dia dan dia boleh guna. Saya ingat dia tu akan tunjuk sama dia, sama tau bagaimana bagusnya Kerajaan Pakatan menyediakan peruntukan kepada mereka. Ini ertinya yang saya tekankan tadi nilai-nilai kemanusiaan, keindahan, keindahan inilah seindah rasa senang gembira rasa mesra dan sebagainya satu yang mahal harganya. Bagi orang...kita kesian ....bagi orang yang tidak menyedari tidak ada elemen kemanusiaan rasa kasih sayang rasa cinta yang tak ada dalam jiwa mereka sebenarnya mereka kehilangan sesuatu. Mereka boleh beli sesuatu dengan duit, barang-barang pakaian dan sebagainya tetapi kita melihat sesuatu yang indah. Itu bukan nilai duit boleh beli. Saya diberi peluang ke PADAT, saya naik di bangunan apa ni, di Muzium tu, duduk di belakang tengok di belakang tu ada taman yang hijau dengan apa dia ni, tasiknya tersentuh hati saya. Kalau tuan-tuan buka dalam *blog* saya ada puisi saya tentang di Anjung Muzium tu sendiri ya. Maaflah saya ni orang sastera tak boleh tersentuh sikit ya. Dia akan terlahir bahasa lainlah ya....jadi dia tengok waktu-waktulah. Ini bukan cakap kosong, kalau tuan-tuan apa ni, ahli Dewan sekalian buka *blog* saya, saya ingat sekarang beratus puisilah yang saya telah ciptakan, tapi itu bukan buat-buat. Bila berada pada sesuatu tempat tertentu tersentuh dia kan lahirlah dan dia tidak boleh buat-buat. Saya ingat itu satu elemen yang mahal harganya.

**TUAN SPEAKER:** Tapi Y.B., kamu balik pada yang pokoknya.

**Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR:** Ya...ya...sebab apa ni, Tuanku juga menekankan kemanusiaan ya, kemanusiaan dari segi kasih sayang dan sebagainya sesama manusia kita ni ya. Kita berada di kawasan , alam kita kasih pada alam, berada pada keluarga kasih pada keluarga berada dalam masyarakat sama orang tua kasih sesama orang tua dan sebagainya. Itu adalah nilai-nilai kemanusiaan yang boleh disifatkan peradaban yang tinggi. Peradaban yang tinggi kita mengadakan hospital untuk orang sakit umpamanya, mengadakan berbagai-bagai kemudahan di bandar raya untuk kemudahan orang tua dan berbagai lagi. Jadi saya nak kembalikan bahawa penekanan pada Sains dan Teknologi mungkin kita dapat berjaya dari segi satu segi tetapi kita hilang rasa kemanusiaan. Kita hidup ni bukan hanya boleh mengejar barang-barang yang bersifat benda sahaja yang boleh kita miliki dan sebenarnya apa yang kita nak sebenarnya tidak lebih daripada apa yang kita perlu saja yang itu sebenarnya sebagai tambahan-tambahan yang kadang-kadang tidak memberi guna pada kita pun. Tetapi elemen dalaman kasih sayang, cinta, mesra, hidup bermasyarakat dan sebagainya itulah yang membentuk kita sebagai kemanusiaan yang boleh memberi kebahagiaan di dalam kehidupan kita. Hamka pernah berkata dalam dia punya buku "kebahagiaan itu bukan pada harta benda kekayaan dan sebagainya tetapi pada hati dan jiwa kita". Seorang petani yang duduk di rumah buruk di tepi kita kata sawah ya...makannya ikan haruan ataupun ikan sepat, ikan keli di tempat dia tinggal dengan "beras kijang"nya...masak makan lebih kurang dengan lauknya daripada alam keliling mungkin dia lebih bahagia daripada seorang jutawan yang mempunyai harta yang banyak dan berbagainya tapi hidup tak senang, takut orang colek dia dan sebagainya kerana kekayaan dia. Sebab itu ertinya kita di Negeri Selangor ini juga kena fikir lebih banyak juga di samping kemajuan fizikal dan sebagainya ialah kemajuan dari segi peradaban, kemanusiaan, kerohanian dan sebagainya untuk memberi kebahagiaan kepada masyarakat setempat. Kalau orang tua dia suka kepada ibadat kita sedia tempat ibadat dia untuk kebahagiaan dia, orang muda barangkali perlu kepada sukan perlu sediakan sukan. Itu juga perkembangan fizikal dan kerohanian. Begitu juga dari aspek-aspek yang lain ya. Sebab itu kita percaya kalau kita dapat menyediakan segala keperluan rakyat kita baik dari segi fizikal, rohani dan sebagainya *Insya-Allah* saya fikir rakyat akan memberi keyakinan kepada kita semua. Kita rasa bergembira kita dapat apa dia ni, hasil yang banyak di Negeri Selangor, kita sediakan berbagai-bagai kemudahan daripada yang bersifat fizikal kepada yang bersifat rohani. Masjid dan surau kita sekarang makmur dihadiri oleh ahli jemaah-jemaah dan menjadi makmur masjid dan surau. Begitu juga dengan penyediaan-penyediaan dari segi pendidikan dan berbagai-bagai lagi yang kita harap semua ini akan memberi puas hati semua kalangan masyarakat di negeri kita. Dan kita nak tekankan bahawa konsep kemajuan bukan hanya setakat kemajuan yang bersifat fizikal tetapi penekanan juga kepada yang bersifat dalaman nurani hati dan nurani dan sebagainya. Pendeknya kita mahu mencapai kemajuan dari segi tamadun dan juga peradaban bagi negeri kita Selangor yang dikasihi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kajang mengucap terima kasih kepada Tuan Speaker memberi peluang membahaskan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Tuan Speaker, Tuan-tuan dan Puan-puan yang berada bersama, Tuanku dalam Titah Ucapan telah memuji prestasi pembangunan ekonomi dan Pembangunan Masyarakat di negeri Selangor oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah mencapai pertumbuhan KDNK 5.9% dalam 2011 dan dijangka pertumbuhan KDNK sebanyak 5.3% dalam tahun 2012. Dalam keadaan yang sama Negeri Selangor dalam empat tahun yang berturut-turut telah membentangkan bajet tahunan yang seimbang. Ini menunjukkan pentadbiran dan juga urus tadbir baik yang telah wujud selepas 2008. Dan kita dapat juga simpanan *reserve* negeri telah mencapai 1.9 billion pada tahun lepas. Tuan Speaker, pencapaian ekonomi dan pembangunan masyarakat yang disebutkan tadi ia merupakan satu lonjakan yang begitu ketara selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan negeri Selangor. Rakyat sekarang sudah semakin percaya dan yakin dengan Pakatan Rakyat yang mempamerkan keupayaan kepimpinan untuk mewujudkan negeri Selangor yang maju, berkebajikan, aman dan sejahtera. Ternyata sekali bahawa kerajaan negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar telah menunjukkan urus tadbir baik dengan izin *good governance* yang menjunjung amalan ketelusan *transparency*, kecekapan *competency*, intergriti dan kebertanggungjawaban *responsibility*. Prinsip-prinsip ini sememangnya mudah semua daripada kita tahu termasuk pihak pembangkang. Akan tetapi seseorang ahli politik kalau dihadapi dengan wang ringgit berjuta-juta, kalau bukan berbilion-bilion, ketamakan ataupun dengan bahasa inggerisnya *greed* untuk memewahkan diri atau keluarganya macam kes *national feed lot* akan mendorong mereka memecah amanah dan mengabaikan ajaran agama dan akidah yang mengutamakan kesedaran moral iaitu dengan izin *morale conscious*. Istilah kesedaran moral ataupun *morale conscious* ini, saya memetik daripada peringatan dan amanat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim. Tuan Speaker, atas pegangan kesedaran moral ataupun *morale conscious* dan akidah agama kerajaan Pakatan Rakyat negeri Selangor telah mendapat sokongan dan kepercayaan rakyat Selangor dan seluruh Malaysia. Kejayaan permulaan ini, ini permulaan sahaja membuktikan kepada rakyat satu anjakan paradigma, *paradigm shift* dengan izin telah berlaku di negara kita. Kita tidak berpuas hati dan *comfortable* dengan izin dengan pencapaian permulaan ini. Kita akui seperti yang ditunjuk dan juga dimaklumkan oleh daripada Backbenches Club, penyokong kerajaan ataupun di pihak pembangkang ataupun daripada pihak calon ataupun ADUN *independent* individu ya. Peringatan-peringatan kelemahan yang kita hadapi ini memang kita akui memang wujud dan kita memang dalam proses memperbaiki dan juga ada ruang lagi untuk dipertingkatkan lagi. Tapi yang pentingnya pegangan kesedaran moral dalam pentadbiran ini merupakan apa yang paling penting sekali. Walaupun kita masih lemah dalam beberapa bidang dan juga perancangan itu tidak menjadi satu masalah sangat tapi kesedaran moral ataupun *morale conscious* adalah satu pegangan yang penting rakyat akan mengetahuinya. Tuan Speaker, pada zaman sekarang, jangan kita orang politik cuba menggunakan helah penipuan dan menganggap rakyat boleh ditipu, diperdaya dan diperbodohkan. Malangnya masih ada lagi puak-puak yang selama ini merompak dan menyamun duit rakyat berpura-pura meminta rakyat memaafkan salah laku lampau mereka termasuk ketua daripada

Barisan Nasional turun ke Selangor dan berpura-pura meminta maaf kepada rakyat dan memohon rakyat memberi peluang kepada mereka untuk dapat balik Selangor sekali lagi tetapi rakyat tahu segala-galanya dan amalan-amalan mereka yang mengkhianati mereka selama ini masih tidak berubah. Bukan sahaja dari segi sikap tapi dari segi prinsipnya dari segi kesedaran moralnya langsung tidak berubah. Contohnya, wang daripada kutipan hasil negeri Selangor sebanyak lebih daripada RM16 bilion yang diberi kepada kerajaan pusat setiap tahun. Ianya dikurangkan pemberian balik kepada kerajaan negeri Selangor dengan matlamat hendak menyekat pembangunan di negeri Pakatan Rakyat. Tambahan lagi wang yang baki yang tidak diberi kepada negeri Selangor ini disalurkan melalui saluran kepartian, melalui komponen-komponen parti Barisan Nasional di mana perbelanjaannya tidak telus dan tidak ada *accountability*. Pada mereka yang biasa penyelewengan dan rasuah tidak wujudnya pegangan kepada kesedaran moral dan akidah. Tuan Speaker, Kajang ingin memetik kata-kata Menteri Besar Negeri Kelantan, Tok Guru Nik Aziz pada satu konvensyen beliau berkata kalau dah dipatuk ular buat kali pertama dan dipatuk buat kali kedua maka itu dikatakan bodoh. Jadi rakyat tidak akan percaya pada tipu helah mereka yang telah menipu mereka dan telah mematuk mereka berkali-kali. Tuan Speaker, kajang menjunjung kasih tuanku yang memberi nasihat kepada ahli-ahli dewan untuk memartabatkan ataupun memperkasakan dewan supaya dewan kita dapat dicontohi oleh negeri-negeri lain dan negara-negara antarabangsa. Kajang ingin mengucap terima kasih dan tahniah atas usaha dan inisiatif khasnya Tuan Speaker dan Kelab Penyokong Kerajaan, BBC serta para cendekiawan perundangan yang telah menderapkan SELESA iaitu satu draft untuk Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan yang akan disempurnakan untuk dibawa ke dewan nanti. Sekiranya dewan dapat meluluskan enakmen SELESA, maka sistem pentadbiran yang berdasarkan prinsip asingan kuasa antara perundangan eksekutif maka negeri Selangor akan kembali ke sistem yang berdasarkan pengasingan kuasa ini memang ketara. Tuan Speaker, Kajang berpeluang menghadiri seminar *parliamentary procedure and practice* anjuran CPA iaitu Commonwealth Parliamentary Association bersama dengan Kampung Tunkku baru-baru ini. Kami mendapati negara-negara Komanwel memang mempunyai sistem pentadbiran dewan atau parlimen yang diasangkan daripada pentadbiran eksekutif. Memang wujudnya satu suruhanjaya atau *commission* perkhidmatan dewan iaitu *house service commission* memang diwujudkan untuk memberi tumpuan kepada kerja-kerja dan urusan dewan. Kami berasa malu sewaktu seminar di situ kerana takut memberitahu bahawa negeri Selangor belum wujudkan sistem yang memang seharusnya wujud ini. Walau bagaimanapun negeri kita telah sediakan draft SELESA dan menurut Tuan Speaker parlimen Malaysia dan negeri-negeri lain telah menunjukkan minat dan ini merujuk kepada draft SELESA kita. Jadi Kajang berharap draft SELESA ini dapat dibawa ke dewan dan untuk diluluskan dalam masa yang terdekat. Tuan Speaker, selain daripada pengasingan kuasa dengan mewujudkan Suruhanjaya Perkhidmatan Dewan, proses pemerkasaan dewan harus juga menambahkan bilangan pegawai-pegawai Pejabat Dewan supaya ia dapat membantu urusan di dewan. Dengan adanya pegawai perkhidmatan dewan yang cukup maka latihan-latihan penghususan dan profesional dapat kita aturkan untuk melatih kakitangan di perkhidmatan dewan ini supaya dewan kita dapat diperkasakan dengan lebih cepat. Tuan Speaker, selepas Pakatan Rakyat mengambil alih kerajaan Selangor, rakyat memang puji kerajaan kita dan khasnya kerajaan tempatan di PBT-PBT dan

pejabat tanah di mana *efficiency* ataupun kecekapan sudah semakin bertambah baik. Akan tetapi Kajang juga mendapati masih kita ada kelemahan dari segi proses penyampaiannya. Satu contoh yang Kajang ingin bawa berkaitan dengan urusan permohonan tanah di mana terdapat 17 keluarga yang dipindahkan sewaktu pembinaan Lebuh raya SILK di Kajang. 17 keluarga ini memang dinafikan hak untuk dapat tanah waktu kerajaan lepas. Mereka ini memang pada awalnya dijanji akan diberi sekeping tanah bersama dengan mereka yang telah dapat tanah iaitu 35 keluarga berjumlah 50 lebih keluarga yang ada di situ. Jadi 17 keluarga ini telah dinafikan dan Kajang telah berusaha membantu mereka untuk menunaikan janji kerajaan barisan yang lepas dan permohonan telah diuruskan sudah menggenap lebih daripada 3 tahun dan proses ini belum lagi dapat apa-apa maklum balas dan mereka sedang menunggu dan ini merupakan satu isu di mana kita dapat menegakkan keadilan. Tunjuk pada rakyat bahawa kerajaan kita memang menunaikan mengokatan janjinya. Jadi proses urusan tanah ini memang merupakan satu proses yang penting kalau ia ditangguh-tangguh maka rakyat akan menganggap kerajaan kita belum cukup cekap dan penyampaiannya memang lambat. Jadi reformasi di peringkat bawah iaitu di PBT dan juga di pejabat tanah baik di pejabat tanah daerah maupun di PTG di negeri seharusnya meningkatkan lagi *efficiencynya* dalam penyampaian.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat, boleh sambung esok?

**Y.B. TUAN LEE KIM SIN:** Baik, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam sudah 4.30 petang maka dewan ditangguhkan sehingga hari esok, 22 Mac 2012 mulai jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**